POLEMIK SASTERA ISLAM

Kassim Ahmad
Shahnon Ahmad

m
PL5112
K19

KATA PENGANTAR

KONSEP sastera Islam tidak pernah dibicarakan oleh nabi dan para ilmuan Islam pada zaman silam tetapi kegiatan penciptaan sastera berkembang seiring dengan perkembangan Islam, malah telah memainkan peranan yang penting untuk kepentingan Islam. Sejak zaman sebelum Islam, penciptaan puisi sudah meningkat maju di negeri Arab sehingga al-Quran telah diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad untuk mencabar kewibawaan orang Arab untuk menghasilkan karya seperti al-Quran, tetapi orang Arab gagal mengatasi nilai sastera yang terkandung di dalam wahyu Tuhan itu.

Apabila agama Islam mulai bertapak di kota Madinah, Nabi Muhammad bukan sahaja menghadapi serangan yang bercorak fizikal daripada orang Quraisy, tetapi beliau juga menempuh serangan melalui pengucapan seni yang berbentuk puisi yang mengecamnya dan agama Islam. Justeru itu Nabi memperlengkapkan dirinya bukan sahaja dengan angkatan bersenjata yang kuat, tetapi juga dengan tokoh-tokoh sasterawan. Para sasterawan yang tersebut terdiri daripada penyair-penyair Muslim seperti Hassan bin Thabit, Ka'b bin Malik dan Abdullah bin Rawahah. Penyair-penyair ini memainkan peranan mereka untuk mengubahkan karya-karya puisi bagi menangkis serangan musuh melalui media sastera. Oleh yang demikian karya sastera yang bercorak puisi turut memainkan peranan untuk pengembangan Islam.

Sementara karya sastera Islam yang bercorak prosa, berkembang dalam peradaban Islam melalui anjuran yang dibawakan oleh al-Quran dalam surah Yusuf, ayat 3 yang berbunyi:

"Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling baik...."

Dalam ayat al-Quran tersebut mengandungi kata-kata *naqusu* (mencerita), *al-Qasasi* (penceritaan) iaitu cerita mengenai Nabi Yusuf.

Cerita mengenai Nabi Yusuf yang diriwayatkan dalam al-Quran merupakan cerita yang mengandungi unsur sastera yang sangat indah. Di samping cerita Nabi Yusuf, al-Quran juga mengandungi cerita-cerita yang lain seperti cerita Nabi Adam dan Hawa, cerita Nabi Musa, cerita kaum Ad dan Thamud, cerita Ashabul Kahfi (penghuni gua), Ashabul Fil (pasukan bergajah) dan lain-lain lagi.

Dari contoh bercerita seperti yang tersebut di dalam al-Quran itu telah melahirkan para pengembang Islam yang menggunakan cerita sebagai media berdakwah. Berdakwah melalui cerita telah berkembang dengan pesatnya mulai zaman Bani Umaiyah. Cara berdakwah melalui cerita amat digemari sekali oleh al-Hajaj salah seorang panglima perang dan gabenor kerajaan Bani Umaiyah. Antara tokoh-tokoh pengembang Islam yang berdakwah melalui cerita ialah seperti Hasan Basri, Tamim al-Dari, Thawus ibn Kaisan, Ubaid ibn Umair, Mualim bin Jundub dan lain-lain.

Di samping itu banyak juga orang Yahudi yang telah menganut agama Islam. Oleh sebab agama Islam merupakan lanjutan daripada agama-agama kitab, maka orang-orang Yahudi yang menganut agama Islam turut menuturkan cerita-cerita daripada warisan Bani Israil. Tokoh-tokoh Islam dari Bani Israil yang menuturkan cerita-cerita mengenai Bani Israil ialah seperti Kab-al Ahbar. Walaupun objektif cerita-cerita yang tersebut telah menekankan tentang amanat pengajaran Islam, tetapi cerita-cerita yang tersebut terkadang-kadang sangat aneh, maka timbullah pertanyaan tentang kebenaran cerita-cerita yang tersebut. Cerita-cerita mengenai Bani Israil banyak disangsikan kebenarannya, lalu dipanggil 'Israiliyaat'.

Oleh itu warisan dari perbendaharaan Islam telah meninggalkan dua contoh prosa. Pertama prosa yang bercorak cerita-cerita mengenai nabi-nabi yang didasarkan kepada al-Quran dan hadis-hadis nabi yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Yang kedua prosa yang bercorak cerita-cerita Israiliyaat yang asalnya dikisahkan oleh al-Quran, tetapi diriwayatkan semula berdasarkan tradisi lisan yang diwarisi daripada Bani Israil atau bangsa Yahudi.

Berdasarkan kepada dua jenis sastera iaitu sastera yang bercorak puisi atau syair dan prosa yang berbentuk cerita pernah menjadi wadah kepada sastera keagamaan di dalam tamadun Islam. Melalui penelitian terhadap karya-karya tersebut yang lahir seiring dengan perkembangan Islam, maka kita boleh membuat kesimpulan atau ijtihad tentang corak dan konsep sastera Islam dewasa ini.

Salah satu metode perkembangan Islam di alam Melayu ialah

melalui sastera atau prosa naratif. Tradisi pengembangan Islam melalui media cerita telah dilakukan di alam Melayu. Media ini telah dipilih kerana Islam dikembangkan dengan cara yang aman. Bukti tentang penggunaan cerita sebagai media mengembang Islam telah disebutkan oleh buku sejarah mengenai perkembangan di Cranganagore di India berjudul *Tuhfat al-Mujahidin* karangan Zain al-Zin Maabari. Menurut buku yang tersebut bahawa perkembangan Islam di daerah Malabar India bermula dengan kunjungan pengembang-pengembang Islam dari Khurasan. Para mubaligh yang tersebut telah menutur cerita mengenai Nabi Muhammad kepada raja Hindu yang bernama Perumal. Raja tersebut amat tertarik dengan cerita itu, lalu menganut agama Islam, maka dengan itu mulai berkembang di seluruh Malabar.

Perkembangan Sastera Islam Dalam Kesusasteraan Melayu

Apabila pengembang Islam mengunjungi alam Melayu mereka berusaha menggunakan segala media yang wujud dalam seni budaya Melayu untuk mengembangkan Islam. Para Wali Sangga telah menggunakan berbagai-bagai seni budaya rakyat untuk mengembangkan Islam di pulau Jawa seperti gamelan, kuda kepang dan wayang kulit. Salah satu media seni yang popular di kalangan orang Melayu pada masa yang lampau ialah penglipur lara atau cerita lisan. Cerita-cerita lisan dituturkan oleh tukang cerita yang dipanggil dengan berbagai-bagai gelaran seperti Selampit, Awang Belangga atau Awang Batil, Jobang, Kaba dan lain-lain. Cerita-cerita yang dituturkan ialah mengenai cerita-cerita rakyat yang bercorak tempatan dan juga cerita-cerita dari luar seperti Seri Rama dari India dan cerita-cerita Panji dari Jawa.

Para pengembang Islam turut menggunakan media tradisi lisan seperti yang tersebut untuk mengembangkan sastera Islam dengan matlamat untuk menyampaikan perutusan dakwah Islamiah, maka dengan itu cerita-cerita yang bercorak Islam telah dituliskan dalam bahasa Melayu. Hasil dari dorongan untuk berdakwah melalui cerita kepada orang Melayu, maka lahirlah sejenis genre sastera Islam yang bercorak hikayat. Lantaran masyarakat Melayu banyak yang tidak mengenal huruf, maka karya-karya sastera Islam yang bertulis tangan itu dibacakan kepada pendengar sepertimana yang dilakukan oleh penglipur lara Melayu.

Amalan membaca sastera hikayat yang bercorak Islam telah dilakukan di seluruh alam Melayu pada zaman permulaan Islam, ma-

lah tradisi ini telah dilanjutkan oleh masyarakat Melayu sehingga pada awal abad kedua puluh ini. Pembacaan cerita-cerita yang bercorak Islam ini berkembang kerana wujud sebilangan rakyat yang buta huruf. Mereka ini hanya dapat menikmati sesebuah karya sastera itu melalui pendengaran bacaan yang dilakukan oleh seorang pembaca yang mengganti peranan yang telah dimainkan oleh seorang penglipur lara.

Amalan pembacaan sastera hikayat amat popular di kalangan orang Melayu pada zaman Islam. Menurut C. Snouch Hurgronje bahawa amalan membaca hikayat merupakan kegemaran yang popular di kalangan orang Aceh pada masa lapang khasnya pada waktu malam hari. *Sejarah Melayu* juga melaporkan bagaimana para perajurit Melayu telah menggunakan media pembacaan hikayat-hikayat pahlawan Islam untuk menaikkan semangat mereka bagi melancarkan peperangan jihad menentang penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511.

Melalui dorongan dakwah dan penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat maka lahir sastera Melayu yang bercorak Islam. Antara jenis karya hikayat yang mula berkembang dalam kesusasteraan Melayu lama ialah cerita mengenai Nabi Muhammad dan cerita nabi-nabi Allah. Cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad berkembang dalam masyarakat Melayu bersama dengan perkembangan Islam. Faktor yang menyebabkan perkembangan cerita jenis ini ialah kerana orang Melayu ingin mengetahui mengenai riwayat nabi yang membawa agama Islam. Maka dengan itu lahir berbagai-bagai hikayat mengenai Nabi Muhammad dalam kesusasteraan Melayu lama.

Seiring dengan kelahiran cerita mengenai Nabi Muhammad seperti di atas, turut juga berkembang cerita-cerita mengenai nabi-nabi Allah daripada Nabi Adam sampai kepada Nabi Isa. Keadaan ini berlaku kerana orang Melayu mengetahui segala nama nabi-nabi itu melalui pelajaran rukun Iman. Kemudian cerita nabi-nabi Allah itu disebutkan di sana sini di dalam al-Quran. Melalui dorongan atau naluri ingin mengetahui mengenai riwayat yang jelas mengenai nabi-nabi Allah itu maka timbullah kegiatan menyalin kitab *Qisas al-Anbiya* dalam bahasa Melayu untuk dibacakan dalam pertemuan-pertemuan bagi mempelajari mengenai agama Islam.

Sementara cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad juga dibacakan orang sempena peristiwa bersejarah dalam Islam seperti *Mawlid al-Nabi* atau hari kelahiran Nabi Muhammad, awal tahun Hijrah,

malam Mikraj al-Nabi dan lain-lain. Dengan itu muncullah berbagai-bagai hikayat mengenai Nabi Muhammad dalam sastera Melayu lama sempena peristiwa yang penting dalam sejarah hidup nabi seperti cerita Mikraj al-Nabi, cerita kelahiran Nabi Muhammad, cerita mengenai nabi berhijrah ke Madinah dan lain-lain.

Dari faktor-faktor di atas maka terciptalah karya-karya prosa yang bercorak Islam dalam kesusasteraan Melayu. Dengan kemunculan genre hikayat dalam sastera Melayu, maka prosa Melayu yang bercorak Islam telah berkembang dengan pesatnya sehingga lahirlah berbagai-bagai corak cerita lain di dalam sastera Melayu seperti hikayat mengenai sahabat nabi, pahlawan Islam, cerita mengenai orang-orang yang salih, cerita tentang raja-raja Islam dan cerita berbingkai. Walaupun dalam bentuk yang terakhir sekali unsur-unsur hiburan lebih banyak ditekankan, namun begitu karya-karya hikayat yang tersebut masih tertakluk kepada nilai-nilai etika Islam yang menggambarkan bahawa kebaikan dapat mengalahkan kejahatan dalam semua konflik yang ditimbulkan dalam karya-karya tersebut.

Sementara karya-karya sastera yang bercorak puisi juga turut tersebar dalam masyarakat Melayu misalnya qasidah, berzanji atau puisi untuk memuji nabi dan berdakwah, juga turut berkembang dalam masyarakat Melayu pada zaman Islam. Puisi-puisi ini dinyanyikan oleh tukang-tukang zikir pada upacara agama. Karya-karya puisi tersebut berasal daripada bahasa Arab, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu demi untuk memberi kefahaman kepada para pendengar.

Antara puisi Melayu yang terawal yang berbentuk syair membawa perutusan mengenai ajaran agama Islam dan Nabi Muhammad seperti *al-Burdah* karya Muhammad al-Busiri dan *Aqidah al-Awwam* hasil karangan Sayid Ahmad al-Marzuki. Sementara itu berbagai-bagai bidang ilmu Islam yang dipelajari di alam Melayu banyak yang mengandungi ciri puisi. Misalnya teks-teks yang asal dituliskan oleh sarjana Islam dalam bahasa Arab dalam bentuk rangkap puisi yang dipanggil matan. Teks-teks dalam berbagai-bagai bidang ilmu dituliskan dalam bentuk rangkap puisi umpamanya dalam bidang nahu seperti karya *Syarah Ibn Aqil;* dalam bidang usuluddin *Matan Jauharah* dan lain-lain. Pengaruh penulisan buku-buku ilmu pengetahuan Islam seperti yang tersebut mungkin telah mendorong kelahiran puisi dalam sastera Melayu lama.

Sesungguhnya puisi Islam berkembang dengan pesat melalui bidang ilmu tasawuf. Ahli-ahli Sufi menekankan persoalan kero-

hanian. Oleh sebab ajaran Sufi banyak memperkatakan tentang berbagai-bagai unsur simbolik, maka ahli-ahli Sufi lebih gemar menyampaikan ajaran mereka dalam bentuk bahasa yang kabur yang hanya difahami oleh pengikut ajaran tasawuf sahaja. Untuk tujuan itu para Sufi memilih puisi untuk menyampaikan perutusan mereka. Akibatnya lahirlah puisi mistik dalam sastera Islam yang dituliskan oleh tokoh-tokoh Sufi seperti Rabiah al-Adawiyah, Dhu al-Nun al-Misri, Ibn Arabi, Bayazid, Umar ibn Farid, Abdul Kadir al-Jilani dan lain-lain.

Apabila ajaran Sufi berkembang di alam Melayu khasnya pada abad ke-16 terutama di Aceh, maka tokoh Sufi di Aceh iaitu Hamzah Fansuri telah dipengaruhi oleh bentuk puisi mistik dari Asia, lalu beliau turut mencipta dan menulis puisi mistik dalam bahasa Melayu yang dikenalinya sebagai rubaiah Hamzah Fansuri atau syair Melayu yang membawa persoalan ajaran Sufi. Karya puisi Hamzah Fansuri itu menurut Profesor Muhammad Naguib al-Attas telah menjadi perintis bagi kelahiran genre syair dalam sastera Melayu. Pada permulaannya puisi syair ini adalah bercorak sejenis sastera Islam yang membawa tema keislaman, tetapi bentuk puisi ini selanjutnya berkembang sehingga merangkumi bidang-bidang yang lain di luar daripada keagamaan seperti kisah-kisah percintaan dan asyik maksyuk dan sebagainya.

Kelahiran bentuk sastera moden dalam kesusasteraan Melayu merupakan sebagai satu proses perubahan yang radikal daripada bentuk sastera Melayu lama. Proses perubahan ini berlaku bermula dengan kemunculan Abdullah Munsyi yang banyak menulis mengenai kritikan dan kecaman terhadap kemunduran masyarakat Melayu tradisional. Beliau membuat teguran yang tajam terhadap budaya Melayu yang konservatif dan menjadikan kebudayaan Barat sebagai model budaya yang tinggi.

Sementara itu kelahiran Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang sasterawan Melayu telah membawa perutusan yang hampir sama setelah ia dipengaruhi oleh gerakan modenisme di Asia Barat. Syed Syeikh telah menghasilkan buat pertama kalinya novel-novel Melayu yang membawa perjuangan pembebasan bagi kaum wanita, lalu dituliskan novel *Faridah Hanum* dan lain-lain. Walaupun Syed Syeikh mempunyai niat yang suci untuk memperjuangkan kebebasan bagi kaum wanita, namun begitu novel-novel Syed Syeikh al-Hadi dianggapkan oleh pengkritik-pengkritik sastera Islam kini sebagai satu karya yang keterlaluan kerana ia menganjurkan pergaulan bebas antara teruna dan dara. Oleh sebab itu karya-karya Syed Syeikh al-Hadi telah menimbulkan tentangan yang hebat daripada para ulama tanahair pada ketika itu.

Gerakan pembaharuan dalam sastera Melayu dan kritikan terhadap warisan lama telah menimbulkan satu pemberontakan terhadap budaya Melayu lama sehingga menyebabkan kaum sasterawan Melayu tidak lagi mencari ilham penulisan dari sumber budaya Melayu yang berteraskan kepada Islam. Angkatan sasterawan Melayu tahun 50-an dan tahun 60-an lebih banyak tertarik dengan aliran pemikiran sastera moden daripada Barat seperti aliran seni untuk masyarakat dan seni untuk seni.

Walaupun nilai keislaman tetap wujud dalam berbagai-bagai karya kaum sasterawan Melayu, pada dekad-dekad tersebut, namun karya-karya yang bercorak sastera Islam tidak banyak muncul dalam sastera Melayu moden pada masa itu, kecuali dalam bentuk puisi seperti karya-karya yang dihasilkan oleh Zulkifli Muhammad, Adi Rumi, Badaruddin H.O, Marhan, Nahmar Jamil dan lain-lain.

Kesedaran tentang pentingnya penulisan karya sastera Islam mulai dibangkitkan oleh penulis-penulis Islam seiring dengan kemunculan gerakan dakwah Islamiah di Malaysia pada tahun 70-an. Konsep sastera Islam pada mulanya telah dituliskan oleh Badaruddin H.O. dalam *Dewan Bahasa* pada bulan Februari tahun 1966. Menyedari tentang perlunya satu bentuk karya sastera Islam yang mantap dalam kesusasteraan Melayu, pada tahun 1976 penulis telah menghasilkan sebuah makalah dalam *Dewan Bahasa* membincangkan tentang pendekatan sastera Islam.

Dalam makalah tersebut penulis telah membincangkan bentuk kesusasteraan Islam, iaitu sastera yang mengandungi nilai-nilai agama Islam. Bagi penulis sastera Islam tidak semesti hanya mengandungi tema dakwah agama sahaja tetapi sastera Islam itu boleh juga menekan aspek keindahan ataupun kemasyarakatan selagi karya sastera yang tersebut berdiri di atas asas nilai keislaman, maka ianya merupakan sebagai hasil kesusasteraan Islam.

Polemik Sastera Islam

Perbincangan tentang konsep dan bentuk sastera Islam berkembang menjadi satu polemik yang berpunca daripada pendapat Shahnon Ahmad yang mengulas sastera Islam di ruangan Sudut Pandangan dalam *Dewan Bahasa* keluaran Julai 1977. Dalam makalah tersebut Shahnon mengutarakan pendapatnya bahawa "berbudaya, berseni

atau bersastera bertunggakkan Islam, sama seperti beribadat atau berbakti kepada Allah". Di akhir makalahnya Shahnon mengungkapkan bahawa sastera Islam itu "sebagai sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia sejagat".

Shahnon Ahmad tokoh akademik dan seorang novelis Malaysia yang telah berjaya menghasilkan beberapa buah novel yang bermutu sehingga dianugerahkan Hadiah Sasterawan Negara. Pada tahun-tahun tujuh puluhan beliau mula memperlihatkan minatnya terhadap Islam sehingga membawanya menceburkan diri dalam sebuah pertubuhan dakwah Islamiah. Dengan kecenderungan yang tersebut beliau mulai menulis rencana-rencana mengenai Islam.

Sebagai seorang tokoh sasterawan negara beliau cuba membawa unsur-unsur keislaman dalam sastera tanahair, lalu ditulis sebuah buku mengenai kesusasteraan dan Islam yang diterbitkan pada tahun 1981 berjudul *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Dalam buku tersebut Shahnon telah membuat kritikan terhadap penulis-penulis ASAS 50 yang dianggap sebagai bertunjang kepada fahaman humanisme, sosialisme, idealisme, realisme dan sebagainya, bukan mengabdikan kepada Allah.[1]

Kassim Ahmad seorang penulis yang terkenal dalam bidang kritikan dan ketokohannya dalam bidang politik beraliran sosialisme di Malaysia. Pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan Kassim mulai meminati persoalan Islam dalam masyarakat Melayu. Sebagai seorang tokoh kritikan sastera, maka pendapat-pendapat yang diutarakan oleh Shahnon telah mendapat perhatiannya.

Sebagai memulakan polemik sastera Islam Kassim telah menulis dalam *Dewan Sastera* November 1982 dengan membuat kritikan terhadap pandangan Shahnon yang dibicarakan dalam bukunya *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Menurut Kassim bahawa tulisan Shahnon di dalam bukunya hanya membicarakan mengenai teologi dan sejarah Islam sahaja, Shahnon tidak memberi penyelesaian yang diperlukan tentang teori sastera Islam. Menurut Kassim bahawa pandangan Shahnon terhadap ideologi-ideologi seperti nasionalisme, liberalisme dan sosialisme sebagai sempit. Bagi Kassim bahawa semua falsafah yang terkandung di dalam ideologi yang tersebut juga terdapat di dalam Islam. Menurut Kassim "adalah tidak

[1]Shahnon Ahmad, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981, hlm. 70.

munasabah bagi orang-orang yang menamakan diri mereka Muslim menolak nilai-nilai ini semata-mata kerana ianya terdapat di dalam falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi lain".[2]

Dalam jawapan terhadap kritikan Kassim itu, Shahnon mengakui bahawa bukunya itu lebih merupakan huraian terhadap persoalan teologi dan sejarah Islam, sementara persoalan teori dan konsep sastera Islam amat sedikit disentuhnya. Untuk mempertahankan huraian di dalam bukunya, Shahnon menegaskan bahawa pembicaraan di dalam bukunya memang disengajakan kerana ianya mengikut pendekatan sastera Islam *per se*. Menurut Shahnon konsep sastera Islam itu mengarah kepada aspek-aspek peribadatan kepada Allah. Kegiatan sastera sebagai ibadah perlu ditekankan aspek iman dan iktikad melalui pengetahuan tentang ilmu usuluddin, tauhid. Manakala ilmu fiqah dan tasawuf bertujuan untuk memperbetulkan kaedah ibadat dan kebersihan hati. Selanjutnya Shahnon berpendapat jika persoalan teologi dan sejarah Islam tidak dipentingkan, maka keupayaan seseorang itu untuk melibatkan dalam kegiatan sastera sebagai suatu ibadah amat diragui.[3]

Dalam makalah yang sama Shahnon telah menegaskan lagi tentang definisi sastera Islam itu, iaitu sebagai sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia. Menurut Shahnon bahawa kegiatan sastera sebagai ibadah itu pula perlu memenuhi beberapa syarat yang diperakui oleh Islam bagi mengikuti kaedah syariatnya seperti.

i) Matlamatnya betul
ii) Perkara wajib mesti diamalkan
iii) Yang haram ditinggalkan
iv) Yang sunat elok diamalkan
v) Yang makruh elok ditinggalkan.[4]

Dalam ulasan Kassim terhadap definisi sastera Islam yang diutarakan oleh Shahnon itu beliau berpendapat bahawa definisi Shahnon itu disifatkannya sebagai terlalu umum dan samar. Walau bagaimanapun, Kassim bersetuju bahawa konsep seni kerana Allah yang dianjurkan oleh Shahnon itu lebih tinggi martabatnya dan

[2]Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon", *Dewan Sastera*, Februari 1983, hlm. 34.
[3]Shahnon Ahmad "Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah", *Dewan Sastera*, Januari 1983, hlm. 47.
[4]*Ibid.*

tinggi nilainya daripada konsep seni untuk seni dan seni untuk masyarakat.[5]

Dalam jawapan Shahnon terhadap ulasan Kassim mengenai definisi sastera yang dianjurkannya, Shahnon menyatakan perasaan senang hatinya kerana Kassim mengakui bahawa "sastera kerana Allah itu" lebih tinggi martabatnya daripada konsep seni untuk seni dan seni untuk masyarakat yang menjadi slogan bagi sasterawan-sasterawan Barat. Menurut Shahnon jika seseorang itu menerima Islam itu sebagai satu sistem hidup yang sempurna dan menyeluruh dalam kehidupan manusia, maka sudah sewajarnya konsep sastera Islam dapat diterima dan dipraktiskan.[6]

Kemudian perdebatan antara Kassim dengan Shahnon tertumpu kepada sifat pencipta sesuatu karya sastera itu sendiri. Menurut Shahnon bahawa sastera Islam perlu mengikut estetika Islam. Sementara Kassim pula berpendapat bahawa seni sastera Islam itu tiada semestinya diciptakan oleh seorang penulis Islam. Sastera Islam boleh diciptakan oleh manusia "dengan menggunakan keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk manusia."[7]

Dalam jawapan terhadap persoalan pencipta karya sastera Islam, Shahnon berhujah bahawa di samping unsur-unsur keindahan, kebaikan dan kebenaran di dalam sesuatu karya sastera Islam itu, penulis perlu menekan konsep tauhid, tegasnya penulis karya itu sendiri perlu beriman kepada Allah. Menurut Shahnon memang banyak penulis-penulis bukan Islam yang telah menciptakan karya-karya sastera yang mengandungi nilai-nilai universal yang bersesuaian dengan Islam seperti Dante, T.S. Eliot dan lain-lain, namun begitu karya mereka tidak boleh dikategorikan sebagai sastera Islam kerana keyakinan mereka tidak bertunjangkan kepada konsep tauhid. Tegasnya Shahnon berpendapat bahawa penentuan sifat suatu karya sastera Islam itu perlu, bukan sahaja dilihat dari luaran, tetapi juga unsur-unsur dalaman yang melahirkan karya yang tersebut iaitu keyakinan dan keimanan kepada Allah sebagai

[5]Kassim Ahmad "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", *Dewan Sastera*, November 1982, hlm. 26.

[6]Shahnon Ahmad "Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah", *Dewan Sastera*, Januari 1983, hlm. 48.

[7]Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon Ahmad, *Dewan Sastera*, Februari 1983, hlm. 34.

sumber kebenaran dan kebaikan sejagat.[8]

Hujah Shahnon di atas cuba dipersoalkan lagi oleh Kassim dengan mengemukakan alasan lain yang mungkin boleh melemahkan definisi Shahnon yang tersebut. Menurut Kassim kalau penekanan bahawa pencipta karya sastera mesti seorang Muslim yang berkeyakinan kepada konsep tauhid, mungkin banyak pula penulis-penulis Muslim yang bercorak Islam baka. Terdapat dalam kalangan penulis-penulis Islam baka yang menghasilkan karya-karya yang mengandungi unsur-unsur estetika yang bertentangan dengan Islam. Karya yang tersebut sepatutnya diketepikan sebagai sebuah sastera Islam. Menurut Kassim sebaliknya terdapat pula karya yang bercorak sastera Islam yang dihasilkan oleh orang bukan Islam. Penentuan terhadap definisi sastera Islam menurutnya seharusnya menurut lojika dengan menggunakan akal.[9]

Dalam perdebatan antara Shahnon dengan Kassim, saya melihat bahawa Shahnon cuba menekan tentang ketepatan definisi sastera Islam dengan unsur-unsur lahiriah dan batiniah. Shahnon lebih mengutamakan bahawa bukan sahaja kepada fenomena yang jelas wujud pada sebuah karya sastera itu, tetapi juga beliau melihat lebih jauh kepada unsur-unsur dalaman yang mendorong kelahiran sesebuah karya sastera itu. Beliau mempersoalkan latar belakang, aspirasi dan niat yang melahirkan sesuatu karya sastera itu. Menurutnya, ianya harus bertunjang kepada konsep tauhid atau keimanan kepada Allah yang mencetuskan unsur estetika keislaman di dalam jiwa pengarang yang tersebut.

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh Kassim lebih menekankan kepada unsur logika kerana agama Islam juga mementingkan akal dan logika. Amanat yang dibawakan oleh Islam mengandungi nilai-nilai universal yang mungkin juga dapat dilahirkan atau dicetuskan oleh penulis-penulis bukan Islam. Dalam hujah-hujahnya Kassim lebih berminat untuk merealisasikan teori sastera Islam sebagai suatu teori sastera yang unggul dan sejagat yang boleh dianuti dan dikembangkan bukan sahaja oleh penulis-penulis Islam, tetapi juga penulis-penulis bukan Islam dalam arena sastera antarabangsa. Cita-cita Kassim supaya teori sastera Islam dapat mengatasi

[8]Shahnon Ahmad, "Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam", *Dewan Sastera*, Mac 1983, hlm. 47-48.

[9]Kassim Ahmad, "Soal Definisi dan Penilaian", *Dewan Sastera*, April 1983, hlm. 45.

berbagai-bagai aliran teori sastera Barat yang goyah. Dengan demikian hujah yang dikemukakan oleh Kassim cuba menekan dari segi praktikaliti teori sastera Islam dalam konteks masyarakat manusia antarabangsa.

Kesimpulan

Melalui polemik sastera Islam antara Shahnon dan Kassim yang merupakan tokoh-tokoh sasterawan di Malaysia maka minat kaum penulis mulai menjurus ke arah perbincangan mengenai sastera Islam. Ramai penulis-penulis tampil ke muka untuk menyertai polemik dan perbincangan mengenai sastera Islam seperti Nahmar Jamil, Ismail Ibrahim, Mana Sikana, Rahman Shaari, Yusuf Zaki Yaakub, Abdul Rahman Rukaini, Ismail Hamid, Ali Haji Ahmad, Muhammad Kamal Hassan, Shafie Abu Bakar, Hashim Musa, Bustaman Yahya dan lain-lain lagi.

Pada peringkat permulaan terdapat ramai para penulis dan sasterawan tanahair yang menolak kewujudan sastera Islam sebagai satu bentuk sastera tanahair, tetapi sedikit demi sedikit konsep sastera Islam mulai diterima oleh kaum sasterawan, khususnya apabila karya-karya yang bercorak sastera Islam mulai dihasilkan melalui sayembara penulisan sastera Islam yang dianjurkan oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri dan juga kesedaran daripada kaum penulis sendiri untuk menghasilkan karya-karya yang bercorak sastera Islam.

Dengan dorongan kebangkitan Islam menambahkan keghairahan lagi di kalangan setengah kaum penulis Melayu untuk mencipta karya-karya yang bercorak sastera Islam. Shahnon sebagai seorang pelopor sastera Islam mulai menerapkan unsur keislaman dalam novelnya yang berjudul *Protes* dan menghasilkan sebuah karya yang bercorak sastera Islam dalam novelnya *al-Syiqaq*. Penulis-penulis lain yang turut menghasilkan karya-karya yang bercorak sastera Islam seperti Mana Sikana, Nahmar Jamil, Norhisham Mustafa, S. Othman Kelantan, Suhor Antar Saudara dan lain-lain lagi.

Untuk menghasilkan sebuah karya sastera Islam yang ideal seperti yang diperkatakan oleh setengah penulis memang sukar sekali, tetapi usaha ke arah menciptakan karya-karya sastera Islam harus diperkembangkan bukan hanya berkarya demi untuk memenuhi minat dan kecenderungan atau untuk menjadikannya sebagai sumber rezeki semata-mata. Penghasilan sastera Islam harus dilihat

sebagai media untuk berbakti kepada Allah melalui karya-karya yang bermutu yang mengandungi perutusan yang mulia dan suci. Sastera Islam seharusnya bermotif memperbaiki masyarakat manusia dalam rangka untuk melakukan amal salih atau amal kebajikan bagi menegakkan kebaikan dan menegakkan kejahatan seperti yang diperintah oleh Allah di dalam al-Quran.

Untuk menepati objektif di atas penulis Muslim harus memperlengkapkan dirinya bagi memenuhi kriteria sebagai seorang sasterawan demi untuk membolehkannya menghasilkan karya-karya yang bermutu sehingga menjadikannya sebagai karya-karya sastera *per excellence*. Dengan yang demikian karya-karya sastera Islam di tanahair kita dapat mencapai taraf yang bermutu bukan sahaja untuk dihayati persoalan keislaman yang dibawanya, tetapi juga mengandungi ciri estetikanya yang mengagumkan.

Institut Bahasa Kesusasteraan
dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor.

Dr. Ismail Hamid

KANDUNGAN

Kata Pengantar v

Menuju Sebuah Teori Sastera Islam 1
Kassim Ahmad

Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah 9
Shahnon Ahmad

Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon Ahmad 17
Kassim Ahmad

Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam 28
Shahnon Ahmad

Soal Definisi dan Penilaian 37
Kassim Ahmad

Sastera Islam: Antara Dalam-Diri dengan Luar-Diri 44
Shahnon Ahmad

Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Pandangan Hidup Tauhid dan Estetika Islam 53
Kassim Ahmad

Rumusan I: Masalah-masalah Teori 62
Kassim Ahmad

Rumusan II: Ukuran Kritikan Sastera Islam 67
Kassim Ahmad

Biodata Penulis 75

MENUJU SEBUAH TEORI SASTERA ISLAM

Kassim Ahmad

KITA berterima kasih kepada Shahnon Ahmad kerana setelah kita menunggu beberapa lama sejak tertubuhnya Gabungan Penulis-penulis Islam Malaysia (GAPIM) dan sejak konsep sastera Islam ditonjolkan di tanahair kita, beliau tampil ke muka untuk menghuraikan konsep itu di dalam buku beliau yang baru, *Kesusasteraan dan Etika Islam.*[1] Ini tidak bermakna kita bersetuju dengan pendapat-pendapat beliau. Tetapi dengan adanya buku ini, kita dapat membahas konsep tersebut dan mengkritik huraian beliau. Dengan demikian, kita akan dapat memahami masalah 'sastera Islam' dengan lebih jelas.

Penimbulan konsep sastera Islam di tanahair kita sekarang didorong oleh gerakan kebangkitan semula Islam bukan sahaja di tanahair kita tetapi di seluruh dunia. Proses kejatuhan tamadun dan kebudayaan Islam mulai abad ketiga belas dan kemudian proses kebangkitannya semula mulai abad kesembilan belas mempunyai sebab-sebab objektif tertentu yang telah dan masih perlu terus dikaji oleh masyarakat Islam supaya dapat kita memahaminya secara saintifik dan, mempercepatkan kebangkitan semula masyarakat Islam. Shahnon memberi ruang yang banyak juga kepada masalah ini, tetapi sayangnya kajian beliau, seperti banyak kajian lain tentang hal ini, terlalu umum dan abstrak. Saya tidak bercadang hendak membincang perkara ini di sini, kerana terkeluar dari tajuk perbahasan

---

[1]Shahnon Ahmad, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981.

kita. Perbahasan kita ialah konsep sastera Islam.

Sesiapa yang mengikuti karya-karya Shahnon akan mendapati satu perubahan besar telah berlaku dalam pemikiran Shahnon dalam kira-kira tahun 1976-77. Sebelum tahun 1976 pandangan politik Shahnon boleh disifatkan sebagai nasionalisme Melayu. Ingatkan kembali konsep 'Kekuasaan Melayu' (Malay Power) yang ditonjolkan oleh GATRA pimpinan beliau dalam tahun 1969 dan novel *Menteri* (1967) yang menceritakan pemberontakan rakyat terhadap pimpinan negara yang telah mengkhianati konsep 'Kekuasaan Melayu'. Kira-kira selepas tahun 1977 pandangan hidup Shahnon beralih kepada Islam – atau satu aliran Islam. Kira-kira pada waktu inilah beliau mulai bergiat di dalam gerakan dakwah Arqam. Buku *Kesusasteraan dan Etika Islam* ini nyatalah hasil pemikiran beliau yang terbaru mengenai sastera.

Saya tidak menentang perkembangan dan perubahan di dalam pemikiran seseorang penulis. Perkembangan dan perubahan adalah satu proses semula jadi dan berlaku pada semua manusia. Malah saya rasa gembira Shahnon dalam masa sepuluh tahun telah berkembang dari satu pandangan hidup sempit kepada satu pandangan hidup universal Islam. Ini tidak syak lagi satu kebaikan besar. Namun demikian, satu segi perubahan ini tidak begitu menyenangkan: maksud saya, tanggapan Shahnon tentang Islam yang agak sempit. Shahnon tentu tidak bersetuju dengan pendapat ini. Malah beliau terlebih dahulu telah menyanggahnya di dalam buku ini sebagai pendapat modenisme, satu musuh ketat Islam.[2] Saya akan menghuraikan maksud saya nanti.

Risalah ini lebih merupakan satu huraian tentang teologi Islam daripada teori estetikanya. Tujuh puluh peratus daripada kandungannya menumpu kepada soal-soal Islam sebagai ad-Din atau satu cara hidup dan kejatuhan Islam sebagai akibat penyelewengan umat Islam daripada konsep ini. Dengan demikian, aspek sastera, yang patut menjadi tumpuan masalah tenggelam di dalam timbunan teologi dan sejarah. Seorang pembaca harus dimaafkan kalau dia berasa Shahnon, kerana telah berasa tersalah, ingin hendak menebus dosanya kepada Islam!

Memang huraian tentang teologi Islam perlu, tetapi tempatnya bukan di dalam sebuah risalah sastera. Di dalam risalah ini, Shahnon sepatutnya menerangkan kepada kita dengan sejelas-jelasnya konsep sastera Islam. Sayangnya, persis itulah yang tidak kita peroleh. Huraian beliau masih terlalu umum dan samar, dan bertentangan pula! Mengikut Shahnon, sastera Islam ialah "sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia,"[3] "kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh Khaliq",[4] "karya yang jelas" dan satu ibadah.[5] Konsep-konsep ini, pada prinsipnya adalah baik. Dibanding dengan konsep-konsep "seni untuk seni" dan "seni untuk masyarakat", "seni kerana Allah", tidak syak lagi, adalah lebih tinggi. "Seni untuk seni" tidak kurang dari satu perulangan kata-kata yang tidak menjelaskan, satu tautologi. "Seni untuk masyarakat" lebih baik kerana ia menghubungkan seni kepada kehendak-kehendak masyarakat, tetapi kehendak-kehendak masyarakat adalah nisbi, seperti yang ditegaskan oleh Shahnon, dan bergantung kepada nilai-nilai yang dianuti oleh masyarakat itu pada sesuatu waktu. "Seni untuk Allah" merupakan satu konsep yang lebih kukuh dan utuh. Oleh itu dari segi teori, konsep ini lebih baik. Namun demikian, ia tidak cukup sebagai satu teori estetika atau teori sastera Islam. Satu teori sastera Islam memerlukan beberapa konsep dan struktur yang boleh menerangkan tujuan-tujuan, sumber-sumber, proses-proses penciptaan, sifat-sifat, bentuk-bentuk, kaedah-kaedah, nilai dan keindahan sastera. Tentunya Shahnon tidak bersetuju untuk menghuraikan konsep sastera Islam secara terperinci di dalam risalah ini, tetapi beliau tidak boleh mengelak satu huraian yang lebih terang.

Tiga konsep tambahan yang diutarakan oleh Shahnon adalah menarik dan berguna: sastera berakhlak, sastera sebagai ibadah dan sastera sebagai karya yang jelas. Konsep-konsep ini semua diambil dari falsafah Islam dan berpunca dari konsep pokok "seni untuk Allah". Shahnon menerangkan bahawa "kesusasteraan yang hak adalah kesusasteraan yang berakhlak, kesusasteraan yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan mereka terus-menerus ke arah kesempurnaan dan sedia dalam waktu yang sama, menentang kesusasteraan yang batil; bukan kesusasteraan yang berakhlak, kesusasteraan yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan manusia terus-menerus ke arah kesempurnaan dan sedia dalam waktu yang sama, menentang kesusasteraan yang batil; bukan kesusasteraan

[2] *Ibid.*, hlm. 80.

[3] *Ibid.*, hlm. 3.
[4] *Ibid.*, hlm. 11.
[5] *Ibid.*, hlm. 41.

yang merendah(kan) dan menghina(kan) kehidupan ini."[6] Ketiga-tiga konsep ini dengan sendirinya menolak banyak jenis karangan – karangan-karangan lucah atau berunsur seks; karangan-karangan kabur, kacau-bilau dan tidak munasabah (aliran absurdisme); dan karangan-karangan yang bertentangan dengan akidah ketuhanan. Konsep-konsep ini sebenarnya akan meletakkan kesusasteraan pada landasan moral dan estetika yang kukuh dan memberi asas penilaian yang kukuh pula, sekiranya dipraktikkan dengan wajar oleh penulis-penulis dan pengkritik-pengkritik.

Seperti kata Shahnon, seorang penulis yang baik perlu seorang yang bermoral. Adakah etika dalam sastera soal bentuk atau isi? Mengikut Shahnon, "proses penerapan akhlak dalam karya sastera adalah soal teknik dan ia bergantung kepada keupayaan dan daya kreatif pengarang itu sendiri."[7] Betulkah moral dalam sastera soal teknik? Kita tafsirkan teknik sebagai berhubung dengan struktur, kaedah dan bahasa. Adakah kita mahu menggunakan kaedah naratif, diskripsi atau dialog; bentuk-bentuk prosa, drama atau puisi; bentuk-bentuk puisi tradisional atau moden; kaedah-kaedah imbas-balik, monolog, *stream-of-consciousness* – ini semua dan lain-lain sebagainya adalah teknik. Tetapi adakah teknik kalau kita katakan rakyat Palestin yang sekarang ini lemah diatasi oleh kaum Zionis Israel berada di pihak benar, Israel dan Amerika Syarikat yang menyokongnya di pihak salah? Adalah teknik kalau kita katakan kecantikan tidak terletak kepada rupa paras, tetapi kepada akhlak dan budi pekerti? Lahuma dan Jeha di dalam novel Shahnon *Ranjau Sepanjang Jalan*, kalah di dalam perjuangan hidup mereka – adakah ini soal teknik? Nyatalah soal moral yang pada akhirnya merupakan soal kebenaran dan kebatilan bukan soal bentuk, tetapi soal isi. Ia berhubung dengan akidah, falsafah atau pandangan hidup penulis. Teknik tidak ada kena-mengena dengan soal ini. Walau bagaimanapun, kita harus perhatikan Shahnon sendiri telah menolak pesimisme melulu di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* di dalam buku ini.[8]

Di dalam bab kelima, Shahnon telah menggunakan konsep-konsep sastera Islamnya untuk membuat satu penilaian yang berani terhadap keseluruhan sastera Melayu. Mengikut beliau: "Kesusasteraan Melayu dalam zaman sebelum kedatangan Islam adalah sastera

[6] *Ibid.*, hlm. 6.
[7] *Ibid.*, hlm. 7.
[8] *Ibid.*, hlm. 64.

tahayul, penuh dengan mitos-mitos dan dongeng-dongeng, menganjurkan dunia utopia dalam khayalan dengan segala ciri *supernatural* dan keajaiban yang mendorong ke arah proses pemujaan manusia. Berpunca dari itu terhasillah sastera rakyat, sastera epik dan campuran antara ciri-ciri sejarah dengan ciri-ciri tahayul-dongeng yang meninggalkan kesan-kesan corak hidup dahulukala. Ciri-ciri akhlak yang terterap di dalam karya-karya zaman itu adalah terapung-apung kedudukannya, menyorot keagungan-keagungan dan keajaiban-keajaiban berbagai-bagai objek selain al-Khaliq, mengheret manusia ke lembah-lembah fantasi dan khayalan yang amat bercanggah dengan Islam."[9] Keadaannya tidak banyak berubah setelah kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kerana pengarang-pengarang tidak menonjolkan Islam.[10] Dengan kedatangan tamadun Barat, perkembangan kesusasteraan Islam (yang mengikut Shahnon tadi belum begitu ketara) langsung terbantut dan aliran intelektual yang utama ialah pengubahsuaian Islam mengikut isme-isme moden, seperti modenisme, nasionalisme, humanisme dan sebagainya.[11]

Dengan demikian, Shahnon memilih Angkatan Sasterawan 50 sebagai tidak berpegang kepada "cacamarba isme seperti realisme, sosialisme, humanisme, nasionalisme" dan sebagainya.[12]

Penilaian warisan sastera kita ini bukan sahaja terlalu meluas dan umum, tetapi tidak benar. Walaupun *Hikayat Hang Tuah, Hikayat Seri Rama, Hikayat Anggun Che Tunggal, Hikayat Faridah Hanum, Anak Mat Lela Gila, Mekar dan Segar* dan *Salina* tidak boleh dikatakan sastera Islam, tetapi tidak pula boleh dikatakan anti-Islam, kerana semua karya ini mendukung nilai-nilai moral yang dipelopori atau didukung oleh Islam. Memang ada unsur-unsur bukan Islam, malah anti-Islam, seperti syirik, tahayul, perzinaan dan sebagainya, tetapi unsur-unsur ini dimasukkan sebagai kenyataan-kenyataan di dalam kehidupan dan bukan sebagai nilai-nilai atau falsafah-falsafah yang dianjurkan. Shahnon sendiri, agaknya di dalam suasana pemikiran yang lebih siuman, menyedari hal ini. Kata beliau dalam bab kedua: "Pada dasarnya kesusasteraan Melayu sejak zaman silam hingga ke hari ini tidaklah terbabas dari landasan moral ini. Pengarang-pengarang kita sejak zaman keagungan tradisi lisan dengan cerita-cerita rakyat yang berbagai-bagai corak, membawa

[9] *Ibid.*, hlm. 50-51.
[10] *Ibid.*, hlm. 52.
[11] *Ibid.*, hlm. 53.
[12] *Ibid.*, hlm. 70.

kepada cereka dan puisi di zaman baru sebelum dan sesudah perang sehingga membawa ke hari ini pada umumnya adalah pengarang-pengarang yang berakhlak. Baik dari generasi Pawang Ana dalam kekayaan cerita penglipur lara mahupun membawa kepada Tun Seri Lanang, Abdullah Abdul Kadir Munsyi dan seterusnya kepada Pungguk, Ahmad Rashid Talu, Ahmad Kotot, Keris Mas, Tongkat Warrant dan sebagainya, kesusasteraan Melayu kita pada umum dan dasarnya adalah bermoral."[13]

Kontradiksi di dalam penilaian Shahnon ini menunjuk kepada satu kesilapan besar dalam kaedah kritikan Shahnon. Untuk berlaku adil kepada Shahnon, harus dinyatakan kesilapan ini kerap dibuat oleh ramai penulis. Di dalam penilaian ini Shahnon mencampuradukkan dua perkara yang perlu dibezakan untuk membuat analisa yang saintifik, iaitu akidah falsafah atau pandangan hidup formal dengan bentuk-bentuk pengucapan yang konkrit. Di dalam *Hikayat Hang Tuah* memang terdapat banyak tahayul dan suasana keislaman, seperti takbir, sembahyang, berpuasa, membaca kitab dan sebagainya, langsung tidak ada – ini menggambarkan akidah formal pada masa itu – tetapi apakah Hang Tuah, Hang Jebat dan sahabat-sahabat mereka, Bendahara Paduka Raja dan Tun Teja, watak-watak utama di dalam karya ini, tidak menggambarkan nilai-nilai moral luhur yang disanjung oleh Islam, seperti budi bahasa, sopan santun, keberanian mempertahankan diri, kebencian kepada kezaliman, taat kepada raja yang adil, akhlak yang tinggi dan sebagainya? Demikian jugalah karya-karya sastera Melayu di zaman Islam, feudal, di zaman penjajahan dan sekarang di zaman kemerdekaan dan kebangkitan semula Islam, karya-karya yang bermutu adalah karya-karya yang menggambarkan nilai-nilai luhur yang tidak bercanggah, malah selaras dengan ajaran-ajaran Islam.

Memang Ishak Haji Muhammad dan kebanyakan penulis kreatif kita tidak memulakan karya-karya mereka dengan bismillah, tetapi adakah dengan ini dan kerana ini karya-karya mereka sudah tergelincir dari Islam? Tentu tidak. Islam sebagai satu agama formal (yang dipamerkan) harus dibezakan dengan bentuk-bentuk keislaman tulen (walaupun tidak dipamerkan). Maka itu juga ASAS 50 mengisytiharkan slogan "seni untuk masyarakat" dan konsep perjuangan "memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup", adakah ini salah dan bertentangan dengan Islam? Tentu tidak. Sebab demikian adalah kerana pengarang-pengarang baik (bermoral dan berbakat) sama ada secara formal beragama Islam atau tidak, sama ada beraliran sastera apa pun, tidak dapat tidak akan menggambarkan kehidupan dengan benar, benar dalam erti kata falsafah. Sebaliknya, kita telah lihat pengarang-pengarang kita sendiri yang secara formalnya beragama Islam, tetapi telah menghasilkan karya-karya yang rendah mutunya malah yang bertentangan dengan etika Islam. Ini tidak bermakna agama atau pandangan hidup dan aliran sastera yang dianuti oleh seorang penulis tidak penting. Keyakinan dan teori seorang penulis penting, tetapi keyakinan dan teorinya mestilah dipraktikkan dan diucapkan di dalam karya-karyanya.

[13] *Ibid.*, hlm. 7.

Satu kritikan Islam atau keislaman terhadap sastera kita memang perlu untuk membuat penilaian yang wajar, tetapi kritikan Islam tentunya berlandaskan konsep yang luas, yang tidak meluahkan kritikan-kritikan melulu terhadap modenisme, nasionalisme, liberalisme, sosialisme, marxisme dan eksistensialisme, yang boleh membuat kritikan-kritikan saintifik, dan yang mampu menciptakan sintesis bagi pelbagai aliran kritikan sastera yang telah diwujudkan oleh manusia. Satu konsep kritikan sastera yang sempit tidak akan mengembangkan "sastera untuk Allah" tetapi malah akan membunuh sastera sama sekali.

Tadi telah kita sebutkan konsep menggambarkan kehidupan dengan benar, benar dalam erti kata falsafah. Nampaknya, kita telah sampai kepada masalah yang paling besar dalam sastera. Apakah kebenaran? Di dalam kehidupan hari-hari kita melihat, mendengar dan mengalami banyak sekali benda dan kejadian. Kita melihat pokok-pokok, binatang-binatang dan manusia di sekeliling kita dan mendengar bunyi-bunyi binatang-binatang dan suara-suara manusia. Kita bercakap dan berhubung saban hari dengan isteri-isteri, anak-anak, kawan-kawan dan orang-orang lain. Kita hidup, berkasih sayang, berasa gembira dan sedih, makan minum, bekerja, bermain, mengembara, berehat, tidur, bergaduh dan berperang, jatuh sakit dan mati. Bagaimanakah seorang pengarang menggambarkan seribu satu macam benda dan kejadian di dalam kehidupan supaya gambarannya benar? Jawapannya jelas ia tidak boleh dan tidak perlu menggambarkan 'semua' benda dan kejadian. Ia harus memilih apa yang penting untuk menggambarkan kebenaran. Ambil contoh peristiwa Nabi Yusuf dengan Zulaikha di dalam Quran. Siapa hendak berjahat dengan siapa? Jawabnya, Zulaikha hendak menodai

Nabi Yusuf. Buktinya, baju Nabi Yusuf terkoyak di belakang. Di dalam peristiwa ini fakta yang terpenting ialah Nabi Yusuf dikejar oleh Zulaikha di dalam rumah hingga ke pintu dengan tujuan hendak menodainya, menyebabkan baju Nabi Yusuf terkoyak di belakang. Kejadian-kejadian lain, seperti pemergian tuan rumah dari rumahnya meninggalkan isterinya dengan Nabi Yusuf di rumah, cara Zulaikha mendatangi Nabi Yusuf di biliknya, pakaian Zulaikha pada waktu itu dan dialog di antara mereka tidak penting. Oleh sebab itu, di dalam Quran, butir-butir ini ditinggalkan. Sekiranya, peristiwa ini diceritakan dengan demikian rupa hingga fakta Nabi Yusuf diburu oleh Zulaikha tenggelam di dalam butir-butir lain, maka kita dapat mengatakan bahawa penggambaran peristiwa ini telah dipalsukan dan tidak benar. Seperti kisah Nabi Yusuf dan Zulaikha, demikianlah semua kisah: penggambarannya mesti benar; karya-karya sastera mestilah menggambarkan kebenaran. Konsep dan teori sastera Islam mestilah menunjuk kepada jalan ini.

Kita telah melihat sungguhpun Shahnon sejak kira-kira 1976-78 menganut faham "seni untuk Allah" dan sekarang mengutarakan beberapa prinsip penilaian sastera yang berfaedah, penilaian beliau sendiri terhadap kesusasteraan Melayu bertentangan. Apa yang dapat dianggap penilaian beliau sebenar terhadap kesusasteraan Melayu pula tidak meyakinkan. Di dalam keadaan demikian, kita hanya dapat membuat kesimpulan bahawa buku *Kesusasteraan dan Etika Islam* gagal memberi satu huraian memuaskan mengenai teori sastera Islam. Ia banyak menghuraikan teologi Islam dan sejarah, tetapi mengenai teori sastera dan teori kritikan Islam tidak banyak yang dapat kita pelajari darinya.

(*Dewan Sastera*, November 1982)

MASALAH KEGIATAN KESUSASTERAAN SEBAGAI SATU IBADAH

Shahnon Ahmad

SAYA ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kassim Ahmad kerana ulasannya yang membina dan amat bermanfaat terhadap buku saya *Kesusasteraan dan Etika Islam*.[1]

Hasrat saya menyambut ulasan Kassim ini sama sekali bukan untuk mempertahankan buku saya yang serba kekurangan itu, tetapi lebih bertujuan mencari kesefahaman tentang konsep sastera Islam agar sastera Islam dapat diletakkan pada tempatnya yang wajar.

Saya amatlah bersetuju dengan Kassim bahawa buku saya itu lebih merupakan satu huraian tentang teologi dan sejarah Islam. Saya banyak menyentuh soal-soal Islam sebagai ad-Din atau satu sistem hidup yang menyeluruh dan sempurna. Teori dan konsep sastera Islam itu sendiri amat sedikit saya bicarakan.

Tetapi format seumpama ini memang disengajakan kerana saya cuba untuk mengikuti kewajaran dan keunikan teori dan konsep sastera Islam itu sendiri. Seperti yang diterima oleh Kassim, bahawa sastera Islam adalah sastera kerana Allah, sastera yang berakhlak mengikut nilai-nilai mutlak dan sastera yang bersifat ibadah. Pokok kepada konsep ini dengan sendirinya bermaksud bahawa keutamaan diberi kepada aspek-aspek ibadah kepada Allah. Sebagai satu kegiatan ibadah kepada Allah, soal-soal teologi dan sejarah perlulah ditonjolkan seberapa yang boleh, menyentuh sedikit sebanyak ilmu-ilmu usuluddin atau tauhid supaya soal iman dan iktikad diperte-

[1] Lihat Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", *Dewan Sastera*, November 1982.

guhkan, menyentuh aspek-aspek fiqah dan tasawuf supaya betul dan sah kaedah ibadah itu dan bersih hati dan sifat-sifat mazmumah. Sekiranya soal-soal teologi dan sejarah tidak diutamakan dalam pembicaraan sastera Islam, maka ragu-ragulah seseorang itu dalam tindakannya melibatkan diri dalam kegiatan sastera Islam sebagai satu ibadah.

Banyak kegiatan dalam hidup kita ini boleh dijadikan satu tahap ibadah kepada Allah. Ini bukan sahaja meliputi kegiatan sastera tetapi juga kegiatan-kegiatan yang lain seperti ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan sebagainya. Untuk setiap kegiatan itu diperhitungkan sebagai satu ibadah, perlulah memenuhi syarat-syaratnya pula. Antara lain syarat-syarat itu yang difahami oleh saya ialah niatnya mestilah betul, kegiatan itu sendiri mestilah sah mengikut nilai Islam, kaedah kegiatan itu sendiri pun mestilah mengikut syariat Islam, matlamatnya juga mestilah betul dan perkara-perkara yang wajib mestilah diamalkan, yang haram mestilah ditinggalkan, yang sunat eloklah diamalkan dan yang makruf eloklah ditinggalkan.

Syarat-syarat seumpama ini perlulah dihuraikan melalui aspek-aspek teologi dan sejarah supaya difahami betul-betul sebelum bergiat dalam sastera Islam. Pendekatan ini adalah pendekatan Islam dalam perjuangan. Kita tidak mahu setiap pengarang hanya ghairah membicarakan sastera Islam tanpa mendalami teologi dan sejarah Islam. Umpamanya kita tidak mahu melihat seseorang itu terjebak dalam sebuah parti politik yang niatnya entah ke mana, entah sah atau tidak ideologinya, entah betul atau tidak pelaksanaannya mengikut syariat Islam dan bagaimana matlamatnya yang sebenar. Kita tidak mahu matlamatnya cuma kesejahteraan duniawi semata dan anggota-anggota partinya tidak pula mengamalkan yang diwajibkan oleh Allah, tidak meninggalkan yang diharamkan oleh Allah.

Format mengutamakan teologi dan sejarah ini dibuat kerana saya cuba mengikuti susunan kitab suci al-Quran. Kalau kita kembali merujuk kepada al-Quran kita akan dapati setiap surahnya mempunyai tajuk yang khusus tetapi kandungannya banyak tertumpu kepada soal-soal akidah dan sejarah. Ada surah bertajuk *al-Baqarah* (Lembu), ada bertajuk *'Abasa* (Ia muka masam) dan ada yang bertajuk *al-Maaidah* (hidangan) tetapi kandungannya banyak mengutamakan teologi dan sejarah kerana dengan cara itu sahaja pengibadatan seseorang itu kepada Allah boleh dianggap sah mengikut perspektif Islam.

Malah kalau kita perhatikan sebuah surah yang bertajuk *Asy-*

syu'araa (para penyair) yang mengandungi 227 ayat itu, hanya empat ayat yang pendek-pendek sahaja membicarakan tentang para penyair dengan sajak-sajaknya. Ayat-ayat yang lain banyak menyentuh soal-soal keimanan, hukum-hakam, kisah-kisah nabi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun ternyata bahawa dengan izin Allah, hati Kassim terbuka untuk menerima beberapa konsep sastera Islam yang saya kemukakan secara teorinya. Ia adalah satu rahmat dari Allah sendiri. Konsep-konsep seperti sastera Islam adalah "sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia", "kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh al-Khaliq", "karya yang jelas", "sastera sebagai satu ibadah" diterima baik oleh Kassim Ahmad; malah dianggap lebih tinggi martabatnya dari konsep "seni untuk seni" dan "seni untuk masyarakat". Alhamdulillah.

Kita sedar bahawa Kassim dengan teori dan konsep sastera progresifnya selama ini bertonggakkan pada konsep seni untuk masyarakat. Tetapi kini ternyata pula Kassim menerima teori dan konsep sastera Islam itu lebih mulia dan tinggi dari seni untuk masyarakat. Tegas Kassim: konsep-konsep ini (konsep sastera Islam) sebenarnya akan meletakkan kesusasteraan pada landasan moral dan estetika yang kukuh dan memberi asas penilaian yang kukuh pula, sekiranya dipraktikkan dengan wajar oleh penulis-penulis dan pengkritik-pengkritik.

Kalau kita menerima Islam sebagai ad-Din, sebagai satu sistem hidup yang sempurna dan menyeluruh dalam semua bidang kegiatan manusia dalam hubungannya dengan Allah dan manusia, maka pasti sahaja teori dan konsep sastera Islam boleh dipraktikkan sewajarnya.

Saya akui kelemahan saya dalam buku kecil itu bahawa saya tidak berkesempatan menerangkan aspek-aspek konsep sastera Islam ini secara terperinci. Tetapi dalam banyak makalah-makalah terkemudian, banyak juga saya sentuh secara terperinci tentang nilai, bentuk dan sumbernya. Insya-Allah pandangan-pandangan itu akan diterbitkan dalam bentuk buku tidak berapa lama lagi.

Di samping itu kita tidak dapat menafikan pandangan-pandangan lain tentang sastera Islam ini amat berguna seperti karangan-karangan Syed Naguib al-Attas, Muhammad Kamal Hassan, Abdul Rahman Rukaini, Norhisham Mustaffa, Nahmar Jamil, Kemala, Shafie Abu Bakar, Syed Hussein al-Attas, Hamdan Hassan, Hashim Muda dan sebagainya. Saya berharap kekurangan yang ada

pada buku itu dapat ditambah lagi oleh golongan-golongan intelek, ulama-ulama, pengarang-pengarang dan pengkritik-pengkritik yang sudah mulai terbuka hati mereka menerima teori dan konsep sastera Islam.

Menyentuh kembali soal akhlak dalam sastera, Kassim lantas menyoal: adakah etika dalam sastera soal teknik atau isi? Kassim berdasarkan kenyataan saya yang berbunyi, "proses penerapan akhlak dalam karya sastera adalah soal teknik dan ia bergantung pada keupayaan dan daya kreatif pengarang itu sendiri."

Tafsiran Kassim, berdasarkan kenyataan saya ini, ialah soal akhlak bukan soal teknik tetapi soal isi. Saya memang bersetuju dengan Kassim dalam soal ini. Kalau kita renungi kembali ayat saya itu, ternyata bahawa saya maksudkan dengan teknik itu bukan soal 'akhlak' dan soal 'proses penerapan' akhlak. Proses penerapan di sini saya maksudkan cara atau kaedah menerapkan ciri-ciri akhlak secara sastera dalam bentuk-bentuk sastera yang tertentu. Tentu sahaja cara atau kaedah di sini adalah soal teknik. Isi tidak ada kenamengena dalam soal ini. Ia melibatkan soal struktur, kaedah dan juga bahasa. Kalau umpamanya kita ingin menerapkan sifat riak dan takbur dalam sesebuah novel, maka salah satu caranya ialah melalui perwatakan; sama ada melalui dialog, monolog dan sebagainya. Sifat riak atau takbur itu adalah aspek akhlak dan pasti sahaja soal isi. Tetapi kaedah atau cara yang diamalkan oleh pengarang untuk menerapkan sifat itu adalah soal teknik.

Teknik amat penting kerana di samping terus mempertahankan susasteranya, ia juga memberi kesan kepada matlamatnya. Kalau teknik menerapkan sifat riak dan takbur itu diolah dengan cara pendedahan sehingga yang mungkar menenggelami yang makruf atau yang hina tertonjol lebih dari yang mulia, maka kaedahnya bukanlah kaedah Islam. Ia lebih merupakan kaedah sastera *profane*. Tetapi kalau yang benar dimenangi dan yang makruf ditonjoli dan yang mulia lebih didramakan dalam struktur novel dari yang hina, maka kaedah itu adalah kaedah Islam. Sehubungan dengan ini juga Kassim mempersoalkan konsep nilai; satu aspek yang penting dalam kritikan sastera. Kassim menyebut bahawa banyak karya kita mendukung nilai-nilai moral yang dipelopori atau didukung oleh Islam. Apakah konsep perjuangan Asas 50 untuk "memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup" bertentangan dengan Islam? Mengikut fahaman Kassim, konsep ini akur dengan nilai Islam.

Kalau kita membicarakan soal nilai dalam Islam dan kita terus padankan nilai-nilai *profane* kepada konsep Islam, memang banyak persamaannya. Nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam itu bukan sahaja terdapat dalam karya-karya sastera kita, malah dalam karya-karya liberalis, sosialis, marxis dan eksistensialis pun banyak terdapat.

Sebenarnya perkara pokok yang perlu dipersoalkan bukan aspek persamaan tetapi aspek apakah nilai-nilai itu diterapkan mengikut syarat-syarat untuk memenuhi keperluan sebagai ibadah seperti yang telah dihuraikan awal tadi? Kita membicarakan satu kegiatan manusia sebagai satu ibadah kepada Allah; bukan satu kegiatan untuk keperluan dan tujuan lain. Umpamanya soal memajukan fikiran rakyat. Memang Islam menggalakkan usaha memajukan fikiran rakyat, tetapi apakah jenis fikiran rakyat yang hendak dimajukan itu? Keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian memang diperjuangkan oleh Islam; malah Islam itu sendiri pun membawa makna perdamaian. Tetapi apakah jenis kemakmuran, keamanan dan perdamaian itu? Keadilan, kemakmuran, perdamaian itu mestilah sah dari perspektif Islam, mestilah mengikut syariat Islam dan mestilah matlamatnya benar-benar diredai oleh Allah.

Kemakmuran yang difahami oleh Islam lain benar dengan kemakmuran yang difahami oleh fahaman-fahaman nasionalisme, sosialisme, marxisme, liberalisme dan sebagainya. Bagaimanakah hendak kita golongkan kesemuanya itu sama? Kemakmuran dan kekayaan dalam Islam lebih luas lagi. Pada tahap-tahap yang tertentu, kemiskinan harta benda dan hidup dalam keadaan kezuhudan pun dianggap sebagai kemakmuran dan kekayaan dalam Islam. Kemerdekaan yang difahami oleh Islam berlainan dengan kemerdekaan yang difahami oleh yang bukan Islam. Budi bahasa, sopan santun, keberanian mempertahankan diri, kebencian kepada kezaliman, taat kepada raja yang adil, akhlak yang tinggi – semuanya perlu disahkan oleh Islam, perlu mengikut syariat Islam dalam pelaksanaannya dan perlu bermatlamat Islam: bukan disahkan oleh sesuatu ideologi, bukan mengikut sistem bikinan manusia tanpa bertonggakkan Islam dan bukan bermatlamat yang lain selain memperolehi keredaan Allah.

Islam tidak sempit, kritikan Islam juga tidak sempit tetapi perlu mengikut nilai-nilai yang telah ditetapkan. Memang saya akur dengan Kassim bahawa tidak semestinya setiap karya Islam itu mesti mencatat bismillah pada permulaannya atau tamat dengan wassa-

lam. Tidak ada ayat-ayat al-Quran dalam karya sastera pun tidak mengapa asalkan ia memenuhi keperluan sebagai satu ibadah kerana di sini kita bicarakan satu aspek kegiatan manusia sebagai satu ibadah: bukan sembarangan kegiatan.

Sehubungan dengan ini jugalah Kassim menyentuh soal kebenaran. Mengikut Kassim selagi pengarang menggambarkan kehidupan yang benar, yang mengandungi nilai-nilai luhur yang tidak bercanggah dengan Islam, maka ia tidaklah bertentangan dengan Islam.

Ada dua perkara dalam hujah Kassim di sini. Pertama soal kehidupan yang benar. Kedua soal kebenaran itu sendiri. Bagi yang pertama memang dalam karya Islam boleh diterima tetapi penerimaan itu tidak terhenti di situ sahaja. Di samping kehidupan yang benar, Islam juga memerlukan pengesahan mengikut syariat. Kebenaran dan pengesahan ini penting kerana usahanya adalah satu ibadah; bukan sembarangan usaha. Kebenaran adalah faktor penting dalam karya sastera Islam tetapi kebenaran itu hendaklah dikerjakan mengikut syarat-syarat yang telah dihuraikan terlebih dahulu. Dimisalkan kita ambil bidang perniagaan. Kehidupan berniaga adalah satu realiti dalam masyarakat kita. Islam sendiri menggalakkan perniagaan. Ini terbukti dari kegiatan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang banyak melibatkan diri dalam perniagaan. Ini bererti pada prinsipnya perniagaan itu benar dan juga sah. Dan pada tahap prinsip, perniagaan juga adalah satu ibadah. Tetapi apakah jenis perniagaan itu sah dari sudut Islam? Apakah kaedah atau cara melaksanakan perniagaan itu sah dari sudut Islam? Apakah pula matlamat perniagaan itu sah?

Kalau kita berniaga sayur-sayuran, maka sahlah perniagaan itu, tetapi bagaimana kalau kita berniaga daging babi atau arak? Tentulah tidak sah dari segi jenisnya. Kalau sudah sah dalam jenis, soal kaedah pelaksanaan pun hendaklah sah juga. Ertinya dalam perniagaan, tidak ada kekecohan, penipuan dan sebagainya. Dan kalau dari segi jenis, pelaksanaan dan matlamat itu sah, apakah orang yang berniaga itu menunaikan kehendak-kehendak asas dalam Islam seperti sembahyang, zakat fitrah dan sebagainya. Sekiranya salah satu daripada syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka tidaklah dapat kita katakan kegiatan itu sebagai satu ibadah.

Kita ambil bidang puisi pula. Kegiatan bersajak dalam masyarakat kita adalah benar, bukan dongeng. Kita mempunyai ramai penyair. Islam sendiri tidak menentang kegiatan bersajak. Ini kita sandarkan pada ayat 224 hingga 227 dalam surah *Asy-Syu'araa* dan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Ubay bin Ka'ab yang bermaksud: Sebahagian syair ada mengandungi hikmah dan kebijaksanaan.

Jadi dari segi prinsipnya bersajak adalah benar. Tetapi dari segi sahnya tidak pula kerana kita perlu sandarkan pada ayat 227 dari surah *Asy-Syu'araa* itu yang bermaksud antara lain: kecuali penyair-penyair yang beriman dan beramal salih dan banyak menyebut Allah....

Kemudian dari segi kaedah atau tekniknya. Kalau puisi itu sukar difahami, penuh dengan kata-kata yang tidak keruan dan kabur, simbol-simbol yang janggal-janggal dan sebagainya, tentulah bertentangan dengan Islam kerana Islam mementingkan kata-kata yang indah, jelas dan bermanfaat. Ini sesuai dengan ayat enam dalam surah *Luqman* yang bermaksud:

> Dan di antara manusia ada orang yang mempergunakan perkataan yang tidak benar dan tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari jalan Allah tanpa pengetahuan dan menjadikan jalan Allah itu olok-olokan. Mereka itu akan memperoleh azab dan menghinakan.

Ini juga sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Saidina Ali r.a.:

> "Berbicaralah kepada orang banyak dengan bahasa yang dimengerti mereka, dan tinggalkanlah hal-hal yang tidak boleh dimengerti. Inginkah engkau Allah dan Rasul-Nya didustakan orang?"

Begitu juga dengan matlamat atau tujuan puisi itu sendiri. Kebenaran yang diterapkan itu perlulah juga mempunyai yang dikehendaki Allah iaitu dicipta 'kerana' Allah (bukan 'untuk' Allah seperti beberapa kali ditegaskan oleh Kassim dalam ulasannya kerana Allah tidak perlu diperuntukkan apa-apa kepada-Nya. Sama ada kita beribadat atau tidak kepada Allah. Allah tidak rugi dan tidak untung Allah sudah sempurna).

Puisi yang boleh menyesatkan pembaca, yang hanya dipenuhi dengan keghairahan nafsu semata, tentu tidak memenuhi syarat-syarat sebuah puisi Islam. Ayat enam dalam surah *Luqman* sudah menjelaskan perkara ini. Pendek kata di samping kebenaran, syarat-syarat lain perlu juga dipenuhi kalau hendak diperhitungkannya sebagai satu ibadah. Ukuran berasaskan kebenaran mengikut falsafah sahaja tidaklah mencukupi.

Menyentuh tentang kebenaran itu, Kassim lantas menyoal:

Apakah kebenaran? Persoalan ini mempunyai sejarah yang amat panjang dalam budaya manusia. Apa yang dapat difahami di sini Kassim bermaksud 'kebenaran' dalam erti kata falsafah sahaja; bukan kebenaran mutlak yang didukung oleh Islam. Kassim pasti sahaja mempercayai kebenaran mutlak tetapi dalam soal penerapan kebenaran dalam karya sastera, kebenaran mutlak hendaklah dipisahkan dari kebenaran fakta yang hanya boleh dikesani oleh deria manusia melalui daya melihat, mendengar, merasa dan sebagainya. Kata Kassim: Di dalam kehidupan hari-hari kita melihat, mendengar dan mengalami banyak sekali benda dan kejadian. Kita melihat pokok-pokok, binatang-binatang dan manusia di sekeliling kita dan mendengar bunyi-bunyi binatang dan juga suara manusia. Kita bercakap dan berhubung saban hari dengan isteri-isteri, anak-anak, kawan-kawan dan orang-orang lain. Kita hidup, berkasih sayang, berasa gembira dan sedih, makan minum, bekerja, bermain, mengembara, berehat, tidur, bergaduh dan berperang, jatuh sakit dan mati.

Jelas di sini bahawa kebenaran bagi Kassim hanya berputar di sekitar pengalaman hidup yang berdaya diterima oleh deria manusia sahaja dalam jangka waktu antara kelahiran ke dunia manusia dan berakhir dengan kematian. Kebenaran di luar waktu itu mungkin ada bagi Kassim tetapi tidak boleh diperhitungkan bila bergiat dalam penciptaan dan kritikan sastera.

Saya tidak bermaksud hendak memanjangkan huraian kebenaran ini kerana secara kebetulan dalam *Dewan Sastera,* keluaran yang sama dengan ulasan Kassim (November 1982) Dr. Mohammad Kamal Hassan telah memperincikan pengertian kebenaran ini terutama perbezaan antara realiti yang dapat dilihat dengan realiti secara hakiki.[2]

(*Dewan Sastera,* Januari 1983)

[2]Lihat Mohd. Kamal Hassan, "Beberapa Catatan Mengenai Kriteria-kriteria Estetika dalam Seni dan Sastera", *Dewan Sastera,* November 1982, hlm. 19-24.

MENUJU SEBUAH TEORI SASTERA ISLAM: JAWAPAN KEPADA SHAHNON AHMAD

Kassim Ahmad

SAYA gembira membaca jawapan Saudara Shahnon Ahmad kepada ulasan saya terhadap buku beliau, *Kesusasteraan dan Etika Islam,* di dalam majalah *Dewan Sastera,* Januari 1983. Saya tentu tidak akan mengulas buku beliau sekiranya saya tidak memikirkan ia penting. Memang telah ada perbincangan-perbincangan oleh penulis-penulis kita mengenai konsep sastera Islam sebelum ini, tetapi, sepanjang pengetahuan saya, buku Saudara Shahnon ini merupakan buku pertama yang membincang masalah ini. Tujuan saya ialah mendapat pengertian yang lebih jelas tentang konsep sastera Islam. Di dalam ulasan itu saya telah menyuarakan kekecewaan saya dan telah menimbulkan beberapa kemusykilan saya. Malangnya, jawapan beliau juga tidak menghapuskan kemusykilan-kemusykilan itu.

I

Saya membahagikan rencana ini kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan menerangkan sedikit pendirian saya tentang perbincangan teori sastera Islam. Bahagian kedua akan menjawab bantahan-bantahan Saudara Shahnon. Bahagian ketiga dan akhir akan menghuraikan pendapat-pendapat saya mengenai beberapa perkara di dalam teori sastera Islam.

Saya menganggap polemik mengenai sebuah teori sastera Islam sekarang adalah penting, kerana kesedaran baru yang nyata di kalangan umat Islam tentang tamadun Islam dan peranannya di dalam tamadun baru yang sedang diciptakan. Pada pendapat saya, tiap-tiap penulis yang berminat kepada estetika Islam (yang beragama Is-

lam mahupun tidak) berhak menyertai dan menyumbangi perbincangan ini. Bagi diri saya sendiri, saya sentiasa berminat untuk melihat wujudnya sebuah teori sastera yang benar, sebuah teori sastera yang boleh menghuraikan apa itu kesusasteraan, dari mana dan bagaimana timbulnya kesusasteraan, struktur, bentuk-bentuk dan teknik-teknik kesusasteraan, fungsi dan nilai kesusasteraan, dan bagaimana menilaikan kesusasteraan. Di masa yang lalu saya menganut faham 'seni untuk masyarakat'; ini sekali-kali tidak bermakna saya tidak nampak dimensi lain bagi kesusasteraan – misalnya dimensi keindahan yang tidak mempunyai fungsi sosial secara langsung. Dengan demikian, saya tidak menolak faham-faham lain sekiranya faham-faham ini tidak menafikan tujuan kemasyarakatan sastera dan seni. Di masa-masa yang lalu, di negara kita slogan-slogan 'seni untuk seni' dan 'seni untuk manusia' digunakan untuk mengasingkan seni dari pergolakan masyarakat dan menghalalkan penindasan penjajah dan penindasan kelas. Maka itu satu golongan penulis kita, termasuk saya, menolak faham-faham 'seni untuk seni' dan 'seni untuk manusia' dan menganjurkan faham 'seni untuk masyarakat'. Pada hari ini, hampir tiga dekad kemudian, masalah penjajahan sudah tidak ada, walaupun masalah penindasan kelas tetap wujud. Seni, seperti falsafah dan agama, tetap harus menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, tetapi, pada pendapat saya, di tahun-tahun lapan puluhan ini penglihatan manusia kian terang dan kita dapat meningkatkan cogan kata seni kita ke tingkat yang lebih universal dan mutlak.

Saya berharap polemik ini akan disertai oleh penulis-penulis dan pengkritik-pengkritik kita bukan sahaja dari aliran Islam, tetapi dari semua aliran – dengan semangat kebebasan perbincangan intelektual yang sebenar. Jika tujuan kita hendak mencapai kebenaran – dan tujuan kita mestilah untuk mencapai kebenaran – kita mestilah sanggup menguji pendapat-pendapat kita dengan kritikan-kritikan yang saintifik. Hanya pendapat-pendapat yang tahan ujian ini pendapat-pendapat yang benar.

II

Saya terperanjat membaca pendapat Saudara Shahnon yang mengatakan format teologi di dalam buku beliau itu disengajakan oleh beliau kerana beliau mencontohi al-Quran. Pendapat ini tidak munasabah dan saya tolak. Pertama sekali, al-Quran ialah sebuah kitab agama dan tujuannya ialah mengajar agama kepada manusia, sedang-

kan buku Shahnon memperkatakan kesusasteraan di dalam hubungannya dengan etika Islam. Tajuk kedua-duanya tidak sama dan tekniknya tidak boleh sama. Kedua, memang jelas, mengikut kaedah penulisan, bahawa sebuah buku mengenai sesuatu perkara mestilah menumpu kepada perkara itu. Kita boleh melihat contoh-contoh karya besar penulis Islam zaman dahulu atau zaman moden – adakah buku-buku mereka, kecuali yang memperkatakan teologi, semuanya penuh dengan teologi? Jawabnya, tidak.

Saya fikir Shahnon bertolak dari beberapa prasangka dan salah faham. Umpamanya, beliau menulis: "Kita tidak mahu setiap pengarang hanya ghairah membicarakan sastera Islam tanpa mendalami teologi dan sejarah Islam."[1] Siapakah pengarang yang ghairah membicarakan sastera Islam, tetapi jahil tentang Islam? Di manakah letaknya kejahilan pengarang itu? Bagaimana Shahnon tahu tentang kejahilan pengarang itu mengenai teologi, sejarah atau falsafah Islam? Shahnon tidak memberikan kita bukti-bukti tentang kejahilan pengarang-pengarang yang telah berani memperkatakan sastera Islam tanpa pengetahuan yang cukup. Kalau Shahnon berfikir pengarang-pengarang Islam kita perlukan pelajaran-pelajaran teologi dan sejarah Islam daripada beliau tentulah lebih baik beliau menulis buku-buku teologi dan sejarah Islam untuk mereka.

Tafsiran Islam Shahnon yang sempit nyata bila beliau menerangkan pendirian beliau terhadap falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi lain. Kepada beliau, nampaknya, nasionalisme, liberalisme dan sosialisme tidak berfaedah, kerana merupakan nilai-nilai *profane*.![2] Inilah asas penolakan beliau terhadap konsep nasionalis-progresif Asas 50. Tetapi beliau lupa bahawa semua falsafah dan ideologi ini adalah sebahagian daripada Islam. Nilai nasionalisme cinta kepada tanahair adalah nilai Islam juga. Nilai liberalisme kebebasan individu adalah nilai Islam juga. Nilai liberalisme keadilan sosial adalah nilai Islam juga. Nilai-nilai universal ini terkandung di dalam Islam dan wujud di dalam semua agama dan masyarakat bertamadun. Adalah tidak munasabah bagi orang-orang yang menamakan diri mereka Muslim menolak nilai-nilai ini semata-mata kerana mereka terdapat di dalam falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi lain. Pendirian demikian hanya memperolok-olokkan Islam dan menja-

[1] Shahnon Ahmad, "Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah", *Dewan Sastera*, Januari 1983, hlm. 48.
[2] *Ibid.*, hlm. 49.

tuhkannya kepada martabat satu agama perkauman.

Kita tahu Islam sebagai satu agama wahyu berbeza dengan falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi sekular. Saya tidak menyatakan Islam sama dengan falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi ini. Saya juga tidak menyatakan konsep-konsep seperti kebebasan, keadilan, kemajuan, pembangunan, kebaikan dan kejahatan mempunyai makna yang seratus-peratus sama di dalam pelbagai pandangan hidup yang wujud di dunia hari ini. Tetapi titik-titik pertemuan wujud di kalangan mereka. Inilah asas kemanusiaan – satu nilai pokok yang dibela oleh Islam – dan asas kerjasama antarabangsa. Saya fikir Shahnon sebagai seorang penulis dan pejuang Islam haruslah memperjuangkan kemanusiaan dan kerjasama antarabangsa. Di atas asas ini beliau harus menghargai dan membela aspek-aspek positif dari semua falsafah dan ideologi (dan tentunya mengkritik aspek-aspek negatif) tanpa meluahkan kritikan-kritikan yang melulu dan menolak semua yang tidak berasal dari Islam. Pendirian Islam yang sebenar adalah humanistik dan universalis dan menerima kebaikan dari semua tamadun.[3]

Di dalam ulasan saya, saya telah menyebut dua perkara yang tidak harus dikelirukan: anutan formal kepada sesuatu kepercayaan atau falsafah dan amalan konkrit kepercayaan itu. Pada akhirnya, amalan konkrit itulah yang membuktikan kepercayaan atau falsafah. Malangnya, di dalam jawapannya Shahnon tidak memberi perhatian kepada hal ini. Beliau menulis: "Kalau kita menerima Islam sebagai ad-Din, sebagai satu sistem hidup yang sempurna..., maka pasti sahaja teori dan konsep sastera Islam boleh dipraktikkan sewajarnya."[4] Pada pendapat saya, ia tidak semestinya dan secara automatis berlaku. Contohnya terlalu banyak orang-orang Islam yang mempercayai Islam tetapi di dalam hidupnya tidak dapat mengamalkan Islam sepenuhnya atau separuh pun. Al-Quran telah memberi amaran tentang perkara ini: Berkata orang-orang Arab Badwi: "Kami beriman." Katakanlah: "Kamu belum beriman." Tetapi berkatalah kamu: "Kami tunduk. Kerana keimanan belum masuk ke dalam hatimu," (49:14).

Masalah perbezaan di antara pengakuan formal dengan amalan

[3]"Hari ini dihalalkan bagimu segala yang baik dalam kehidupan," (Quran 5:5). "Dalam Islam kebaikan-kebaikan dari zaman Jahiliah akan dilakukan," (Hadis, riwayat Ibn Hanbal).

[4]Shahnon Ahmad, *op. cit.*, hlm. 48.

konkrit (yang terbit dari keyakinan teguh) menyebabkan saya menimbulkan soal kebenaran di dalam ulasan saya. Saya telah menulis: "...pengarang-pengarang baik (bermoral dan berbakat) ...tidak dapat tidak akan menggambarkan kehidupan dengan benar, benar dalam erti kata falsafah."[5] Maksud saya dengan "kebenaran di dalam erti kata falsafah" ialah kebenaran hakikat, bukan kebenaran fakta semata-mata. Tiap-tiap penulis menggambarkan kehidupan mengikut pandangan hidupnya. Dia 'memilih' dari pelbagai fenomena dan 'pemilihan' ini menggambarkan aliran sasteranya, dan tidak semestinya menggambarkan kebenaran. Itulah sebabnya saya berkata masalah kebenaran mungkin masalah terbesar dalam kesusasteraan. Tetapi contoh yang saya bawa mengenai fenomena-fenomena yang ditemui di dalam kehidupan harian tidak sekali-kali harus difahami sebagai mengandungi segala-galanya yang wujud. Saya hanya ingin menunjukkan keperluan seseorang penulis membuat pilihan dan pilihannya akan menunjukkan falsafahnya tentang kewujudan.

Kebenaran satu nilai yang utama dalam kesusasteraan, di samping kebaikan dan keindahan. Ketiga-tiga nilai mempunyai kedudukan yang utama di dalam sesuatu teori kesusasteraan atau, lebih luas, kesenian. Perkara ini diperkatakan oleh Mohd. Kamal Hassan dalam rencananya, "Beberapa Catatan Mengenai Kriteria-kriteria Estetika dalam Seni dan Sastera",[6] dan kita telah dirujukkan oleh Shahnon kepadanya berhubung dengan pengertian masalah kebenaran. Memang saya tidak bermaksud membataskan kebenaran kepada 'dunia material' semata-mata, seperti yang disangka oleh Shahnon. Tetapi saya mengemukakan masalah pilihan bahan-bahan yang harus dilakukan oleh semua penulis, dan pilihan ini menunjukkan pentafsiran dan penilaian penulis itu kepada bahan-bahannya dan kepada dunia.

Di dalam ulasan saya, saya menunjuk kepada satu kontradiksi yang menonjol di dalam penilaian Shahnon terhadap kesusasteraan Melayu. Saya menjangka dan berharap Shahnon akan menghuraikan kontradiksi ini. Malangnya, beliau tidak berbuat demikian. Adakah kontradiksi ini memperlihatkan kontradiksi di dalam pemikiran Shahnon sendiri: di satu pihak pengertian dogmatik beliau yang

[5]Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", *Dewan Sastera*, November 1982, hlm. 28.

[6]*Dewan Sastera*, November 1982, hlm. 19-24.

sempit, dan di pihak lain pengertian luas yang lebih cocok dengan kenyataan?

III

Berbicara tentang estetika Islam, pada pendapat saya, Shahnon di dalam buku tersebut dan di dalam jawapannya harus menerangkan soalan-soalan berikut: Apakah kesusasteraan Islam? Apakah sumber-sumbernya? Bagaimana hubungan kesusasteraan Islam dengan keindahan, kebenaran dan kebaikan? Bagaimanakah kesusasteraan Islam diciptakan? Apakah fungsi kesusasteraan Islam? Apakah struktur-struktur, bentuk-bentuk dan teknik-tekniknya? Bagaimanakah kita menilai kesusasteraan Islam? Inilah perkara-perkara yang perlu dijelaskan di dalam sesuatu teori sastera Islam. Shahnon mengemukakan idea-idea "sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia", "kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh Khaliq", "sastera sebagai ibadah" dan "karya yang jelas". Setengah daripada idea ini tidak jelas dan menimbulkan kesulitan-kesulitan. Apakah yang dimaksudkan dengan "kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh Khaliq"? Adakah kesusasteraan atau akhlak yang telah ditetapkan oleh Tuhan? Kalau semuanya sudah ditetapkan oleh Tuhan, apakah peranan kreatif manusia? Idea "karya yang jelas" juga tidak begitu terang. Perkataan 'jelas' boleh diertikan di dalam dua makna: (i) mudah difaham (ii) tidak boleh diragukan, dan kedua-dua makna ini tidak selalunya dan semestinya lengkap-melengkapi. Ada karya yang mudah difaham tetapi boleh diragukan. Sebaliknya, ada pula karya yang tidak boleh diragukan, tetapi tidak mudah difaham. Setengah karangan sukar difaham semata-mata kerana karangannya tidak baik. Setengah karya-karya absurd mudah difaham, tetapi tidak boleh diterima sebagai karya-karya yang baik. *Ranjau Sepanjang Jalan* adalah sebuah novel yang 'jelas' di dalam erti kata pertama, tetapi adakah ia jelas di dalam erti kata kedua?

Kita boleh mentafsirkan kesusasteraan Islam dengan tiga cara: (i) kesusasteraan yang dihasilkan oleh orang-orang Islam untuk manusia (ii) kesusasteraan yang dihasilkan oleh orang-orang Islam mengikut estetika Islam untuk manusia, dan (iii) kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia dan yang selaras dengan estetika Islam untuk manusia. Nyatalah definisi pertama tidak boleh dipakai tanpa syarat, kerana karangan-karangan sastera yang dihasilkan oleh orang-orang yang beragama Islam boleh bertentangan dengan prinsip-

prinsip estetika Islam. Definisi kedua boleh diterima dengan sepenuhnya. Definisi ketiga juga boleh diterima dengan sepenuhnya. Definisi ketiga menimbulkan soalan: Apakah seorang yang lahirnya tidak Islam (yakni tidak masuk Islam secara formal) tetapi yang perbuatan dan fikirannya cocok dengan ajaran-ajaran Islam boleh dianggap sebagai Muslim? Jawabnya, walaupun akan memeranjatkan setengah kalangan, adalah jelas: Boleh. Bukti-buktinya banyak di dalam sejarah dan di dalam Quran. Di antaranya ialah Raja Negus Abyssinia, seorang Kristian, yang telah melindungi pelarian-pelarian Islam; isteri Firaun yang disebutkan di dalam Quran dan golongan Hanif yang wujud di tanah Arab sebelum Muhammad menerima wahyu. Berdasarkan kategori ketiga, kita boleh menyatakan sebagai satu hipotesis bahawa tidak sedikit penulis-penulis Barat yang bukan Islam bersemangat dan berjiwa Islam.[7]

Jika definisi ini diterima dan tidak ada sebab ia tidak boleh diterima, kita boleh meringkaskannya menjadi: kesusasteraan Islam ialah kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia mengikut estetika Islam untuk manusia. Tetapi apakah estetika Islam? Tiga prinsip pokok estetika Islam ialah keindahan, kebenaran dan kebaikan. (Saya akan menghuraikan sumber-sumber estetika Islam kemudian). Dengan demikian, kita boleh merumuskan definisi kita seperti berikut: "Seni sastera Islam ialah seni sastera yang diciptakan oleh manusia dengan menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk manusia." Dari segi semangatnya definisi ini tidak jauh bezanya dari definisi yang diberi oleh Muhammad Qutb: "Seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan kewujudan mengikut pandangan dunia Islam. Ia merupakan ungkapan-ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan insan mengikut pandangan dunia Islam.... Seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan pertemuan yang sempurna

[7]Filsuf Mesir Hassan Hanafi di dalam bukunya *Religious Dialogue and Revolution* (Kaherah, 1977) menulis: *"In modern times, Islamic culture continued to be one of the source of change, one of the models of thought and life. Some philosophers, poets, writers and social critics were consciously aware of this model which Islamic culture presents. Spinoza wanted to restructure religious authority in Judaism and in Christianity according to the Islamic model, that is without authority. Kant praised Averroes for making the history of mankind a history of reason. Hegel admired Islamic Monotheism and found his inspiration in the Islamic mystic poets, Saidia and Hafez. Richard Simon, Welhausen, Renan and most of the biblical critics wonder how Muslim scholars could keep their scripture historically authentic and adopt methods of oral transmission which critics of Hadith conceived to preserve the oral tradition from deviations, mistakes or addition. R. Simon learned Arabic for that purpose. Renan became an Orientalist and confesses in his preface*

di antara keindahan dan kebenaran."[8]

Definisi yang saya cadangkan di atas cukup luas dan, di samping itu, cukup jelas. Tiap definisi mestilah luas untuk mengandung semua kes dan mestilah jelas untuk menghindarkan kekeliruan. Di dalam buku beliau, Shahnon tidak mengemukakan satu definisi sastera Islam. Beliau mengemukakan beberapa idea ("sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia", "kesusasteraan yang berakhlak yang telah ditetapkan oleh Khaliq", "sastera sebagai ibadah" dan "karya yang jelas") yang tidak disatukan dan dirumuskan menjadi satu definisi. Kalau kita hendak menyatukan dan merumuskan idea-idea itu menjadi satu definisi, bolehlah kita berbuat begini: "Sastera Islam ialah karya-karya yang jelas yang dihasilkan sebagai ibadah kepada Allah dan bertujuan untuk manusia." Pada pendapat saya, definisi ini tidak begitu memuaskan kerana ia tidak menyatakan dengan terang ciri keindahan di dalam seni sastera dan tidak menerangkan oleh siapa seni itu diciptakan. Memang tiap-tiap kegiatan orang-orang Islam seharusnya merupakan ibadah kepada Tuhan dan kegiatan seni ialah satu daripada kegiatan-kegiatan manusia, tetapi kegiatan seni ditujukan khasnya untuk menimbulkan keindahan. Tanpa membezakan kegiatan-kegiatan seni dari kegiatan-kegiatan lain, definisi kita akan merangkumi bidang-bidang lain yang sebenarnya terkeluar dari seni sastera. Tanpa menjelaskan oleh siapa seni ini dihasilkan, definisi ini boleh diberi tafsiran yang sempit dengan membataskannya kepada orang-orang Islam sahaja.

Shahnon mungkin akan berhujah bahawa definisi yang saya cadangkan di atas juga umum dan kabur. Beliau telah menyatakan di dalam jawapannya bahawa konsep-konsep seperti kemakmuran, keadilan sosial dan keamanan mempunyai pengertian-pengertian yang

to the Life of Jesus that will apply in his history of Christianity the same methods that the Muslim biographers used in writing biographies of their Prophet. In more recent times, Bergson heard Iqbal on time and eternity and jumped from his chair, hallowing that he (Bergson) was hearing himself speak! Thomas Arnold, Bernard Shaw, Leopald Weiss, Pickthall, etc, everyone, when he is touched by an aspect in Islamic culture, whispers "If this is Islam, we are all Muslim!" (hlm. 64). Kemungkinan perkara ini berlaku telah diramalkan di dalam Quran di dalam beberapa ayat mengenai orang-orang Kristian setelah wafat Nabi Isa: "Jika Kau menyeksa mereka, mereka adalah hamba-hamba-Mu. Jika Kau mengampuni mereka, sesungguhnya, Kaulah Maha Perkasa, Maha Bijaksana." Allah berfirman: "Inilah harinya bila kebenaran mereka akan menguntungkan orang-orang yang benar," (51:118-19).

[8]Manhaju'l-Islamiyy (Beirut, t.t.), hlm. 6-7. Disebut di dalam Shafie Abu Bakar, "Sastera Melayu dan Islam", Kertas kerja Hari Sastera 78, Terengganu 24-27 Julai, 1978, hlm. 3.

berlainan di dalam ideologi-ideologi sekular dari di dalam Islam. Begitu juga tentunya dengan konsep-konsep keindahan, kebenaran dan kebaikan yang digunakan di dalam definisi itu. Untuk menjawab masalah ini, dua perkara harus diperhitungkan. Pertama, tiap-tiap individu adalah unik dan mempunyai pengertian yang berbeza terhadap semua perkara. Kedua, semua insan memiliki satu fitrah kemanusiaan universal yang sama. Di atas asas kedua, manusia membina segala sesuatu yang universal, seperti agama, falsafah dan seni. Di atas asas universalisme ini manusia saling mengerti dan bekerjasama. Di atas asas universalisme ini sebuah teori sastera Islam atau estetika Islam boleh merangkum dan menyempurnakan semua kesusasteraan dan kesenian. Dengan ini saya sama sekali tidak bermaksud menyamakan Islam dengan agama-agama dan falsafah-falsafah lain, kerana Islam tidak sama dengan agama-agama dan falsafah-falsafah lain, tetapi dengan ini, saya ingin meletakkan Islam pada martabatnya yang tinggi sebagai agama universal kemanusiaan dan menyelamatkannya dari dogmatisme dan sektarianisme setengah orang Islam sendiri. Di atas segala itu semua, definisi tersebut menguncikan sifat dan nilai keislaman konsep-konsep itu dengan ungkapan 'estetika Islam'. Saya tidak menggunakan 'pandangan dunia Islam' atau 'falsafah Islam' kerana konsep-konsep ini merangkumi bidang-bidang yang lebih luas dari teori sastera atau teori seni.

Di atas tadi kita telah menyebut kebenaran sebagai satu konsep penting di dalam estetika, hatta estetika Islam. Tetapi konsep yang utama di dalam estetika ialah keindahan. Kekaguman dan keinginan manusia kepada keindahanlah yang menjadi sumber, ilham dan asas kegiatan-kegiatan seni manusia. Dari mana pula datangnya keindahan? Keindahan tidak lain ialah salah satu daripada sifat-sifat Tuhan[9] dan fitrah manusia.[10] Dengan demikian, kegiatan seni bukan sahaja merupakan satu kegiatan semula jadi bagi manusia, seperti kegiatan-kegiatan agama dan falsafah, tetapi juga satu pemujaan Tuhan – satu ibadah, di dalam istilah Shahnon.

Tetapi keindahan, dipandang dari sudut-sudut lain, adalah kebenaran dan kebaikan, juga di antara sifat-sifat Tuhan. Umpama-

[9]"Allah, tiada Tuhan selain Dia. Milik-Nya nama-nama yang paling indah," (Quran, 20:8). "Sesungguhnya, Tuhan indah dan menggemari keindahan," (Hadis, riwayat Muslim).

[10]"Sesungguhnya, telah Kami jadikan manusia dalam sebaik-baik acuan," (Quran, 95:4). "Yang telah menciptakan segala sesuatu dengan sebaik-baik ciptaan," (*Ibid.*, 32:7).

nya, surah Fatihah menyatakan kebenaran tentang Tuhan dan tentang hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi, di samping itu, ia juga mengandung keindahan dan kebaikan. Begitulah juga dengan beberapa surah pendek, seperti al-Ikhlas dan al-Kafirun, dan beberapa ayat, seperti ayat Kursi (2:255) dan ayat Nur (24:35) yang mencapai kecemerlangan puisi yang tertinggi. Begitu juga dengan karya-karya agung dalam kesusasteraan dunia, seperti tragedi-tragedi Shakespeare, epik-epik Homer *Iliad* dan *Odyssey*, epik-epik India *Mahabharata* dan *Ramayana* dan syair-syair Firdausi, Rumi, Sadi dan Hafiz. Demikianlah dengan semua karya sastera yang baik. "Karya yang jelas" itu adalah karya yang mengandungi kebenaran. "Sastera kerana Allah" dan "sastera berakhlak" itu adalah sastera yang menciptakan kebenaran, kebaikan dan keindahan. Susunan kata-kata ini perlu diubah menjadi keindahan, kebenaran dan kebaikan, kerana barang yang tidak dipertikaikan bahawa apa yang menarik manusia kepada kesusasteraan ialah keindahan: keindahan bentuk, struktur, pengucapan, bahasa, sentimen, emosi dan idea. Asas dan sumber tarikan keindahan ini ialah Tuhan sendiri dan fitrah manusia, seperti telah dikatakan. Tarikan manusia kepada keindahan, kebenaran dan kebaikan adalah semula jadi. Inilah asas kewujudan dan kegiatan seni di kalangan manusia dan sahnya kegiatan ini dari segi Islam, bukan kerana ayat Quran (26: 224-26) yang dirujuki Shahnon; ayat ini sebenarnya mengecam penyair-penyair Arab Jahiliah yang menyeleweng.

Oleh kerana kesusasteraan satu kegiatan manusia yang universal dan nilai-nilai utamanya (keindahan, kebenaran dan kebaikan) juga nilai-nilai universal, maka perlulah estetika dan teori sastera Islam bersifat universal dan cukup luas, tetapi cukup jelas, untuk merangkumi semua kesusasteraan dan, di samping itu, mampu pula membuat penilaian. Kecenderungan Shahnon untuk mentafsirkan sastera yang baik dari satu sudut pandangan Islam beliau yang sempit dengan syarat-syarat yang mengongkong tidak dapat diterima. Shahnon berkata: "...semuanya (nilai-nilai dan sifat-sifat) perlu disahkan oleh Islam, perlu mengikut syariat Islam dalam pelaksanaannya dan perlu bermatlamat Islam; bukan disahkan oleh sesuatu ideologi, bukan mengikut sistem bikinan manusia tanpa bertonggakkan Islam dan bukan bermatlamat yang lain selain memperolehi keredaan Allah."[11] Kenyataan ini menimbulkan banyak pertanyaan. Kita boleh bertanya: Siapakah yang akan mengesahkan dan menentukan kegiatan sastera itu mengikut syariat Islam? Mengapakah fikiran manusia ('sistem bikinan manusia') perlu ditolak oleh Islam? Apakah ukuran-ukuran untuk menentukan sesuatu karya sastera diredai oleh Tuhan? Nyatalah, syarat-syarat yang tersebut di dalam kenyataan itu agak kabur dan dengan itu boleh ditafsirkan secara sewenang-wenang dan secara sempit. Keadaan ini tidak akan menggalakkan perkembangan kesusasteraan dan syarat-syarat itu tidak merupakan falsafah seni Islam. Estetika Islam hanya menghendaki tercapai keindahan, kebenaran dan kebaikan di dalam karya-karya seni. Karya-karya demikian adalah karya-karya yang baik dan bermutu. Sebaliknya, karya-karya seni yang melahirkan keburukan, kepalsuan dan kejahatan adalah karya-karya yang tidak baik dan tidak bermutu.

Di dalam artikel ini, saya telah menjelaskan pendirian saya tentang perbincangan ini, menjawab bantahan-bantahan Shahnon terhadap ulasan saya dan menghuraikan definisi saya bagi kesusasteraan Islam. Saya ingin juga membahas konsep Shahnon "sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia" – apakah makna konsep "kerana Allah" dari segi estetika dan apakah hubungannya dengan konsep "berhikmah untuk manusia" – tetapi artikel ini sudah pun panjang.

(*Dewan Sastera*, Februari 1983)

[11] Shahnon Ahmad, *op. cit.*, hlm. 49.

SASTERA ISLAM BERTERASKAN PANDANGAN HIDUP ISLAM

Shahnon Ahmad

"Ibadah kepada Allah adalah meliputi hidup seluruhnya dan merangkumi segala urusannya termasuklah adab susila dan kesopanan mulai dari makan minum dan masuk jamban hinggalah kepada urusan pembentukan negara, politik pemerintahan, urusan kewangan dan ketenteraan, hal-ehwal perhubungan antara manusia dan tindakan-tindakan ke atas mereka yang bersalah bahkan ibadat meliputi segala asas bagi perhubungan antarabangsa sama ada dalam masa perang atau dalam masa damai."

Yusof Al-Qardhawi, *Ibadah Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1978, hlm. 40.

SAYA menyambut baik pandangan Kassim tentang sastera Islam dan amat bersetuju dengan beliau bahawa perbincangan ini dibuka seluas-luasnya asalkan masing-masing sentiasa bersikap *tasamuh* dan *mawaddah* serta selalu berada dalam semangat muzakarah yang dianjurkan oleh Islam kerana tujuan perbincangan seumpama ini dalam Islam lebih untuk ingat-mengingati, betul-membetuli, bukan tegak-menegaki secara melulu. Dengan sikap demikian, insya-Allah, diharapkan memperolehi petunjuk yang benar untuk memahami dan menghayati keindahan, kebaikan dan kebenaran mengikuti syariat Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Apabila pertama kali saya cuba mengemukakan konsep sastera Islam kerana Allah berhikmah untuk manusia dalam tahun 1977[1]

[1]Shahnon Ahmad, "Sastera Islam", *Dewan Bahasa*, jil. 21, bil. 7, Julai 1977

niat saya seni sastera hendaklah membawa kemanfaatan dan kebaikan kepada manusia di dunia dan juga di akhirat. Bersastera merupakan salah satu amalan manusia supaya manusia sentiasa merealisasikan dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah. Kesusasteraan boleh membantu manusia untuk menemui peribadinya agar mencintai kebenaran hakiki.

Islam menjamin kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat kalau manusia itu melakukan amalan yang baik mengikut peraturan-peraturan yang disahkan oleh Islam. Untuk ia diterima sebagai satu pengabdian (ubudiyah) kepada Allah, sebagai satu amalan hidup menjadi ibadah, maka setiap usaha manusia (termasuk kegiatan bersastera) perlulah memenuhi beberapa syarat yang khusus. Antara lain syarat-syarat itu ialah setiap amalan yang dikerjakan itu disahkan oleh Islam, niatnya mestilah betul selaras dengan amalannya sebagai ibadah, pelaksanaannya hendaklah tidak menyimpang dari lunas-lunas keislaman, soal natijah yang seharusnya betul dan menjaminkan kemanfaatan kepada manusia, dan di samping semua itu tidaklah pula melupakan amalan-amalan pokok dalam Islam seperti sembahyang, puasa dan sebagainya sewaktu mengerjakan amalan-amalan lain.[2]

Dasar ini sesungguhnya amatlah umum dan mungkin ketat tetapi tidaklah sempit seperti yang dianggapkan oleh Kassim. Ini diperlukan untuk membezakan dengan sastera bukan Islam dan untuk dijadikannya satu usaha memperolehi keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

Fahaman Kassim yang muktamad tentang sastera Islam ialah: Seni sastera Islam ialah seni sastera yang diciptakan oleh manusia dengan menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk manusia. Mengikut Kassim lagi, definisi itu dari segi semangatnya sama dengan definisi Muhammad Qutb yang berbunyi: Seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan kewujudan mengikut pandangan dunia Islam. Ia merupakan ungkapan-ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan insan mengikut pandangan dunia Islam.... Seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan pertemuan yang sempurna di antara keindahan dan kebenaran.

[2]Untuk penjelasan lebih lanjut, lihat Yusoff al-Qardhawi, *Ibadah Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1978 dan *Matlamat dan Tujuan Ibadah Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1980.

Definisi Kassim amatlah jelas – jelas dalam erti kata mudah difahami – tetapi menimbulkan keraguan di dalam kebenarannya. Definisi saya mungkin sukar difahami kerana tidak dijelaskan secara terperinci dalam konteks itu tetapi, pada hemat saya, ia tidak meragukan. Kunci definisi saya sebenarnya tersimpul dalam ungkapan "kerana Allah". Dalam huraian-huraian saya dalam makalah-makalah selanjutnya[3] soal kebenaran, kebaikan dan keindahan ini menjadi dasar dalam sastera Islam, meskipun ada perbezaan-perbezaannya dengan fahaman Kassim. Keindahan dalam hubungan ini dengan sendirinya menjadi ukuran pertama kerana kita di sini membicarakan satu aspek seni yang tidak dapat tidak mesti indah. Seni bukan seni lagi kalau pupus keindahannya. Hanya kini keindahan itu diperluaskan ruang lingkupnya meliputi bukan sahaja aspek estetikanya tetapi juga hakikatnya; sesuai dengan pandangan Ibn Khaldun yang berkata: Keindahan itu kebenaran (Mukadimah). Dan sebagai satu kesenian yang mentauhidkan Allah, kebenaran ini selalu mengatasi keindahan. Muhammad 'Uthman El-Muhammady, antara lain pernah menegaskan: Dalam tradisi Islam sebagaimana yang dimanifestasikan dalam kesusasteraannya, kebenaran diletakkan di atas keindahan. Ini bermakna bahawa metafizika mengatasi dan mengontrol seni.[4] Pandangan ini sama dari segi semangatnya dengan pandangan Abdul Qahir al-Jurjani.[5]

Yang meragukan saya dalam pandangan Kassim ialah pencipta sastera Islam itu adalah sesiapa sahaja. Memang dalam huraian saya, tidak saya timbulkan kerana bagi saya penciptanya mestilah orang Islam kerana telah tersimpul dalam ungkapan "kerana Allah". Definisi Kassim juga tidaklah sama dengan pandangan Muhammad Qutb. Kelainan itu terletak pada konsep "mengikut pandangan dunia Islam" yang disalahfahami oleh Kassim, saya rasa. Kassim lebih suka dengan ungkapan estetika Islam dari ungkapan pandangan hidup Islam. Estetika dalam erti kata sifat rasa seni yang berdasarkan persepsi pancaindera dan hasrat jiwa hanya satu aspek daripada konsep sastera Islam sahaja kerana seperti yang saya katakan kegiatan ini adalah satu usaha ibadah yang mestilah bertolak daripada aspek pandangan hidup Islam yang lebih luas berteraskan tauhid.

Pandangan hidup Islam adalah satu pandangan hidup yang berteraskan tauhid atau keyakinan mentauhidkan Allah. Konsep tauhid ini pula bukan sekadar meliputi tauhid uluhiah tetapi juga merangkumi tauhid rubbaniah.

Premis Muhammad Qutb adalah tauhid sedangkan premis Kassim adalah estetika universal. Benar bahawa nilai-nilai Islam adalah universal tetapi keuniversalan itu bukan mutlak kerana kemutlakan nilai dalam Islam bergantung kepada syariat yang diberi garis panduan oleh Islam. Keindahan, kebaikan dan kebenaran memang universal sifatnya tetapi nilai Islam terhadap ciri-ciri universal itu tidak berhenti di tahap itu sahaja.

Dimisalkan seekor ayam. Dari sudut bahan makanan, ayam ini nilainya universal. Semua manusia suka makan daging ayam kerana sedap. Islam juga menghalalkan ayam ini tetapi nilai Islam terhadap ayam tidak terhenti di situ sahaja. Ayam hanya halal dimakan kalau disembelih mengikut syariat. Kalau ayam itu diperlakukan dengan cara lain, ayam itu haram nilainya.

Demikian juga nilai universal yang memang diperjuangkan oleh Islam. Nilai-nilai itu perlu berlandaskan tauhid; meliputi tauhid uluhiah dan juga tauhid rubbaniah. Pengarang-pengarang yang menerapkan keindahan, kebaikan dan kebenaran dalam karya-karya mereka tanpa mentauhidkan Allah, karya-karya mereka bukan boleh digolongkan dalam kategori sastera Islam. Saya akui bahawa memang banyak karya-karya dari buah tangan orang-orang bukan Islam mengandungi nilai-nilai universal yang akur dengan nilai-nilai Islam. Dante, Milton, Geothe dan T.S. Eliot adalah di antara pengarang-pengarang yang banyak menerapkan nilai-nilai yang sama dengan nilai-nilai Islam seperti yang terdapat dalam karya-karya *Divine Comedy, Paradise Lost* dan sebagainya[6] tetapi karya-karya itu tidaklah boleh digolongkan sebagai sastera Islam dan pengarang-pengarang itu tidaklah boleh dikategorikan sebagai Muslim.

---

[3]Shahnon Ahmad, "Nilai Imaginasi Menurut Islam", *Dakwah*, bil. 23, Januari 1979, "Penerapan Islam Menerusi Penulisan Kreatif", *Hikmah*, bil. 17, 1979, "Konsep Cereka Islam", Simposium Novel Islamiah, anjuran Pelita dan Gapena, 8 Disember 1981.

[4]Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Sastera dan Agama", Kertas Kerja Simposium Novel Islamiah, anjuran Pelita dan Gapena, 8 Disember 1981.

[5]Abdul Qahir al-Jurjani: *The words are servants to the ideas, and these should have free hand in deciding over them. Ideas are the things which should exert authority and demand obedience. Whoever lets the words win over the ideas, he causes things to deviate from their normal way and to change their nature* – dipetik dari *Kitab Asrar al-Balagha* oleh Vivente Cantarino, *Arabic Poetics in the Golden Age*, Leiden, E.J. Brill, 1975.

[6]Seyyed Hossein Nasr, "The Western World and Its Challenges to Islam", *The Muslim*, Sept-Oct., 1972, hlm. 7.

Mengikut pandangan Kassim, seorang yang lahirnya tidak Islam, tetapi yang perbuatan dan fikirannya cocok dengan ajaran-ajaran Islam, boleh dianggap Muslim. Dan pengertian "perbuatan dan fikiran" di sini dimaksudkan oleh Kassim hanya cukup dengan perbuatan yang baik, indah dan benar untuk manusia sahaja tanpa memperhitungkan soal pokok dalam Islam iaitu akidahnya.

Dalam soal ini Muhammad Kamal Hassan pernah memberi pandangannya: "Sebarang *commitment* sasterawan kepada ideologi dan falsafah hidup yang lain dari Islam seperti humanisme, (sekular, Kristian, atau sosialis), materialisme, sosialisme, eksistentialisme, nihilisme atau saintisme dengan sendirinya tidak melayakkan karya sastera itu digolong sebagai sastera yang setia kepada nilai-nilai Islam. Kalau aliran humanisme mahu dimasukkan juga di dalam golongan sastera itu maka terlebih dahulu ia harus menjadi humanisme ketauhidan".[7]

Sehubungan dengan ini juga saya teringat pada satu dialog antara seorang Atheis dengan seorang Muslim. Si Atheis itu berkata bahawa kalaulah syurga itu tempat untuk orang-orang yang membuat kebaikan kepada manusia, maka dialah yang berhak untuk ditempatkan dalam syurga itu kerana dia tidak pernah mencuri atau korupsi. Tidak pernah mendengki mahupun dendam hati. Iktikadnya selalu baik sahaja. Niat pun untuk kepentingan umum. Tidur dan bangun dengan hati tenteram. Dan semboyannya semata-mata pembaikan sekuat mungkin. Si Atheis bertanya lagi: bukankah ini yang dinamakan agama? Apakah kamu orang Islam tidak mengatakan bahawa agama itu adalah muamalat?

Si Muslim lalu menjawab, "Ini, lain namanya. Namanya budi pekerti. Budi pekerti ini adalah di antara kelaziman-kelaziman agama. Agama hanya mempunyai satu makna sedangkan anda mencampuradukkan antara agama dengan budi pekerti. Agama adalah "Mengenal Tuhan sebagaimana semestinya, mengenal sifat-sifat dan kedudukan-Nya". Di manakah terjalan hubungan muamalat antara anda dengan Dia? Mengenal Dia sebagai Yang Maha Agung dan Mulia dan dekat dengan anda. Dia mendengar dan melihat serta menyambut seruan anda dalam rukuk dan sujud dengan penuh kekhusyukan hati sebagai hamba sahaya menghadap pemiliknya. "Sikap dan muamalat anda yang khusus dengan Tuhan inilah yang dinamakan agama". Adapun keluhuran budi anda terhadap teman-teman hanyalah sebagai kelaziman agama yang pada hakikatnya adalah muamalat anda dengan Tuhan juga menurut sabda Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya sedekah itu jatuh ke tangan Tuhan sebelum jatuh ke tangan peminta."

[7]Muhammad Kamal Hassan, "Sastera Islam," *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*, Gabungan Penulis Islam Malaysia, (GAPIM), Kuala Lumpur, 1980.

Maka barang siapa mencintai Tuhan tentu mencintai makhluk-makhluk-Nya. Dan barang siapa mencintai makhluk-makhluk-Nya, tentu menghulurkan tangan dan meluhurkan budi terhadap mereka. Tetapi, jika muamalat dan peningkatan budi pekerti anda hanya terbatas kepada orang-orang, tidak mengakui dan melihat atau memandang selain mereka dan serba duniawiah, maka anda adalah orang kafir yang *absolute* (mutlak) meskipun anda berbaik budi terhadap segenap makhluk. Dalam pada itu, kebaikan dan keluhuran budi anda "hanyalah sebagai tanda kecerdasan dan sikap mental anda semata; bukan sebagai tanda keagamaan". Anda hanya ingin dukungan masa demi mencapai tujuan dan cita-cita anda yang serba duniawiah, ingin kedudukan dan kekuasaan, ingin kekayaan dan kemewahan. Demikian ini adalah sifat kebanyakan orang kafir."[8]

Dengan semangat muzakarah, saya terpaksa mengatakan bahawa premis Kassim tentang perkara pokok ini bertolak dari premis yang tidak ada titik-titik persamaan dengan premis saya terutama konsep pandangan hidup Islam. Saya memahami Islam sebagai satu cara hidup yang *syumul* berteraskan tauhid; bukan serpihan-serpihan berlandaskan nilai-nilai universal semata. Kerana kesempurnaan dan kesyumulan ini dengan sendirinya Islam menolak falsafah dan ideologi-ideologi lain. Kalau kita sudah sepakat menerima Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna yang menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan kita di dunia dan juga di akhirat, maka buat apa lagi kita menerima falsafah dan ideologi lain?

Saya akui bahawa memang ada titik-titik persamaan antara Islam dengan ideologi-ideologi lain tetapi Kassim sendiri akui bahawa persamaan itu lebih merupakan sebahagian dari Islam. Ertinya ideologi-ideologi lain seperti liberalisme, sosialisme dan sebagainya itu ada persamaan dengan sebahagian (bukan semua) dari Islam. Ertinya juga sebahagian yang lain dari ideologi-ideologi itu tidak ada persamaan dengan Islam. Kalau tidak ada persamaan dengan Islam, maka ertinya ialah bercanggah dengan Islam. Kalau ia ber-

[8]*Dr. Mustafa Mahmud, Dialog antara Muslim dan Atheis*, Singapura: Pustaka Nasional, 1981, hlm. 111-112.

canggah dengan Islam, buat apa kita menerima ideologi-ideologi lain itu kalau kita mengaku diri kita sebagai seorang Muslim dalam erti kata yang sebenarnya. Saya minta maaf kerana saya tidak nampak lojiknya pandangan hidup Kassim dalam soal pokok ini.

Pandangan ini tidak pula bererti kita tidak sedar tentang kewujudan falsafah ideologi lain selain Islam. Kita menerima baik ciri-ciri yang tidak bertentangan dengan Islam kerana kita tahu ciri-ciri itu sebahagian dari Islam seperti yang diakui oleh Kassim. Kita sedar tentang kewujudan karya-karya seperti *Divine Comedy, Paradise Lost* dan sebagainya itu yang banyak mengandungi kebaikan dan kebenaran serta keindahan yang akur dengan nilai-nilai Islam tetapi kita tidak menerima karya-karya itu sebagai karya sastera Islam dalam erti kata yang setulennya dan Dante, Milton atau Goethe atau T.S. Eliot bukanlah Muslim.

Barangkali kekeliruan kita berpunca dari pengertian antara pandangan hidup Islam, pandangan hidup orang Islam dan pandangan hidup bukan Islam. Kita di sini sedang membicarakan sastera Islam mengikut pandangan hidup Islam. Kita bukan membicarakan sastera orang Islam. Saya sedar bahawa nilai-nilai Islam, ilmu-ilmu Islam banyak dimanfaatkan oleh orang-orang bukan Islam. Saya faham tentang perbezaan antara anutan formal kepada sesuatu kepercayaan dengan amalan konkrit kepercayaan itu. Memang amalan konkritlah yang membuktikan kepercayaan itu. Tetapi pengertian amalan konkrit di sini perlu dilihat dari sudut pandangan hidup Islam. Amalan itu perlu dilaksanakan mengikut syariatnya. Dia bukan sebarang amalan yang bernilai universal sahaja. Kalaulah begitu sekali kita bermurah hati dalam soal pokok ini, maka sulitlah untuk kita membezakan antara *al-Muslimin* dengan *al-Kafirun;* malah mengikut hadis, di kalangan al-Muslimin itu sendiri pun akan berpecah kepada 73 golongan pada akhir-akhir zaman ini. Dan dari 73 golongan itu hanya satu golongan sahaja diterima oleh Allah.[9]

Dari pandangan hidup Islam yang mentauhidkan Allah inilah lahirnya sistem nilai Islam untuk menentukan berbagai-bagai nilai dalam hidup. Nilai-nilai Islam ini adalah tetap dan mutlak. Ini berbeza dengan nilai-nilai yang relatif atau nisbi yang ditetapkan oleh manusia berdasarkan berbagai-bagai faktor. Dan apabila nilai-nilai

[9]Umar Hasyim, *Apakah Anda Termasuk Golongan Ahlus Sunnah Wal Jama'ah?*, Jakarta: PT Bina Ilmu, 1978, hlm. 205.

yang ditetapkan oleh manusia ini bercanggah dengan nilai-nilai Islam maka ia akan membawa nilai-nilai sebaliknya. Hadis ada menyebut yang bererti: Yang benar itu nyata, yang palsu itu nyata dan apa yang ada antara kedua-duanya adalah perkara-perkara yang samar-samar dan syak wasangka.[10]

Memang benar bahawa tiap-tiap individu itu adalah unik, seperti yang disebut oleh Kassim, tetapi mengapa pula mereka mempunyai pengertian yang berbeza terhadap 'semua' perkara sekiranya mereka benar-benar mentauhidkan Allah. Mereka mungkin mempunyai daya intelek yang berbeza atau tahap keupayaan yang berlainan, tetapi penerimaan mereka terhadap nilai-nilai pokok adalah sama kalau mereka betul dalam akidahnya. Keadaan kacau-bilau sekarang ini sebenarnya berpunca dari manusia cuba mencipta nilai-nilai yang dikatakan baik dan buruk, nilai-nilai yang dikatakan benar dan palsu sehingga setiap individu mempunyai nilai-nilai yang tersendiri. Mereka bertolak dari premis yang salah iaitu terus cuba menciptakan nilai-nilai sendiri mengikut faktor-faktor keadaan dan sebagainya. Mereka seharusnya bertolak dari premis yang betul iaitu menentukan terlebih dahulu akidah yang berteraskan tauhid kemudian barulah boleh menentukan (bukan mencipta) nilai yang baik dan nilai yang buruk.[11]

Benar bahawa semua insan memiliki satu fitrah kemanusiaan yang sama dan di atas asas universalisme inilah manusia membina sesuatu yang universal asal sahaja akidahnya betul. Tetapi ternyata asas universalisme yang murni itu tidak murni lagi kerana manusia tidak lagi mentauhidkan Allah. Asas universalisme itu menular dalam berbagai-bagai bentuk dan memberi kesan yang berbagai-bagai rupa dengan nilai-nilai yang tersendiri kerana manusia tidak lagi mengenal dirinya, Tuhannya; malah banyak yang mensyirikkan Allah dan banyak pula yang hidup dalam kemulhidan.

Allah adalah sumber nilai dan norma yang tertinggi dalam semua aspek kehidupan insan. Semuanya terikat dan tunduk kepada penilaian yang satu iaitu Ridwan (keredaan) Allah. Oleh sebab Allah adalah sumber nilai dan norma yang tertinggi, maka penilai yang tertinggi untuk semua aspek kehidupan insan adalah Allah. Soal siapakah yang akan mengesahkan kegiatan itu, apakah kegiatan itu

[10]Hadis Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Tarmizi.

[11]Sayyed Abul A'la Maududi, *Ethical View Point of Islam*, Lahore: Islamic Publication, 1974, hlm. 24.

mengikut syariat, apakah akan diredai oleh Allah tidaklah timbul dan ianya tidak perlu ditimbulkan. Telah saya tegaskan bahawa kegiatan ini adalah satu ibadah dan sebagai satu ibadah, penilainya yang tertinggi tentulah Allah. Nilai sembahyang atau puasa kita sebagai dua jenis ibadah yang khusus dalam Islam ditentukan secara mutlak oleh Allah.

Ini tidak pula bererti kita menyekat manusia lain menilai kegiatan kita itu. Manusia boleh menilai, boleh mengkritik mengikut pendekatan-pendekatan yang difahaminya, boleh mengulas serba bebas yang dia mahu. Manusia lain berhak menentukan sama ada kegiatan itu baik atau tidak baik, mengikut kaedah atau tidak mengikut kaedah. Tetapi seseorang yang beribadah kepada Allah hanya mengharapkan penilaian Allah sebagai penilaian yang tertinggi dan muktamad.

Dalam bidang sastera pun tidak ada bezanya. Sesiapa sahaja boleh berusaha dalam kegiatan bersastera; sama ada bidang kritikan, penulisan karya kreatif dan sebagainya, tidak kira sama ada orang itu Muslim atau bukan Muslim. Kebebasan itu sentiasa ada; malah Islam memberi kebebasan sepenuhnya untuk memilih nilai-nilai yang baik dan yang buruk. Dan sebagai satu usaha dia boleh menerapkan nilai-nilai universal seperti keindahan, kebaikan dan kebenaran. Tetapi apabila usaha itu dijadikan satu ibadah – satu ubudiah kepada Allah – maka tentulah perlu mengikut kaedah-kaedahnya kerana setiap ibadah itu ada peraturan-peraturannya. Dengan peraturan itulah kita berusaha dan berusaha. Dan tugas kita hanya berusaha mengikut kaedahnya sahaja. Sama ada usaha itu boleh berjaya atau tidak, diterima atau tidak, disahkan atau tidak, bukan soal kita. Allah yang menentukan. Dan Allah Amat Pemurah lagi Amat Penyayang. Firman Allah yang bermaksud:

> "Sesungguhnya orang-orang Mukmin, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Syabiin (Syabiin ialah orang-orang yang mengikut syariat nabi-nabi zaman dahulu atau orang-orang yang menyembah bintang atau menyembah dewa-dewa), siapa sahaja di antara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah, Hari Kemudian dan beramal salih (meliputi perbuatan yang baik yang diperintahkan oleh agama Islam, baik yang berhubungan dengan agama atau tidak) mereka akan menerima pahala dari Tuhan, tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati." (2:62)

(*Dewan Sastera*, Mac 1983)

SOAL DEFINISI DAN PENILAIAN

Kassim Ahmad

POLEMIK bukanlah sebuah jamuan teh; jadi, kalau terdengar bunyi dentam-dentum dan terlihat asap keluar berkepul-kepul sedangkan senapang dan meriam tidak ada, kita tidak perlu terkejut! Nampaknya, Saudara Nahmar Jamil sedikit gugup (lihat *Nadaminggu* keluaran 6 Mac, 1983). Polemik ialah pertukaran pendapat yang kadang-kadang boleh menimbulkan ketegangan, tetapi selagi dilakukan secara saintifik dan serius, akan menghasilkan banyak faedah kepada perkembangan ilmu. Saya harus menyatakan di sini bahawa saya tidak ada apa-apa pergaduhan peribadi dengan Saudara Shahnon Ahmad yang saya kenal dari sejak kami di sekolah menengah di Alor Setar dulu. Saya hormati beliau sebagai seorang penulis kita yang tekun dan berkebolehan dan saya tumpang bergembira dengan kejayaan-kejayaan beliau. Ini tidak bermakna saya bersetuju dengan pendapat-pendapat beliau. Kritikan saya terhadap buku beliau, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, semata-mata berdasarkan minat saya terhadap estetika Islam.

Saya berterima kasih kepada Saudara Nahmar kerana di dalam artikel itu beliau telah menarik perhatian saya kepada satu seminar sastera Islam sedunia di Lucknow dalam tahun 1981. Tetapi, malangnya, kita di sini belum melihat dan membaca kertas-kertas kerja seminar itu. Saya juga belum melihat rumusan-rumusan atau kertas-kertas kerja itu disiarkan di dalam mana-mana buku atau majalah antarabangsa. Buku Saudara Shahnon juga tidak menyebutnya. Walau bagaimanapun, melihat kepada beberapa buah karangan mengenai perkara ini, termasuk oleh Najib al-Kilani dan Muhammad Qutb yang disebut oleh Saudara Nahmar, dan di negara kita, Shahnon Ahmad, perbincangan mengenai estetika atau teori sastera Is-

lam masih di peringkat awal. Jadi, mungkin saya tidak begitu ketinggalan zaman!

Walaupun jawapan Saudara Shahnon, "Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam"[1] panjang, saya akan mengulas dua perkara sahaja yang saya anggap ada hubungan dengan tajuk perbahasan ini.

Pertama, masalah definisi. Inilah masalah pertama dan yang paling penting. Shahnon, nampaknya sengaja tidak mahu memahami definisi yang saya kemukakan, iaitu: "Kesusasteraan Islam ialah kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia mengikut estetika Islam untuk manusia."[2] Beliau mendakwa ungkapan saya "estetika Islam' tidak tepat atau mencukupi seperti ungkapan 'pandangan hidup Islam'. Tetapi bukankah pandangan hidup Islam mengenai seni persis adalah estetika Islam? Saya telah menerangkan mengapa saya tidak menggunakan ungkapan 'pandangan hidup Islam' di dalam artikel itu dan saya kurang faham mengapa beliau ingin mengungkit tentang penggunaan perkataan. Namun demikian, saya tidak keberatan kalau beliau berkeras hendak menggunakan istilah 'pandangan hidup Islam'. Saya memang bersetuju bahawa estetika Islam mesti berdasarkan falsafah Islam dan hubungan di antara falsafah dan estetika ialah falsafah, sebagai pandangan hidup menyeluruh, mengatasi dan memimpin estetika, sebagai falsafah mengenai keindahan.

Beliau juga mendakwa bahawa bagi saya kesusasteraan Islam boleh dihasilkan oleh sesiapa sahaja, sedangkan apa yang sebenar saya katakan ialah "...oleh manusia mengikut estetika Islam." Saya juga tidak memakai istilah 'estetika universal', seperti yang didakwa oleh Shahnon. Ini adalah perkara-perkara fakta yang tidak harus dikelirukan oleh seorang intelektual seperti Shahnon!

Perbezaan besar di antara definisi Shahnon dan definisi saya, nampaknya, ialah perbezaan di antara nama atau benda dan perbuatan. Shahnon mementingkan 'nama'; saya mementingkan 'perbuatan'. Apakah bezanya di antara seorang seniman Islam dengan seorang seniman yang bekerja mengikut estetika Islam? Pastikah sudah seorang Islam akan bekerja mengikut estetika Islam? Jawabnya: Belum tentu. Kalau dia hanya seorang Islam baka, estetikanya

[1] *Dewan Sastera*, Mac 1983, hlm. 47-51.

[2] Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan Kepada Shahnon Ahmad", *Dewan Sastera*, Februari 1983.

mungkin bertentangan dengan estetika Islam. Sebaliknya, seorang seniman yang bekerja mengikut estetika Islam, walaupun agamanya tidak formal Islam, sudah pasti karya-karyanya bercorak Islam. **Saya fikir, logika ini dapat difaham dan diterima oleh orang-orang yang menggunakan akal.**

Anggapan bahawa seorang seniman Islam dengan sendirinya akan bekerja mengikut estetika Islam tidak dapat diterima, seperti telah saya katakan. Tetapi jika kita perketatkan definisi kita dengan rumusan "seniman Islam yang bekerja mengikut estetika Islam", seperti yang dikehendaki oleh Shahnon, kita akan menyempitkan definisi itu hingga kategori yang dapat dimasukkan dengan sah dan hak tidak dapat dimasukkan. (Saya telah menghuraikan perkara ini dan huraian itu tidak perlu saya ulangi). Definisi sempit tidak bersifat universal dan tidak boleh diterima sebagai definisi dari segi sains. Sudah tentu kita boleh menggunakan konsep 'kesusasteraan Islam' sepertimana kita menggunakan konsep-konsep 'kesusasteraan Melayu', 'kesusasteraan Tionghua', 'kesusasteraan India', 'kesusasteraan Arab', 'kesusasteraan Inggeris' dan sebagainya dengan memberi makna wilayah atau kebangsaan, tetapi Islam satu konsep ideologi, bukan kebangsaan.

Kalau kita menggunakan istilah 'kesusasteraan Islam' dalam erti kata kedua ini, yakni 'kesusasteraan orang-orang Islam', maka masalah pentafsiran tidak timbul. Tetapi, di dalam keadaan itu, kita tidak lagi boleh meminta tempat yang tinggi bagi kesusasteraan Islam. Kesusasteraaan Islam sama tinggi dan sama rendah dengan kesusasteraan-kesusasteraan bangsa-bangsa lain dan mengandungi karya-karya yang bermutu dan juga yang tidak bermutu. Namun demikian, konsep estetika atau falsafah seni Islam tetap wujud dan apabila prinsip-prinsipnya sudah terang, boleh digunakan untuk menilai karya-karya sastera. Saya fikir, inilah perkara yang lebih penting daripada menentukan kategori 'kesusasteraan Islam'. Soalan-soalan yang perlu dijawab ialah; Apakah estetika atau teori sastera Islam? Apakah kesusasteraan dan bagaimana ia timbul? Apakah tujuan dan peranan kesusasteraan? Apakah jenis-jenis, bentuk-bentuk dan teknik-teknik kesusasteraan? Bagaimanakah menilai kesusasteraan? Sebuah estetika atau teori sastera Islam harus menjawab soalan-soalan ini dengan memuaskan. Di dalam buku Shahnon, jawapan beliau terhadap setengah soalan ini, khasnya penilaian beliau terhadap karya-karya Asas 50, sangat tidak memuaskan.

Kedua, hubungan di antara teori Islam dan teori-teori lain.

Sungguhpun, di dalam makalah saya yang lalu, saya telah menjelaskan hal ini, Shahnon masih tidak yakin. Beliau membantah: "Kalau kita sudah sepakat menerima Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna yang menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan kita di dunia dan juga akhirat, maka buat apa lagi kita menerima falsafah dan ideologi lain?"[3] Soalan asal yang saya ajukan kepada beliau ialah: Mengapakah beliau menolak karya-karya Asas 50 sebagai "cacamarba isme seperti realisme-idealisme, realisme-sosialisme, humanisme, nasionalisme dan sebagainya?"[4] Jika estetika Islam lengkap dan sempurna, seperti yang dinyatakan oleh Shahnon dan yang saya setujui mengapakah aliran nasionalis progresif Asas 50, tidak ada tempat di dalamnya? Hujah Shahnon negatif dan bertentangan. Bunyinya seperti berikut: "Oleh kerana Islam lengkap dan mengandungi (bagian-bagian benar) falsafah-falsafah lain, maka Islam menolak falsafah-falsafah lain." Hujah ini patut ditulis begini: "Oleh kerana Islam lengkap dan mengandungi (bagian-bagian benar) falsafah-falsafah lain, maka Islam mengiktiraf (bagian-bagian benar) falsafah-falsafah lain." Dengan demikian, sikap Islam yang lojik terhadap falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi lain adalah kritis, bukan negatif. Ia mengiktiraf dan menerima yang benar dan mengkritik dan menolak yang batil, seperti yang diajar di dalam al-Quran dan hadis.[5]

Inilah dua perkara yang ada hubungan langsung dengan tajuk perbahasan di dalam jawapan Shahnon. Saya harap kedua-dua perkara ini sudah jelas. Sekarang saya ingin membincang estetika Islam. Apakah estetika Islam?

Di dalam bukunya, Shahnon tidak membincang soal estetika, tetapi beliau membuat penilaian yang berdasarkan moral. Kata beliau: "Pada dasarnya kesusasteraan Melayu sejak zaman silam hingga ke hari ini tidaklah terbabas dari landasan moral ini. Pengarang-pengarang kita sejak zaman keagungan tradisi lisan ... membawa kepada cereka dan puisi di zaman baru ... pada umumnya adalah penga-

[3]Shahnon Ahmad, "Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam", *Dewan Sastera*, Mac 1983, hlm. 50.

[4]————, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1981, hlm. 70.

[5]"Hari ini dihalalkan bagimu segala yang baik dalam kehidupan", (Quran, 5:5). "Dalam Islam kebaikan-kebaikan dari zaman Jahiliah akan dilakukan", (Hadis, riwayat Ibn Hanbal). Salah satu nama al-Quran ialah *al-Furqan*, pembeza di antara yang benar dan yang salah, (Quran, 25:1).

rang-pengarang yang berakhlak."[6] Ukuran moral ini beliau dapat dari satu definisi yang beliau rumuskan: "Kesusasteraan yang hak adalah kesusasteraan yang berakhlak ... bertujuan meningkatkan kehidupan manusia terus-menerus ke arah kesempurnaan dan sedia ... menentang kesusasteraan yang batil."[7] Ini bermakna, bagi Shahnon, kebaikan adalah nilai utama dalam kesusasteraan. Namun demikian, di dalam artikelnya yang baru ini, beliau juga merujuk kepada nilai-nilai keindahan dan kebenaran. Jadi, di sini, agaknya, beliau dengan saya bersetuju, iaitu mutu sesebuah karya sastera (dari sudut pandangan kritikan Islam) terletak pada keindahannya, kebenarannya dan kebaikannya. Marilah kita ambil satu contoh daripada karya seorang penyair Asas 50, sajak terkenal Masuri S.N. "Seribu Harapan", yang ditulis dalam tahun 1951. Sajak ini menggambarkan semangat patriotisme dan gerakan raksasa rakyat menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan nasional. Perpaduan idea dengan bahasa dan teknik di dalam sajak ini sungguh rapat dan indah. Sajak ini juga benar bukan sahaja kerana ia menggambarkan sesuatu yang sedang berlaku, tetapi mengisytiharkan kebenaran perjuangan kemerdekaan bangsa. Dari segi yang akhir ini, sajak ini juga mengisytiharkan kebaikan, kerana kebangkitan rakyat menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan nasional adalah baik. Dengan demikian, kita boleh membuat kesimpulan bahawa sajak ini indah, benar dan baik, memenuhi syarat-syarat estetika Islam; pendek kata, sebuah sajak yang bermutu tinggi.

Di dalam membuat penilaian ini, kita tidak perlu bertanya apakah penyairnya seorang Islam atau tidak, dan, kalau beliau Islam, adakah beliau mengerjakan rukun-rukun Islam atau tidak. Perkara-perkara ini tidak semestinya menentukan ketinggian mutu karya seseorang pengarang. Pandangan hidup beliau, bakat beliau, akhlak beliau, pengalaman-pengalaman beliau dan pengertian beliau terhadap kehidupan adalah faktor-faktor yang menentukan ketinggian mutu itu, dari segi estetika Islam. Lebih daripada ini tidak dapat kita katakan dan sesiapa yang mengatakan lebih daripada ini melebihi yang munasabah.

Adakah Shahnon menerima penilaian ini? Dengarlah kata-kata beliau sendiri: "Tindak-tanduk watak-watak dalam karya-karya mereka (Asas 50) rata-rata adalah tindakan mengikut panggilan ke-

[6]Shahnon Ahmad, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, hlm. 7.

[7]*Ibid.*, hlm. 6.

bendaan semata-mata, meskipun kerap menggunakan istilah kelas-mengelas dalam masyarakat, humanisme, sosialisme, idealisme, realisme dan sebagainya; bukan tindakan pengabdian kepada Allah dalam pengertian Islam yang sebenar."[8] Di dalam ayat ini Shahnon menggunakan dua konsep yang sama ('kebendaan' dan 'pengabdian kepada Allah') untuk membuat satu kesimpulan umum yang negatif terhadap karya-karya Asas 50. Tetapi Shahnon tentu tahu, konsep kebendaan tidak ditolak di dalam falsafah Islam, dan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan keadilan sosial, kandungan umum karya-karya pengarang-pengarang Asas 50, adalah satu ibadah kepada Tuhan. Shahnon menekankan soal akidah seseorang pengarang. Saya akui akidah penting dan termasuk di dalam kategori pandangan hidup, tetapi akidah tidak boleh dipisahkan dari perbuatan baik di dalam konsep Islam.[9] Walau bagaimanapun, dari segi akidah, Masuri S.N. dan pengarang-pengarang Asas 50 yang lain, saya percaya, adalah orang-orang Islam. Dengan demikian, saya tidak nampak bagaimana penilaian yang dibuat oleh Shahnon terhadap karya-karya mereka munasabah dan boleh diterima di dalam sains kritikan Islam.

Apa yang dikatakan oleh Shahnon terhadap karya-karya Asas 50 juga ditujukan kepada karya-karya pengarang-pengarang Indonesia Angkatan 45, termasuk Chairil Anwar, Idrus, Asrul Sani, Pramoedya dan Achdiat K. Mihardja. Kata beliau: "Angkatan 45 dengan sumber-sumber pegangan bukan dari wahyu dan kekuasaan mutlak tetapi dari cacamarba isme seperti realisme-idealisme, realisme-sosialisme, humanisme, nasionalisme dan sebagainya. Tempat kapukan mereka adalah kepada benda, kepada keadilan, kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan mengikut cacamarba isme manusia, bukan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat yang ditentukan oleh Allah."[10] Sekali lagi, ini adalah satu kesimpulan yang terlalu umum yang mungkin sekali tidak tepat. Kita tidak harus membuat

[8] *Ibid.*, hlm. 70.

[9] Tiap-tiap kali Quran menyebutkan keimanan kepada Tuhan, ia menghubungkannya dengan perbuatan baik. Umpamanya: "Siapa sahaja yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta melakukan kebaikan...." (2:62); "Sampaikan berita gembira kepada mereka yang beriman dan berbuat kebaikan...." (2:25); "Barangsiapa menyerahkan seluruh dirinya kepada Allah dan ia berbuat kebaikan...." (2:112) "Mereka beriman kepada Allah dan Hari Kemudian dan menyuruhkan kebaikan dan melarang kejahatan..." (3:114) Pendek kata iman kepada Tuhan dan perbuatan baik adalah satu dan sama.

[10] Shahnon Ahmad, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, hlm. 70.

kesimpulan yang demikian kecuali kita telah membuat kajian-kajian yang terperinci mengenai karya-karya mereka yang penting, zaman mereka, sumber-sumber mereka, pandangan-pandangan hidup mereka dan riwayat-riwayat mereka. Sebagai contoh, marilah kita ambil sajak Chairil Anwar yang terkenal, "Aku". Dari segi isinya, sajak ini memperlihatkan semangat pemberontakan dan penentangan yang meluap-luap ("/Biar peluru menembus kulitku/Aku tetap meradang menerjang/") dan juga rasa keterpencilan yang menyedihkan ("/Aku ini binatang jalang/Dari kumpulannya terbuang"). Dari segi bahasa dan tekniknya, sajak ini mencapai keindahan yang jarang-jarang dicapai oleh penyair-penyair Melayu-Indonesia. Adakah sajak ini bermutu atau tidak dari segi estetika Islam? Adakah semangat pemberontakan dan rasa keterpencilan ini bertentangan dengan iman kepada Tuhan? Pemberontakan terhadap sistem yang zalim dan rasa keterpencilan dari sistem demikian, pada pendapat saya, adalah satu sikap dan perasaan yang lojik dan munasabah dan diiktiraf oleh Islam.

Di dalam penilaian dua buah sajak ini, kita sama sekali tidak membuat perhitungan tentang akidah penyajak-penyajaknya, Masuri S.N. dan Chairil Anwar. Kita tidak mampu membuat perhitungan itu. Mungkin kita dapat mengatakan ada unsur-unsur nasionalisme, humanisme, idealisme dan sosialisme di dalam sajak-sajak itu. Tetapi, seperti telah saya terangkan, unsur-unsur ini tidak sekali-kali menyalahi ajaran-ajaran Islam. Oleh yang demikian, penilaian Shahnon yang negatif melulu terhadap karya-karya Angkatan 45 dan Asas 50 dengan alasan mereka berdasarkan "pegangan bukan dari wahyu dan kekuasaan mutlak", tetapi "cacamarba isme manusia" tidaklah saintifik dan tidak boleh diterima di dalam estetika Islam.

Sebagai kesimpulan, saya ingin menegaskan bahawa pendapat-pendapat yang saya kemukakan mengenai estetika Islam hanyalah satu pendapat (walaupun berbukti) yang mungkin benar sepenuhnya atau sebahagian sahaja. Begitu juga dengan pendapat-pendapat Shahnon. Hanya satu perdebatan yang bebas dan saintifik akan dapat menentukan hal ini. Semua penulis kita yang cintakan ilmu dan kebenaran mestilah tunduk kepada kehakiman sains.

(*Dewan Sastera*, April 1983)

SASTERA ISLAM: ANTARA DALAM – DIRI DENGAN LUAR – DIRI

Shahnon Ahmad

BUKAN tidak seronok berpolemik. Sebelah pihak cuba sedaya upaya menghuraikan sesuatu dan padanya huraian itu sudah cukup jelas untuk difahami oleh sebelah pihak lain. Dan dari situ diharapkan akan berkembanglah perbincangan ke arah kesuburan ilmu. Tetapi biasanya sebelah pihak masih juga mengatakan dia tidak dapat memahami huraian sebelah pihak yang lain; malah dikatakan sebelah pihak yang lain itu cuba mengelirukan hujah-hujahnya pula. Demikianlah barangkali fiil berpolemik. Akibatnya kadang-kadang polemik entah ke mana, pokok perbincangan entah ke mana. Yang terbit hanya gelombang-gelombang perasaan radang, marah-marah dan kalau tidak betul-betul bersabar akan terlontarlah hujah-hujah di luar kawalan sehingga mencuit ruang-ruang peribadi yang tidak seharusnya tercuit.

Alhamdulillah, dalam polemik saya dengan Saudara Kassim ini meskipun deras bunyi letupan bomnya dan ganas asap yang berkepulan, rakyat Malaysia tidak perlu kecut hati. Ternyata setakat ini tidak terhimbau perasaan tanpa kawalan. Saya amat menghormati Kassim sebagai seorang tokoh yang disegani.

Dalam jawapan Kassim bulan April lalu ternyata masih ada perkara yang mengkabutkan suasana. Pertama soal definisi. Kassim mengatakan saya mementingkan 'nama' dan beliau pula mementingkan 'perbuatan'. Lantas beliau menyoal: apakah bezanya di antara seorang seniman Islam dengan seorang seniman yang bekerja mengikut estetika Islam?

Kalau tidak silap, dalam tulisan-tulisan saya dalam polemik ini, saya sering berlandaskan pendapat Yusoff al-Qardhawi yang bukan sahaja mementingkan nama tetapi juga hasrat (niat), jenis, perbuatan dan natijah. Ertinya di sini bahawa seorang penulis sastera Islam mesti mengikut kaedah-kaedah yang telah diberikan oleh Islam. Tanpa amalan-amalan kaedah-kaedah ini, penulis itu bukan penulis Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Kassim mengakui dirinya mementingkan 'perbuatan' dalam perkara ini. Saya rasa Kassim sendiri kurang hati-hati dalam pengakuannya. Dia sebenarnya bukan mementingkan perbuatan tetapi mementingkan hasil perbuatan atau natijah semata-mata. Saya tidak dapat bersetuju dengan pandangan ini kerana natijah yang tidak mengikut lunas-lunas dan kaedah-kaedah Islam adalah di luar landasan Islam.

Kassim pasti sahaja menyoal: Siapakah yang menentukan kaedah-kaedah itu diamalkan atau tidak? Siapakah yang boleh menilai niat pengarang? Siapakah boleh menilai sama ada pelaksanaannya sah atau tidak? Siapakah boleh mengetahui sama ada pengarang itu sembahyang atau tidak, berpuasa atau tidak, berzakat atau tidak? Dan seterusnyalah akan tiba kemusykilan-kemusykilan. Insya-Allah, perkara ini akan dihuraikan kemudian supaya tidak menyulitkan lagi masalah.

Perkara kedua adalah soal estetika Islam dengan pandangan hidup Islam. Kassim bersetuju menggunakan pandangan hidup Islam. Terima kasih. Tetapi setakat bersetuju pada nama sahaja tidak memadai. Kassim perlu juga bersetuju pada rohnya, jiwanya. Pandangan hidup Islam adalah pandangan hidup yang berteraskan 'Tauhid' atau keyakinan mentauhidkan Allah meliputi Tauhid Rubbaniah (Rububiyah) dan Tauhid Uluhiah. Pandangan hidup Islam bukan hanya berhenti dan bermula di tahap kebenaran, keindahan dan kebaikan sahaja. Ia perlu bertolak dari ketauhidan kepada Allah. Sesuatu yang benar, cantik dan baik belum tentu bernama Islam selagi tidak bersumberkan tauhid dan memenuhi kaedah-kaedah yang beberapa kali saya kemukakan. Saya telah memberi contoh seekor ayam dalam hujah saya yang lalu – satu contoh yang cukup mudah difahami. Tanpa kaedah-kaedahnya, maka sesuatu yang benar, cantik dan baik itu masih bukan Islam *in toto*. Ia mungkin berunsur Islam seperti beberapa ideologi yang meminjam nilai-nilai Islam, mungkin iras-irasan dengan norma-norma Islam, mungkin berbau Islam pada kulitnya sahaja, mungkin ada cebisan-cebisan persama-

an dengan Islam atau mungkin pada namanya sahaja Islam seperti umpamanya parti politik Islam tetapi tidak menjalankan organisasinya mengikut kaedah-kaedah Islam. Semuanya bukan Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Meskipun dalam soal istilah Kassim menggunakan estetika Islam tetapi saya memahaminya sebagai mendukung estetika universal kerana Kassim tidak menekankan konsep utama dalam Islam iaitu tauhid. Kassim hanya memberi penekanan kepada soal-soal kebenaran, keindahan dan kebaikan yang cocok dengan nilai-nilai Islam sahaja. Lagi sekali pandangan hidup Kassim dalam soal itu, tidak dapat saya setujui.

Demikian beberapa kekeliruan yang ingin saya perjelaskan. Namun begitu apabila saya cuba lagi mencari titik-titik perbezaan antara pandangan saya dengan pandangan Kassim, ternyata perbezaan itu berpunca dari titik tolak premis yang amat jauh berlainan. Kassim selama ini melihat persoalan sastera Islam ini dari 'Luar-Diri' sedangkan saya melihat persoalan yang sama dari 'Dalam-Diri'. Saya bertolak dari hati pengarang, menentukan dahulu kesucian iktikadnya dalam hubungannya dengan Allah. Dan apabila seketul daging yang bergelar hati yang menjadi markas yang mengontrolkan gerak-tindak manusia telah sah mengikut kaedah-kaedah Islam, maka dengan sendirinya diharapkan natijah atau hasil perbuatan (di sini dimaksudkan karya pengarang) akan sah dan terteraplah nilai-nilai kebaikan, keindahan, kebenaran – tiga ciri utama dalam sastera Islam yang telah dipersetujui bersama.

Ini jauh berbeza dengan Kassim dari segi premisnya. Kassim bertolak dari hasil atau karya. Kassim tidak memperhitungkan hati pengarangnya kerana beliau melihat dari Luar-Diri pengarang. Sebagai Luar-Diri modalnya cuma karya. Lain tidak ada. Penentuan sama ada karya itu berunsur Islam atau tidak dibuat dari Luar-Diri berasaskan karya itu semata-mata. Oleh itu soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Kassim memang kena pada tempatnya dipandang dari kaca mata Luar-Diri. Kaca mata Luar-Diri sememangnyalah tidak mampu menilai kaedah-kaedah Islam yang telah saya nyatakan. Kaca mata Luar-Diri tidak berdaya mengesahkan niat seorang pengarang dalam hubungannya dengan Allah. Kaca mata Luar-Diri memang tidak dapat menentukan sama ada si pengarang mengamalkan amalan makruf atau amalan mungkar. Sesungguhnya kita sebagai hamba-hamba yang lemah ini memang tidak dapat menentukan sesuatu yang ada berhubungan dengan hati dan Allah. Gagasan ini

tidaklah jauh bezanya dengan gagasan-gagasan sastera yang lain kecuali dalam penulisan pengarang cuba menyalutkan nilai-nilai Islam dan dalam kritikan pengkritik cuba mencari nilai-nilai itu.

Premis yang cuba saya ketengahkan adalah jauh berlainan kerana sastera Islam jauh berlainan dengan sastera lain dari segi konsepnya. Konsepnya bertolak dari Dalam-Diri kerana komunikasi asasnya ialah antara pengarang dengan Allah; berbeza dengan sastera lain yang komunikasi asasnya antara pengarang dengan pembaca. Tahap pengesahan, penentuan sama ada syariat diikuti atau tidak, pengakuan sama ada amalan-amalan asas dibuat atau tidak, pembuktian sama ada niat baik atau niat buruk adalah tahap komunikasi antara pengarang dengan Allah sahaja bukan tahap antara pengarang dengan pembaca. Si pengarang yang jujur ikhlas, yang teguh imannya dan yang memenuhi syarat-syarat sebagai amalan ibadah tahu menjawabnya dan Allah Yang Maha Mengetahui pasti menilainya. Seorang pengarang yang erat komunikasinya dengan Allah akan melahirkan karangannya kerana Allah. Dan oleh sebab Allah itu adalah benar, indah dan baik, maka apabila komunikasi si pengarang dengan Allah itu sendiri benar, indah dan baik, akan terbuahlah hasil yang berlandaskan kebenaran, keindahan dan kebaikan. Hasil yang bertentangan dengan kebenaran, keindahan dan kebaikan tidak akan terbuah dari seorang pengarang kerana hatinya yang suci sentiasa mengontrolkan komunikasinya dengan Allah. Kalaupun ada, maka ia lebih merupakan hasil-hasil yang telah dicuitkan oleh iblis dan syaitan yang memang sentiasa mengusik hati manusia. Apabila hati pengarang telah terbukti kesuciannya, maka tidak akan ada lagi karya-karya yang lucah yang sengaja hendak membiuskan nafsu masyarakat, tidak akan ada lagi sajak-sajak luah rasa yang tidak membawa apa-apa fungsi sosial seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Komunikasi asas antara pengarang dengan Allah ini tidak pula datang dengan sendiri. Perkara ini perlu dibangunkan dan disuburkan. Kalau negara kita asyik membangunkan negara, maka negara juga berkewajipan membangunkan hati rakyat supaya hati yang menjadi markas itu dapat mengontrol dan mengawasi tusukan-tusukan iblis dan syaitan yang kini menjelma dalam berbagai-bagai aneka wajah itu. Saya tidak bermaksud hendak menghuraikan bagaimana cara-caranya hendak membangunkan hati itu dalam ruangan yang sempit ini.

Di sinilah letaknya perbezaan antara konsep sastera Islam

dengan konsep sastera bukan Islam. Di sinilah letaknya keunikan dan kecantikan sastera Islam. Saya ulangi: Di sinilah letaknya keunikan dan kecantikan sastera Islam. Dua rajah di bawah akan memperjelaskan lagi huraian saya:



(Sastera Islam) (Sastera bukan Islam)

Konsep ini mungkin menimbulkan dua persoalan lagi yang boleh mengelirukan. Pertama persoalan 'untuk manusia'. Kedua persoalan 'penilaian'. Persoalan pertama menyentuh fungsi sosial yang amat dititikberatkan oleh Kassim dan disetujui oleh saya serta amat ditekankan oleh Islam terutama dari segi keadilannya. Sastera yang tidak berfungsi sosial yang akur dengan landasan Islam adalah sastera awang-awangan, sastera keasyikan rasa sendiri-sendiri. Tetapi seperti yang telah saya katakan, fungsi sosial yang dititikberatkan itu hendaklah mengikut lunas-lunas Islam yang sebenar. Dan ini termasuk setiap aspek perhubungan antara manusia meliputi keadilan sosial, pendidikan, politik dan sebagainya. Dan perhubungan antara manusia-manusia mengikuti lunas-lunas Islam ini mesti bercorak kesyumulan; baik dalam kefahaman mahupun tindakan dalam kehidupan seharian. Bukan kepingan-kepingan yang ditampal-tampalkan di sana sini sahaja. Dalam Islam apabila tindakan-tindakan atas sebarang kegiatan, termasuk berseni, yang berlandaskan kaedah-kaedah Islam seperti yang berkali-kali telah dihuraikan akan membawa kemanfaatan kepada manusia dan sentiasa mendapat rahmat dari Allah, insya-Allah.

Persoalan kedua ialah penilaian. Dalam Islam, penilai yang terunggul ialah Allah. Tetapi manusia diberi kebebasan membuat penilaian mengikut kemampuan-kemampuan yang ada untuk kebaikan. Tegur-meneguri, nasihat-menasihati, ingat-mengingati, kritik-mengkritik digalakkan oleh Islam selagi tujuannya untuk sama-sama berusaha membetulkan diri menuju kesempurnaan, selagi tidak terbatas dari kaedah-kaedahnya. Dalam persoalan penilaian ini pun si penilai perlu meneguhkan dahulu komunikasinya dengan Allah sebelum menggunakan karya untuk membuat penilaiannya. Kalau kaedah-kaedahnya tidak diamalkan, malah lebih cantik lagi kalau dia tidak usah menjadi penilai. Cukup sekadar menjadi pembaca untuk dirinya sendiri sahaja. Mengikut Islam, kalau kita tidak teguh komunikasi kita dengan Allah, lebih baik kita jangan berbicara. Lebih baik kita membisu kerana kalau kita cuba menilai juga, akan timbullah berbagai-bagai masalah dan dari berbagai-bagai masalah itu akan timbul lagi masalah-masalah baru. Contohnya amat banyak di sekeliling kita untuk ditatapi dan renungi. Demikian huraian kali ini. Semoga Saudara Kassim tidak pula menganggapnya sebagai tidak saintifik pula.

Di samping itu saya juga ingin menyambut baik pandangan Saudara Rahman Shaari berhubung dengan persoalan sastera Islam ini.[1] Reaksi dari Rahman dan juga sahabat-sahabat yang lain, termasuk Saudara Kassim, ternyata bahawa ada dua tahap pokok yang dipersetujui bersama. Pertama bahawa sastera Islam itu memang wujud. Kedua sastera Islam itu amat baik dan memberi manfaat kepada manusia. Yang berbeza hanya permasalahan-permasalahan konsep, pelaksanaan dan penilaian sahaja. Dan punca utama perbezaan-perbezaan itu hanya disebabkan pendekatan-pendekatan yang berlainan. Ada pendekatan yang cuba melihat sastera Islam dari perspektif sekularisme. Ada pendekatan yang terus cuba mendefinisikan sastera Islam tanpa terlebih dahulu mendefinisikan Islam dan erti kata yang sebenar. Ada yang teguh menggunakan pendekatan tradisional dalam erti kata yang semurni-murninya. Ada yang tidak ada sebarang pendekatan pun; malah lebih enak berdiam diri dan melihat kerana kiranya kebenaran, keindahan dan kebaikan benar-benar difahami dan diambil tindakan oleh pengarang-pengarang Muslim yang sebenar, akan banyaklah 'Celebrity-celebrity' tumbang mencium bumi.

Oleh itu sambutan yang diberikan oleh Rahman amat baik sekali, tetapi definisinya, pada tahap ini, tidak diperkembangkan se-

*Harap ambil perhatian perhubungan antara pengarang dengan Allah. Perhubungannya bukan sehala tetapi dua hala.

[1]Lihat Rahman Shaari, "Kesusasteraan dan Etika Islam", *Dewan Sastera*, Mac 1983, hlm. 52-54.

pertimana yang sewajarnya. Sebahagian besar tulisannya itu disumbati dengan kritikan-kritikan yang hanya melihat kelemahan-kelemahan saya yang sememangnya amat lemah.

Kata Rahman: sastera Islam ialah sastera yang mengambil atau memilih Islam sebagai jalan penyelesaian segala persoalan. Sebelum huraian yang lebih luas diberi, definisi setakat ini banyak menimbulkan kekeliruan. Antaranya apakah yang dimaksudkan dengan persoalan. Masalah hidup? Masalah yang timbul dari perhubungan manusia dengan manusia. Atau bagaimana? Bagaimana masalah hubungan manusia dengan dirinya? Alamnya? Tuhannya? Ini semuanya meminta penjelasan.

Kalau persoalan diertikan permasalahan, bagaimana kalau persoalan itu sudah diselesaikan oleh Islam? Apakah ini bererti kesusasteraan tidak ada lagi kerana persoalan sudah tidak ada? Atau Rahman yakin bahawa persoalan akan tetap ada selagi adanya manusia?

Ambil contoh sebuah cerpen tentang seorang peminum arak. Persoalan ini merupakan masalah dari sudut Islam kerana Islam mengharamkan arak. Islam cuba menyelesaikan masalah ini dengan jalan taubat. Taubat ertinya membersihkan dosa; baik dosa dengan Allah atau dosa dengan manusia. Dalam Islam taubat amat penting dan perlu memenuhi tiga syarat. Pertama menyesal. Kedua meninggalkan perbuatan yang jahat. Ketiga melaksanakan segala 'hutang-hutang' kepada Allah.

Dilema definisi Rahman ialah: kalau penyelesaian itu cara taubat dengan syarat-syarat yang diletakkan oleh Islam, bererti persoalan akan terhapus dan tidak ada lagi. Kalau ada lagi persoalan tentang arak, maka itu bukan taubat. Kalau persoalan tidak ada, bagaimana dengan sastera kerana adanya sastera, mengikut Rahman, disebabkan adanya persoalan atau masalah. Apakah waktu itu kesusasteraan tidak ada lagi?

Apa yang cuba saya jelaskan melalui contoh ini ialah Islam bukan hanya sekadar penyelesai masalah. Pengertian Islam jauh lebih luas dari itu. Islam adalah satu sistem hidup serba sempurna mulai dari awal kehidupan hingga ke akhirnya di akhirat. Kalau diibaratkan perkahwinan, Islam bukan hanya menjadi penyelesai masalah apabila timbul masalah dalam rumahtangga, tetapi Islam memberi asas-asas yang sempurna bagaimana perkahwinan itu perlu dijalankan; malah sebelum perkahwinan berlangsung pun Islam telah memberi petua-petuanya bagaimana hendak memilih jodoh. Islam meletakkan asas-asas pembangunan manusia, membangunkan dan menyuburkannya. Dan kalau dalam proses perletakan asas, pembangunan dan penyuburan itu ada persoalan, maka barulah Islam menyelesaikannya.

Dalam hubungan dengan sastera Islam ini pertamanya si pengarang terlebih dahulu menentukan statusnya dalam hubungannya dengan Allah supaya tidak ada persoalan. Dan dalam proses penciptaannya dia cuba membangunkan manusia, menyuburkannya dengan 'baja-baja' Islam. Dan kalau dalam proses itu ada persoalan (masalah), (dan masalah pasti ada kerana manusia lemah) barulah Islam tiba untuk menyelesaikannya.

Diibaratkan dalam satu keluarga, kita tidak boleh menunggu sampai si anak betul-betul menjadi penagih dadah, baru hendak menyelesaikan persoalan. Diibaratkan pokok, kita tidak boleh menunggu sehingga buahnya dimakan ulat baru hendak diubatinya. Kita perlu berusaha dari awal sebelum ada masalah. Dan kalau ada masalah, baru ia menjadi penyelesai. Jadi, pada hemat saya, definisi Rahman hanya sebahagian sahaja benarnya. Walau bagaimanapun seperti yang saya jelaskan, definisi Rahman perlu diperkembangkan lagi supaya lebih jelas dan tidak timbul banyak tanda tanya.

Lain dari itu, saya dapati tidak ada perkara penting yang ditimbulkan oleh Rahman dalam tulisannya itu. Beliau banyak juga menukilkan pandangan orang-orang lain tetapi saya kurang pasti ke mana beliau memihak dalam pandangan-pandangan itu. Beliau hanya menurunkan sahaja pendapat-pendapat. Pendapat-pendapat memang banyak, tetapi dalam mencari kebenaran, keindahan dan kebaikan dalam Islam, bukan faktor majoriti diperhitungkan.

Saudara Rahman cuba menonjolkan beberapa kelemahan saya dalam soal sastera Islam ini terutama aspek percanggahan antara teori dengan praktik. Saya sentiasa akui kelemahan saya sebagai manusia; malah saya sendiri pun tidak boleh memberi jaminan sama ada saya mampu menghasilkan karya sastera Islam atau tidak. Mungkin saya tidak bertenaga lagi melahirkan sebarang karya.

Kita manusia hanya berhak berusaha sahaja. Allah akan menentukan kegagalan dan kejayaannya. Hendaklah kita selalu faham bahawa nilai-nilai kebenaran, keindahan dan kebaikan itu bukan kepunyaan kita, tetapi kepunyaan Allah. Kita hanya diberi amanah untuk berusaha menerapkan sahaja dalam kehidupan kita sehari-hari. Kalau seorang pengarang, maka berkewajipanlah baginya berusaha (saya ulangi: berusaha) menerapkan ciri-ciri itu dalam karyanya.

Oleh itu kiranya dalam proses usaha penerapan itu, banyak rintangan atau halangan atau selalu menempuh kegagalan (pasti sahaja banyak rintangan dan halangan) maka sewajarnyalah kita tidak usah bersedih hati atau berduka lara. Sebaliknya kalau kita berjaya dan akhirnya mencapai matlamat, pun kita tidak usah mendabik dada dan bermegah-megah memberitahu orang ramai kerana segala-galanya bukan hak kita tetapi hak kepunyaan Allah.

Tugas kita hanya berusaha sekadar yang berdaya di samping selalu memohon rahmat Allah.

(*Dewan Sastera*, Mei 1983)

MENUJU SEBUAH TEORI SASTERA ISLAM: PANDANGAN HIDUP TAUHID DAN ESTETIKA ISLAM

Kassim Ahmad

POLEMIK seperti forum, seminar, simposium, mesyuarat dan persidangan, adalah satu bentuk perbincangan dan perdebatan untuk mencapai kesimpulan dan kata sepakat di dalam sesuatu masalah. Bentuk-bentuk ini mempunyai kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan masing-masing, tetapi perlu sebagai kaedah-kaedah manusia menyelesaikan pertelingkahan pendapat-pendapat mereka. Kita harap polemik kita sekarang mengenai konsep sastera Islam akan mendatangkan banyak faedah kepada kaum penulis dan masyarakat kita. Tidaklah benar seperti tuduhan Rastom Diturki bahawa polemik ini adalah "berhujah dan mengelirukan orang" (Lihat *Nadaminggu*, 10 April 1983). Di samping menulis, kaum penulis perlu sentiasa mengetahui apa dan bagaimana harus mereka tulis. Mereka perlu berbincang tentang teori, kerana teorilah membimbing praktik. Kita tidak mengabaikan warisan-warisan karangan cerdik pandai kita dahulu, tetapi kadang-kadang kita tidak dapat mencontohi mereka lagi dan perlu mengorak langkah baru. Ini satu kemungkinan yang harus kita hadapi dan satu cabaran yang tidak dapat kita elak.

Seperti telah saya katakan di dalam ulasan saya kepada buku Shahnon, *Kesusasteraan dan Etika Islam*,[1] minat yang baru terhadap teori sastera Islam atau estetika Islam di tanahair kita harus dilihat

[1]Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", *Dewan Sastera*, November 1982.

sebagai sebahagian dari gerakan kebangkitan semula Islam di tanah-air kita dan di seluruh dunia. Sebuah teori sastera Islam penting, sepertimana sebuah teori umum Islam tentang kehidupan penting, untuk mengganti teori-teori sekular Barat yang nyata telah gagal.

Di kalangan umat Islam hari ini wujud satu aliran fikiran yang berpengaruh tetapi tidak betul dan merbahaya kepada umat Islam **sendiri: bahawa Islam sudah lengkap di dalam Quran dan sunnah** nabi dan kita tidak perlu belajar dari mana-mana tamadun lain. Aliran fikiran ini timbul dari salah faham tentang konsep kesempurnaan Islam sebagai satu agama yang diajar oleh Quran. Kesempurnaan di sini tidak bermakna lengkap serba-serbinya hingga ke perinciannya dan hingga manusia tidak mempunyai apa-apa peranan kreatif lagi. Tidak harus dilupakan bahawa manusia sebagai khalifah Tuhan di dunia dan mempunyai peranan kreatif membentuk kehidupannya terdapat juga dalam ajaran al-Quran. Kesempurnaan yang dimaksudkan oleh Quran ialah kesempurnaan idea, konsep atau prinsip, bukan kesempurnaan bentuk. Manusialah yang harus menciptakan bentuk-bentuk yang sesuai, mengikut zaman dan tempat, bagi pelbagai idea dan prinsip yang terdapat di dalam Quran. Umpamanya, di dalam pemerintahan, Quran menganjurkan prinsip-prinsip pemerintahan yang demokratik, layak dan adil, tetapi bagaimanakah bentuk-bentuk pemerintahan seperti itu tidak dinyatakan oleh Quran dan manusia sendiri bebas menciptakan bentuk-bentuk yang dikehendakinya. Begitu juga konsep evolusi di dalam kehidupan disebut di dalam Quran,[2] tetapi bagaimana evolusi ini telah dan sedang berlaku terpulanglah kepada manusia menyiasatnya mengikut kaedah-kaedah penyiasatan sesuatu perkara. Begitu juga idea keindahan yang kita jadikan idea pokok dalam estetika: bentuk-bentuk keindahan itu tidak ditetapkan terlebih dahulu; manusia senimanlah yang menciptakannya.

Nyatalah Shahnon termasuk di dalam golongan cendekiawan Islam yang menafikan peranan kreatif manusia, (walaupun pada teorinya beliau tidak dapat menafikan perkara ini). Sebab itulah bagi beliau seorang penulis Islam yang berpandangan hidup tauhid yang "mengikut lunas-lunas dan kaedah-kaedah Islam" akan secara automatik menghasilkan karya-karya Islam. Bagi saya, pandangan

[2] "Allah menumbuhkan kamu sebagai tumbuhan dari tanah, kemudian dikembalikan-Nya kamu ke dalamnya, lalu dikeluarkan-Nya lagi satu keluaran (yang baru)", (71:17-18). Lihat juga 71:14, 56:61; 84:19, 14:48 dan 56:35.

hidup tauhid adalah satu perkara; melaksanakan pandangan hidup tauhid di dalam bidang sastera adalah satu perkara lain. Menjalankan rukun-rukun Islam (inilah agaknya yang dimaksudkan oleh Shahnon dengan ungkapan "mengikut lunas-lunas dan kaedah-kaedah Islam") adalah satu perkara; menjadi seorang penulis Islam yang baik adalah satu perkara lain. Ini tidak bermakna saya tidak mementingkan pandangan hidup tauhid dan ibadah-ibadah wajib bagi seorang penulis Islam; tetapi saya melihat kedua-dua sebagai mempunyai hubungan organis timbal balik. Seorang penulis yang agung – bolehkah dia menghasilkan karya-karya yang agung tanpa mempunyai satu pandangan hidup yang benar, yakni pandangan hidup tauhid? Dengan lain perkataan, karya-karya yang agung bukan sahaja membuktikan bakat menulis, tetapi juga pandangan hidup sebenar. Sebaliknya, seorang penulis Islam yang warak tidak semestinya menghasilkan karya-karya besar, kerana mungkin beliau belum menguasai dan menghayati pandangan hidup Islam.

Sayangnya, Shahnon menimbulkan soal pandangan hidup tauhid, soal "kaedah-kaedah Islam" yang perlu diikuti dan soal pandangan sastera "Luar-Diri" dan "Dalam-Diri" secara abstrak tanpa memberi contoh-contoh yang konkrit. Seperti telah saya nyatakan, saya juga mementingkan pandangan hidup tauhid, tetapi apakah makna dan implikasinya di dalam bidang sastera? Konsep tauhid, bagi saya, membawa beberapa pengertian pokok: Keesaan Tuhan, kesatuan alam, kesatuan manusia, kesatuan kehidupan, kesatuan pengetahuan dan kesatuan perbuatan. Saya fikir Shahnon bersetuju dengan saya tentang pengertian-pengertian pokok ini. Namun demikian, di dalam polemik ini, saya melihat beberapa idea Shahnon tidak cocok dengan pandangan hidup tauhid. Umpamanya, beliau menekankan idea kesempurnaan Islam, tetapi melupakan idea peranan kreatif manusia; beliau menekankan nama, tetapi mengabaikan perbuatan; beliau menekankan bentuk, tetapi mengabaikan isi; dan sekarang beliau menekankan "Dalam-Diri" dan mengabaikan "Luar-Diri"! Satu pandangan hidup tauhid harus melihat idea-idea yang seolah-olah bertentangan ini di dalam kesatuannya. Bahawa Shahnon tidak melihat idea-idea ini demikian menunjukkan kecacatan konsep tauhid beliau sendiri.

Kata Shahnon: "Kaca mata Luar-Diri memangnyalah tidak mampu menilai kaedah-kaedah Islam .... Kaca mata Luar-Diri tidak berdaya mengesahkan niat seorang pengarang dalam hubungannya dengan Allah. Kaca mata Luar-Diri memang tidak dapat menentu-

kan sama ada si pengarang mengamalkan amalan makruf atau amalan mungkar." Kenyataan ini tidak benar dan saya hairan bagaimana Shahnon boleh membuatnya. Pertama sekali, perbuatan manusialah yang menggambarkan fikirannya (termasuk niatnya). Kedua, kita hanya boleh menilai manusia dari perbuatan-perbuatannya. Ketiga, di antara fikiran dan perbuatan ada hubungan kesatuan: tidak ada 'dalam' kalau tidak ada 'luar', dan sebaliknya. Di dalam artikel-artikel saya, saya tidak pernah mengabaikan kepentingan akidah, pegangan atau pandangan hidup seseorang pengarang; saya hanya menegaskan bahawa akidah, pegangan dan pandangan hidup ini cuma dapat dibuktikan di dalam perbuatan, yakni karya-karyanya. Dari segi ini, kajian-kajian tentang zaman dan riwayat seorang pengarang, dan tidak karya-karyanya sahaja, juga perlu untuk membuat penilaian.

Di dalam hal ini, Shahnon telah memberikan kita satu rajah yang menunjukkan pelbagai hubungan seorang pengarang. Rajah ini tidak tepat, kerana ia menganggap pengarang-pengarang bukan Islam tidak mempunyai hubungan dengan Tuhan atau alam ghaib. Kita semua maklum pengarang-pengarang agama-agama lain juga beriman kepada Tuhan dan mempunyai hubungan dengan Tuhan.

Kata Shahnon lagi: "Sesuatu yang benar, cantik dan baik belum tentu bernama Islam selagi tidak bersumberkan tauhid dan memenuhi kaedah-kaedah (Islam)." Saya jangka maksud beliau lebih kurang begini: "Sajak penyair ASAS 50 Masuri S.N., "Seribu Harapan" tidak bermutu dari segi kritikan Islam, kerana tidak bersumberkan tauhid dan tidak ditulis mengikut kaedah-kaedah Islam." Kita boleh menolak penilaian ini, kerana Masuri S.N. ialah seorang penulis Islam yang berpandangan hidup tauhid dan arif tentang kaedah-kaedah Islam, baik apa pun maksud Shahnon dengan ungkapan itu.

Atau maksud Shahnon begini: "Karya-karya yang benar, cantik dan baik yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang bukan Islam, termasuk karya-karya Shakespeare, Goethe, Tolstoy dan Tagore, tidak bermutu dari segi kritikan Islam, kerana tidak bersumberkan tauhid dan tidak ditulis mengikut kaedah-kaedah Islam." Kenyataan ini juga boleh kita bantah, kerana pandangan hidup tauhid tidak terbatas kepada penganut-penganut agama Islam sahaja tetapi meliputi semua yang beriman kepada Tuhan dan Hari Kemudian,[3]

[3]"Di antara pengikut-pengikut kitab dulu, ada umat yang teguh pendiriannya,

dan soal kaedah adalah soal bentuk yang tidak begitu penting.[4]

Di dalam hal penilaian, Shahnon mengeluarkan satu amaran yang sungguh memeranjatkan: "Dalam persoalan penilaian ini pun si penilai perlu meneguhkan dahulu komunikasinya dengan Allah sebelum menggunakan karya untuk membuat penilaian. Kalau kaedah-kaedahnya tidak diamalkan, maka lebih cantik lagi kalau dia tidak usah menjadi penilai .... Mengikut Islam, kalau kita tidak teguh komunikasi kita dengan Allah, lebih baik kita jangan berbicara." Saya tidak tahu di mana Shahnon mendapat fatwa ini. Sebagai orang-orang Islam, kita tahu Tuhan telah mengutus nabi-nabi untuk menyeru manusia beriman kepada-Nya, tetapi tidak pula untuk mengharamkan percakapan bagi setengah manusia! Saya harap Shahnon tidak akan menganjurkan supaya penulis-penulis mendapatkan tauliah dahulu daripada kerajaan sebelum menulis!

Sambil lalu, di akhir jawapan beliau, Shahnon mengharapkan supaya saya tidak menganggap jawapan beliau sebagai 'tidak saintifik'. Kalau Shahnon hanya memaksudkan ini sebagai satu sindiran kepada saya kerana saya kerap menekankan sifat saintifik ilmu, saya tidak akan menghiraukan sindiran ini. Tetapi agak nyata dari beberapa jawapan beliau bahawa sifat saintifik itu tidak dianggap penting oleh beliau. Beberapa perkara yang telah saya timbulkan di dalam buku dan jawapan-jawapan beliau sama ada beliau elak sama sekali atau beliau jawab dengan cara yang amat umum – satu cara mengelak juga! Bila Rahman Shaari menunjuk kepada kontradikasi yang terdapat di antara beberapa karya beliau dulu dengan teori beliau sekarang, beliau hanya 'menghuraikan' kejadian ini kepada "kelemahan saya sebagai manusia". Perlu saya nyatakan bahawa semua ini amat tidak memuaskan dari segi kehendak-kehendak perdebatan saintifik. Tidakkah sains dan sikap saintifik penting bagi seorang sarjana dan intelektual Islam? Saya harap Shahnon bersetuju dengan saya bahawa kedua-duanya amat penting, walaupun beliau sendiri tidak selalu menunjukkan sikap hormat kepada kedua-duanya.

yang membacakan ayat-ayat Allah pada malam hari dan bersujud. Mereka beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, dan menyuruh melakukan yang benar dan melarang yang mungkar, dan mereka berlumba-lumba melakukan kebaikan. Merekalah yang masuk golongan yang salih," (Quran, 3:113-14). Lihat juga 3:109 dan 7:168.

[4]"Kesalihan tidak terletak pada pemalingan wajahmu ke arah Timur atau Barat, tetapi sebenar salih ialah dia yang beriman kepada Tuhan dan Hari Kemudian, dan para malaikat dan kitab dan para nabi; dan membelanjakan harta bendanya, betapa pun disayangi, kepada kerabat, anak-anak yatim, si miskin, musafir, pengemis-pengemis dan untuk membebaskan hamba sahaya; dan yang mendirikan sembahyang dan

Kelebihan tamadun Islam daripada tamadun moden Barat ialah kebolehannya mengharmoniskan agama dan sains, wahyu dan akal. Sebab yang paling utama mengapa kita mengadakan perdebatan mengenai teori sastera Islam ialah kerana kita yakin teori sastera Islam merupakan teori yang paling baik, paling benar dan paling saintifik. Amatlah penting bagi umat Islam, khasnya cerdik pandai Islam, pada ketika ini menghormati sains dan sikap saintifik.

II

Definisi Rahman Shaari – "Sastera Islam ialah sastera yang mengambil Islam sebagai jalan penyelesaian segala persoalan"[5] memberi peranan falsafah kepada kesusasteraan – satu hal yang tidak wajar. Kesusasteraan bukan falsafah dan sesebuah karya sastera tidak semestinya menyelesaikan masalah. Karya-karya sastera seseorang pengarang cuba menciptakan sebuah dunia "yang benar, yang indah dan yang baik". Secara tidak langsung karya-karya ini boleh merupakan kritikan sosial, atau menganjurkan satu program politik, atau mengandung sesuatu falsafah, atau kesemuanya sekaligus. Tetapi ini tidak merupakan ciri-ciri utama karya-karya itu. Ciri-ciri utamanya tetap keindahannya, kebenarannya dan kebaikannya – dari segi isi dan bentuk. Sekali lagi, mari kita ambil sajak Chairil Anwar, "Aku", sebagai contoh. Secara kebetulan, sajak ini menyelesaikan masalah – secara individualistik dan pemberontakan antisosial. Adakah ini – idea individualisme dan pemberontakan terhadap masyarakat – yang menjadi daya penarik sajak ini? Tidak, atau tidak sepenuhnya. Daya penariknya ialah keindahan yang dicapai dengan pemaduan isi dan bentuknya.

Sebaliknya, sajak Masuri S.N., "Seribu Harapan" tidak bertujuan menyelesaikan masalah. Begitu juga dengan sajak Amir Hamzah, "Berdiri Aku". Demikianlah banyak karya tidak bersifat demikian. Oleh itu definisi Rahman tidak merupakan satu definisi kesusasteraan Islam.

III

Berbalik kepada masalah teori sastera Islam, kita nampaknya, memenemui jalan buntu tentang definisi. Jalan mudah untuk menyelesaikan kebuntuan ini ialah dengan menerima konsep 'masyarakat Islam' sebagai satu kelompok sosial tanpa pengertian ideologi dan 'kesusasteraan Islam' sebagai hasil masyarakat itu. Dengan demikian, kita tidak mendapat konsep-konsep kesusasteraan Arab Islam, kesusasteraan Parsi Islam, kesusasteraan India Islam dan seterusnya. Konsep ini memang sudah dipakai di dalam buku-buku sejarah sastera. Namun demikian, oleh kerana Islam satu agama yang dinamik dan mempunyai potensi sebagai sebuah ideologi yang relevan kepada masalah-masalah manusia moden, maka pengertian ideologi tidak dapat dipisahkan dari konsep 'kesusasteraan Islam'. Konsep ini membawa makna dan implikasi lebih daripada "kesusasteraan yang dihasilkan oleh masyarakat Islam."

Namun demikian, seperti telah saya katakan, masalah teori sastera Islam tetap wujud dan relevan untuk menghuraikan keseluruhan fenomena kesusasteraan, bukan sahaja kesusasteraan-kesusasteraan masyarakat-masyarakat Islam, tetapi kesusasteraan-kesusasteraan semua bangsa. Kita ambil soal: Dari segi teori sastera Islam, apakah ukuran-ukuran kita untuk menilai sebuah karya, atau seorang pengarang, atau sebuah kesusasteraan? Saya rasa Shahnon dan saya sudah bersetuju bahawa, "dari segi kritikan Islam, sesebuah karya adalah baik dan bermutu jika ia mencapai keindahan (dari segi isi dan bentuknya) mengikut pandangan hidup tauhid".

Ada dua konsep penting di dalam rumusan di atas: 'keindahan' (termasuklah 'kebenaran' dan 'kebaikan') dan 'pandangan hidup tauhid'. Konsep Shahnon yang awal "sastera kerana Allah" dengan konsep "sastera mengikut pandangan hidup tauhid" pada asasnya adalah sama. Seperti telah saya katakan, pandangan hidup tauhid membawa pengertian-pengertian pokok: Keesaan Tuhan, kesatuan alam, kesatuan kehidupan, kesatuan manusia, kesatuan ilmu dan kesatuan perbuatan. Pengertian-pengertian pokok lain boleh ditambah, tetapi ini memadai. Seperti telah saya katakan juga, pandangan hidup tauhid ini tidak terbatas kepada orang-orang Islam sahaja, tetapi meliputi semua insan yang beriman kepada Tuhan di dalam agama-agama lain. Kepada pengertian tauhid dan Islam yang asal dan luas inilah kita harus kembali untuk menyelesaikan masalah kita.[6]

membayar zakat; dan mereka yang menunaikan janji bila mereka berjanji, dan mereka yang bersabar dalam bencana dan kesusahan dan semasa peperangan," (Quran, 2:177).

[5]Rahman Shaari, "Kesusasteraan dan Etika Islam", *Dewan Sastera*, Mac 1983, hlm. 54.

[6]"Sesungguhnya, mereka yang beriman dan mereka yang menganut agama Yahudi, dan orang-orang Nasrani dan orang-orang Sabi'in – siapa sahaja yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta melakukan kebaikan, bagi mereka ada pahala pada Tuhannya, dan mereka tidak perlu takut, dan tidak pula mereka berdukacita," (Quran, 2:62), Muhammad Asad di dalam tafsirnya, *The Message of the Quran*, meng-

Di dalam jawapan Shahnon yang akhir, beliau menyatakan pendekatan yang berbeza-beza membawa kepada perbezaan-perbezaan pendapat di antara beliau dengan saya. Kata beliau: "Ada pendekatan yang terus cuba mendefinisikan sastera Islam tanpa terlebih dahulu mendefinisikan Islam dalam erti kata yang sebenar." Saya tidak syak lagi Shahnon menganggap definisi Islam beliaulah definisi yang betul, tetapi saya telah menyatakan di dalam ulasan saya terhadap buku beliau[7] bahawa tanggapan beliau tentang Islam sempit. Sekarang saya fikir perkara itu sudah nyata. Dari awal saya mengelak perbincangan mengenai pengertian agama Islam di dalam polemik ini, kerana itu bukan tajuk perbincangan kita dan juga, sebagai orang-orang Islam, kita tentu sudah mempunyai pengertian itu. Saya harap sekarang perkara itu sudah jelas.

Dari keuniversalan ajaran-ajaran Islam inilah maka kita mendapat gagasan sebuah teori sastera Islam yang universal. Dengan teori ini kita akan mampu menghuraikan keseluruhan fenomena kesusasteraan – definisinya, bagaimana ia timbul, fungsinya, perkembangannya, bentuk-bentuk, jenis-jenis dan teknik-tekniknya, dan penilaiannya.

Di dalam bidang penilaian, konsep-konsep utama yang perlu kita gunakan ialah sama ada karya itu baik dan bermutu atau tidak. 'Baik' dan 'bermutu' di sini bermakna indah, benar dan baik dari segi isi dan bentuknya. Kita sebenarnya tidak perlu menggunakan istilah-istilah seperti 'berjiwa Islam' atau 'bersifat Islam, kerana konsep-konsep 'baik' dan 'bermutu' dari segi teori sastera Islam sudah pun membawa makna-makna itu. Walau bagaimanapun, untuk maksud-maksud praktik, kita kadang-kadang terpaksa menggunakan istilah-istilah demikian, kerana pengertian umum telah memisahkan Islam dari nilai-nilai universal yang baik. Tetapi apa yang ingin saya tekankan ialah nilai-nilai estetika Islam yang hendak kita capai di dalam karya-karya sastera ialah satu perjuangan yang datang dengan studi dan usaha, dan bukan secara automatis, kepada penulis-penulis Islam, dan nilai-nilai ini boleh dicapai juga oleh penulis-penulis bukan Islam yang beriman kepada Tuhan dan Hari Kemudian. Dengan demikian, tidaklah mustahil karya-karya terbaik dari pengarang-pengarang agung dunia, seperti Shakespeare, Tolstoy, Goethe dan Tagore, memenuhi sepenuhnya syarat-syarat estetika Islam dan boleh diterima olehnya sebagai karya-karya sastera yang bermutu tinggi. Sebaliknya, tidaklah mustahil setengah karya pengarang-pengarang Islam sendiri tidak memenuhi syarat-syarat estetika Islam dan tidak boleh diterima olehnya sebagai karya-karya yang baik.

(*Dewan Sastera*, Jun 1983)

---

ulas ayat ini demikian: "The above passage – which recurs in the Quran several times-lays down a fundamental doctrine of Islam. With a breadth of vision unparalleled in any other religious faith, the idea of 'salvation' is here made conditional upon there elements only: belief in God, belief in the Day of Judgement, and the righteous action in life."

[7]Kassim Ahmad, *op. cit.*

RUMUSAN 1: MASALAH-MASALAH TEORI

Kassim Ahmad

MASYARAKAT penulis kita patut bergembira dan berterima kasih kepada *Dewan Sastera,* kerana telah menampung Polemik Sastera Islam dari keluaran November, 1982 hingga sekarang. Di dalam polemik ini banyak pendapat telah dikemukakan, termasuk pendapat-pendapat penulis-penulis Islam dari Asia Barat (lihat *Dewan Sastera,* Jun 1983). Sekarang, pada pendapat saya, eloklah kita buat beberapa rumusan sementara. Ini akan saya lakukan di dalam rencana ini dan rencana akan datang. Selepas ini, mungkin Saudara Shahnon ingin membuat rumusannya pula, atau mengulas rumusan saya. Selepas itu, kita boleh berhenti berpolemik (buat sementara) dan menumpu kepada pelaksanaan idea-idea yang telah, secara kasar, disepakati.

Beberapa perkara telah menjadi jelas dari polemik ini. Pertama, perbincangan tentang estetik atau teori sastera Islam (mungkin lebih tepat disebut Islamiah) sekarang adalah sangat relevan, berlawanan dengan setengah pendapat yang mengatakan bahawa perkara itu tidak relevan. Kedua, pengertian tentang estetik Islam masih di peringkat awal dan masih samar. Dua pendapat telah muncul: satu, kesusasteraan Islam ialah yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Islam mengikut estetik Islam, dan dua, yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang mengikut estetika Islam. Ketiga, salah pengertian atau kesamaran tentang kesusasteraan sendiri. Keempat, kekeliruan dan kekacauan di antara dua bidang yang patut dibezakan, iaitu agama atau teologi dan kesusasteraan. Perkara pertama tidak perlu dibincangkan lagi; yang lain akan saya sentuh sekarang.

Perbezaan dan Hubungan di antara Kesusasteraan dan Agama atau Teologi

Nyatalah kesusasteraan dan agama adalah dua bidang yang berlainan dan tidak harus dicampuradukkan. Banyak kekeliruan yang timbul di dalam polemik ini kerana kegagalan setengah penulis membuat perbezaan ini. Perkara ini disebutkan oleh Umar Junus[1] dan telah awal-awal lagi saya timbulkan.[2] Polemik ini bukan polemik tentang Islam, tetapi tentang estetik-estetik Islam. Dengan demikian, apa yang perlu kita lakukan ialah mengenal pasti dan menghuraikan idea-idea atau prinsip-prinsip estetik dalam Islam serta menggunakan idea-idea ini untuk memahami, mentafsir dan menilai kesusasteraan. Konsep-konsep seperti 'sastera untuk Allah', 'sastera berakhlak', 'sastera muqaddas' dan 'sastera tauhid' merupakan konsep-konsep umum yang tidak dapat memberi bimbingan kepada kaum penulis selagi ia tidak dihuraikan dengan lebih konkrit.

Memang Islam sebagai agama atau pandangan hidup mempunyai hubungannya dengan kesusasteraan dalam erti kata agamalah yang mewujudkan idea-idea dan prinsip-prinsip estetika. Kita tidak boleh menafikan atau memutuskan hubungan ini. Penafian dan pemutusan hubungan ini akan mengakibatkan kacau-bilau di dalam estetik, seperti yang telah kita lihat di dalam estetik Barat sekarang. Sebaliknya, pengakuan dan pengukuhan hubungan ini sahaja tidak boleh mewujudkan satu estetik moden yang utuh dan unggul. Satu estetik moden Islam hanya boleh diwujudkan dengan satu kajian yang menyeluruh, mendalam dan saintifik tentang fenomena keindahan.

Dua Definisi Kesusasteraan

Kekeliruan dan kekacauan juga timbul di dalam polemik ini kerana kesusasteraan itu sendiri difahami dari dua definisi yang berbeza. Definisi pertama, kesusasteraan sebagai karya kreatif dan khayal. Definisi kedua, kesusasteraan sebagai karya kreatif dan tidak kreatif. Walaupun definisi kedua ini kerap juga dipakai seperti di dalam istilah-istilah 'kesusasteraan agama', 'kesusasteraan undang-un-

[1] Lihat Umar Junus, "Catatan Kecil Tentang Sastera dan Islam", *Dewan Sastera,* Ogos 1983, hlm. 30-33.

[2] Lihat Kassim Ahmad, "Menuju Sebuah Teori Sastera Islam", *Dewan Sastera,* November 1982, hlm. 25-28.

dang', 'kesusasteraan saintifik' dan sebagainya, kesusasteraan yang kita maksudkan di dalam polemik ini ialah himpunan karya-karya kreatif. Definisi ini dengan sendirinya akan menolak karangan-karangan yang bercorak agama, seperti kitab-kitab *Tajul Muluk*, *Taj as-Salatin* dan *Bustan as-Salatin*, atau bercorak perundangan, seperti *Hukum Kanun Melaka*, atau yang bercorak sejarah, seperti *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis*, dan akan meliputi kebanyakan hikayat, termasuk *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Seri Rama* dan kebanyakan syair dan pantun. Satu kumpulan karya menduduki garisan sempadan, kerana mereka mengandungi kedua ciri-ciri fakta dan khayal, seperti *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Amir Hamzah* dan sebagainya. Apa yang penting diperhatikan di sini ialah bahawa kesusasteraan Islam bukanlah kesusasteraan yang bercorak agama. Kalau kita menggunakan definisi kedua, kesusasteraan agama atau kitab hanya merupakan satu jenis kesusasteraan.

Kesusasteraan dan Teori Sastera

Sudahlah jelas bahawa kesusasteraan dan teori sastera atau estetik adalah dua perkara yang berbeza. Tiap kesusasteraan mempunyai dua aspek yang pokok: bentuknya dan isinya. Apa yang dikatakan kesusasteraan Melayu ialah kesusasteraan yang tertulis di dalam bahasa Melayu berlatarbelakangkan kehidupan bangsa Melayu (sekarang bangsa Malaysia). Di dalam pengertian ini, adalah aspek bentuknya. Aspek isinya adalah pandangan hidup yang diutarakan di dalam kesusasteraan itu: Hindu, Islam atau Barat (Barat dalam pengertian falsafah). Dengan demikian, kesusasteraan Melayu telah bersifat Hindu (di dalam zaman Hindu), Islam di dalam zaman Islam dan kebaratan (di bawah pengaruh kebudayaan Barat).

Sekarang, dengan kesedaran baru Islam, masalah kita ialah bagaimana hendak membangunkan sebuah kesusasteraan nasional Malaysia moden mengikut teori sastera atau estetik Islam. Kita tidak mahu membangunkan sebuah kesusasteraan nasional mengikut estetik liberal atau Marxis atau campuran kedua-duanya, bukan kerana kita taksub kepada estetik Islam dan agama Islam (kalau demikian, apakah bezanya di antara Islam dengan faham-faham yang lain?), tetapi kerana (kita yakin) estetik Islam adalah estetik yang paling unggul. Estetik Islam dan teori sastera Islam mungkin belum wujud, tetapi Islam mempunyai idea-idea estetik yang kaya, yang perlu dibina oleh ahli-ahli fikir seni mereka menjadi sebuah falsafah seni yang unggul.

Sebuah karya sastera yang baik, mengikut teori sastera Islam, tidak mestinya yang penuh dengan kata-kata 'Allah', 'Rasulullah' dan sebagainya, tetapi adalah yang "menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan", (al-Quran 3:109) yang "menghapuskan kepalsuan dan mengesahkan kebenaran", (al-Quran 42:24) yang "meninggikan perkataan-perkataan yang baik dan perbuatan-perbuatan yang baik", (al-Quran 35:10) dan yang "indah dan menggemari keindahan", (Sesungguhnya Tuhan indah dan menggemari keindahan – hadis) dan yang mengandungi "segala yang paling indah", (al-Quran 20:8). Inilah intisari estetik Islam – keindahan, kebenaran dan kebaikan melawan keburukan, kepalsuan dan kejahatan. Isi yang demikian di dalam bentuk yang demikian – inilah sastera yang tertinggi, yang berjiwa Islam. Shahnon mensyaratkan bahawa karya-karya demikian hanya boleh dihasilkan oleh penulis-penulis Islam. Tetapi sejarah kesusasteraan dunia sudah membuktikan bahawa penulis-penulis bukan Islam juga telah dan boleh menghasilkan karya-karya seni yang selaras dengan estetik Islam. Oleh itu, syarat demikian tidaklah wajar.

Kita harus membuat satu garis perbezaan di antara penulis dan karya, pembuat dan perbuatannya. Kita boleh menilai seorang penulis sama ada ia beriman atau tidak pada sesuatu jangka waktu, yakni kita menilainya dari segi keimanan, tetapi kita tidak boleh menilai karyanya dari segi keimanan; kita hanya boleh menilai karya dari segi mutu, yakni baik buruknya. Demikianlah kita menilai semua aktiviti manusia – falsafahnya, keseniannya, akhlaknya, praktik sosialnya dan kelakuannya: dari segi baik buruknya, atau dengan lain perkataan, mutunya.

Kita akui bahawa masalahnya timbul apabila kita hendak membuat ukuran. Apakah yang dikatakan indah, benar dan baik? Saya fikir masalah ini tidaklah begitu besar, sekiranya kita bertolak dari satu sikap yang jujur, ingin mencapai kebenaran dan bukan untuk mempertahankan sesuatu fahaman mazhab tertentu. Umpamanya, kewujudan Tuhan Yang Esa ialah satu kebenaran kerana telah diisytiharkan oleh para rasul (orang-orang yang paling layak dipercayai) dari zaman purba Nabi Adam a.s. hingga ke zaman moden Nabi Muhammad s.a.w. dan kerana semua manusia mengalami kebenaran itu di dalam alam dirinya dan juga di alam luar. Di atas dasar-dasar itu juga kita menerima bahawa Tuhan Yang Esa ini Baik dan Indah. Demikianlah seterusnya kita mengetahui kebenaran-kebenaran, kebaikan-kebaikan dan keindahan-keindahan lain. Tentu-

nya, kerap kali kita perlu membuat penyelidikan-penyelidikan yang tekun dan mengadakan perbincangan-perbincangan dan perdebatan-perdebatan yang hangat untuk mencari sesuatu kebenaran! Tetapi kebenaran itu tidak begitu sukar dicari. Dalam al-Quran, "Jalan yang lurus itu sudahlah terang dari (jalan yang) menyeleweng" (2:256). Di dalam hal ini contoh-contoh yang diberi oleh S. Othman Kelantan mengenai konsep keindahan yang salah yang dipegang oleh golongan formalis adalah tepat.[3]

Inilah masalah-masalah teori yang penting yang telah timbul di dalam polemik ini. Saya harap rumusan masalah-masalah ini tepat dan huraian tentangnya terang. Di dalam rencana lain, insya-Allah, saya akan mengambil beberapa contoh dari karya-karya kesusasteraan kita dan juga kesusasteraan-kesusasteraan lain untuk dinilai mengikut teori kritikan Islam.

(*Dewan Sastera*, November 1983)

[3]Lihat S. Othman Kelantan, "Sastera Sebagai Alat Pengucapan Batin", *Dewan Sastera*, Jun 1983, hlm. 19-25.

RUMUSAN II: UKURAN KRITIKAN SASTERA ISLAM

Kassim Ahmad

DI DALAM rencana yang lalu, sebagai rumusan pertama, saya telah menarik perhatian kepada perbezaan-perbezaan di antara kesusasteraan dan agama, di antara karya-karya sastera dan karya-karya bukan sastera dan di antara kesusasteraan dan teori kesusasteraan. Perbezaan-perbezaan ini perlu diperhatikan supaya kekeliruan dan kacau-bilau dapat dielakkan di dalam perdebatan kita. Di dalam rencana ini saya ingin membuat rumusan tentang masalah kritikan.

Masalah kritikan ialah sebahagian daripada masalah teori sastera. Sementara teori sastera membincangkan keseluruhan fenomena kesusasteraan – puncanya, sifatnya, fungsinya, jenis-jenisnya dan strukturnya – kritikan membincangkan masalah nilai dan ukuran, termasuklah huraian dan tafsiran. Polemik kita banyak menumpu kepada definisi kesusasteraan Islam, yakni sifatnya. Terdapat persetujuan bahawa keindahan haruslah menjadi nilai utama di dalam kesusasteraan oleh kerana "Sesungguhnya Tuhan Maha Indah dan menggemari keindahan".[1] Kita tidak sempat mendalami pengertian keindahan ini dari segi bentuk dan isi sebuah karya sastera dan juga hubungannya dengan nilai-nilai utama yang lain di dalam kehidupan, iaitu kebenaran dan kebaikan. Namun demikian, perlulah kita mengulangi bahawa kesusasteraan, walaupun berbeza dari falsafah, moral dan agama, tidak boleh wujud bebas dari ketiga-tiga disiplin besar manusia ini, seperti yang didakwa oleh setengah ahli teori kri-

[1]Hadis, riwayat Muslim.

tikan.[2] Dalam erti kata yang unggul, keindahan adalah serentak benar dan baik, dan sebaliknya.

Untuk menentukan kriteria-kriteria kritikan Islam, perlulah kita mengetahui, selain daripada sifat kesusasteraan, fungsi kesusasteraan Islam. Pengetahuan ini kita peroleh dari dua sumber, pertama, dengan mengkaji kesusasteraan itu sendiri serta menarik kesimpulan-kesimpulan tentang fungsi kesusasteraan dan, kedua, dengan mengkaji ajaran-ajaran estetika Islam di dalam Quran dan hadis. Kedua-dua sumber dan pendekatan ini perlu digabungkan untuk mendapat satu pengetahuan yang jelas dan lengkap tentang fungsi kesusasteraan. Rene Wellek dan Austin Warren telah menerangkan fungsi ini dengan jelas: "Sejarah estetika boleh dirumuskan sebagai satu pertentangan di antara tesis dan lawan tesis Horace, 'manis' dan 'bermanfaat': puisi adalah manis dan bermanfaat."[3] Tidak ada sebuah karya sastera yang boleh dianggap demikian yang tidak memberi nikmat kepada pembaca; dan di samping itu, ia juga memberi manfaat. Kedua-dua unsur nikmat dan manfaat ini, di dalam karya-karya besar, tidak dapat dipisahkan di antara satu dengan lain dan berpunca dari keindahan (dan kebenaran dan kebaikan) yang terkandung secara bersepadu di dalam isi dan bentuk karya-karya tersebut.[4]

Masalah yang besar bagi kritikan ialah pengertian keindahan. Apakah yang dianggap nikmat dan bermanfaat? Lain tamadun, malah lain falsafah, memberi jawapan yang berlainan kepada soalan ini, bergantung kepada konsep hakikat yang dibawa oleh tamadun atau falsafah itu. Tidak perlulah kita memanjangkan masalah ini, kecuali menyatakan bahawa, kerana Islam menganggap kehidupan sebagai satu tatakeadaan spiritual dan moral, maka pengertian keindahannya adalah juga spiritual dan moral. Dengan demikian, yang indah, yang nikmat dan bermanfaat, adalah dari segi spiritual dan moral, bukan dari segi jasmaniah dan deria, walaupun ia tidak menolak nikmat dan manfaat dari segi jasmaniah dan deria di dalam batasan-batasan yang dibenarkan oleh pandangan spiritual dan moral.

[2]Lihat A.K. Warder, *The Science of Criticism in India*, Madras: Adyar Library and Research Centre, 1978, hlm. 68-71.

[3]*Theory of Literature*, New York: Penguins Books, 1949, hlm. 29-30.

[4]Kepaduan ideal di antara ciri-ciri nikmat dan manfaat di dalam isi dan bentuk barangkali dapat dilihat di dalam kejadian cahaya atau nur. Cahaya bukan sahaja indah dan menarik, tetapi juga sekaligus menerangkan. Inilah martabat pengajaran

Mari kita ambil dari al-Quran dan contoh yang menggambarkan keadaan tersebut. Satu, peristiwa keganasan terhadap Nabi Yusuf a.s. oleh abang-abangnya (12:7-20) dan, kedua, peristiwa bujukan berahi oleh Zulaikha terhadap Nabi Yusuf, (12:23-29). Kedua-dua peristiwa ini digambarkan dengan wajar tanpa menonjolkan aspek-aspek negatif (keganasan dan seks), tetapi menimbulkan dengan jelas aspek-aspek positif (kebenaran Yusuf di satu pihak dan kejahatan abang-abangnya dan kejahatan Zulaikha di pihak lain). Dengan demikian, penggambaran ini mencapai tujuan sebuah karangan yang unggul: menceritakan dengan benar apa yang berlaku dan di samping itu menjelaskan isu-isu moral yang terkandung di dalamnya. Di tangan seorang pengarang naturalis kedua-dua peristiwa keganasan dan seks itu akan dibesarkan dan diceritakan dengan terperinci. Penggambaran seperti ini nyata menodai kebenaran. Haruslah diingat bahawa surah Yusuf ini bukanlah sebuah cerpen atau drama mengenai Nabi Yusuf dan keluarganya, tetapi kritikan Islam boleh mendapat pelajaran daripadanya tentang pengertian keindahan.

Di dalam penciptaan karya-karya sastera, tiga faktor memainkan peranan: tradisi dan konvensi sastera, kenyataan di dalam erti kata yang luas dan peribadi pengarangnya.[5] Tradisi dan konvensi sastera termasuklah jenis-jenis sastera (genre), struktur dan gaya; kenyataan termasuklah keadaan sosioekonomi, politik, sosial, intelektual, moral dan spiritual; dan peribadi penulis termasuklah pendidikan, pengalaman, fikiran, cita-cita dan pandangan hidup beliau. Faktor-faktor ini mestilah diperhitungkan di dalam kritikan Islam.

Karya-karya sastera sesuatu bangsa, malah semua bangsa, tidak boleh dilihat sebagai terpisah di antara satu dengan lain. Karya-karya ini mempunyai hubungan-hubungan organis; lebih dekat mereka dari segi masa dan tempat, lebih rapat hubungan-hubungan itu. Hubungan organis ini disebabkan oleh persamaan-persamaan yang dikongsi di atas dasar-dasar kemanusiaan, kebangsaan dan zaman. Oleh kerana hubungan-hubungan organis inilah maka wujud konsep-konsep kesusasteraan dunia, kesusasteraan kebangsaan dan periodisasi di dalam sesebuah kesusasteraan. Faktor ini menunjukkan peranan-peranan interaksi kebudayaan dan persekitaran intelektual

yang tertinggi – cahaya – paduan di antara keindahan, kebenaran dan kebaikan. Inilah juga matlamat ideal bagi kesusasteraan.

[5]Jaroslav Prusek, "A Confrontation of Traditional Oriental Literature and Modern European Literature in the Context of the Chinese Literary Revolution", dalam Leon Edel (ed.), *Literary History and Literary Criticism*, New York, 1965, hlm. 168.

dan kebudayaan di dalam kesusasteraan. Faktor ini juga harus diperhitungkan di dalam kritikan dan kajian sastera.

Dengan demikian, kita bolehlah merumuskan ukuran-ukuran kritikan Islam sebagai berikut:

1. Adakah karya itu menggambarkan suatu keadaan yang benar sama ada secara realistik atau simbolik?
2. Adakah karya itu memberi nikmat emosional, intelektual, moral dan spiritual?
3. Adakah karya itu mendatangkan manfaat intelektual, moral dan spiritual?
4. Adakah karya itu digubah secara utuh dari segi watak, tema dan struktur dan dengan kepadatan bahasa?
5. Adakah karya itu menggunakan konvensi-konvensi sastera yang sesuai dan wajar?

Pada pendapat saya, inilah ukuran-ukuran yang utama dan penting. Sekiranya, jawapan kepada semua soalan ini positif, sebuah karya itu boleh dianggap bermutu oleh kritikan Islam, sama ada karya itu ditulis oleh seorang pengarang yang beragama Islam atau tidak. Martabat positif jawapan-jawapan kepada soalan-soalan itu menentukan martabat mutu karya itu (baik sekali, baik, sedang). Walau bagaimanapun, soalan-soalan ini, khasnya soalan-soalan kedua dan ketiga, tidaklah begitu mudah dijawab. Kesukaran ini merupakan satu punca perbezaan pendapat di kalangan pengkritik-pengkritik. Tetapi punca pokok yang menimbulkan perbezaan pendapat tentang sesuatu karya ialah pandangan hidup atau sudut falsafah. Sudut falsafah materialis mempunyai susunan nilai-nilai estetik yang berbeza dari sudut falsafah idealis, dan seterusnya.

Saya ingin mengambil tiga buah sajak – di antara yang terbaik yang telah dihasilkan oleh penyair-penyair moden Melayu dan Indonesia – untuk dikritik mengikut ukuran-ukuran yang telah saya sebutkan: "Berdiri Aku" oleh Amir Hamzah, "Aku" oleh Chairil Anwar dan "Seribu Harapan" oleh Masuri S.N. Sayangnya, saya tidak bertemu dengan sajak-sajak yang sama baiknya yang bertemakan Tuhan atau rasul-Nya atau peristiwa-peristiwa penting di dalam sejarah Islam, seperti Perang Badar, Perang Uhud, penaklukan Mekah oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan sebagainya. Malah dua buah antologi oleh Suhor Antarasaudara (*Firaun Abad 20* dan *Manifesto*) mengandungi sajak-sajak yang tidak jauh bezanya dari propaganda kaku dan kasar yang tidak memberi apa-apa sumbangan kepada aliran sastera Islam di negara kita.

"Berdiri Aku"

Berdiri aku di senja senyap
Camar melayang menepis buih
Melayah bakau mengurai puncak
Berjulang datang ubur terkembang.

Angin pulang menyejuk bumi
Menepuk teluk menghempas emas
Lari ke gunung memuncak sunyi
Berayun alun di atas alas.

Benang raja mencelup ujung
Naik marak menyerak corak
Elang leka sayap tergulung
Di mabuk warna berarak-arak.

Dalam rupa maha sempurna
Rindu sendu mengharu kalbu
Ingin datang merasa sentosa
Mengecap hidup bertentu tuju.

"Aku"

Kalau sampai waktuku
Kumau tak seorang 'kan merayu
Tidak juga kau

Tak perlu sedu-sedan itu

Aku ini binatang jalang
Dari kumpulannya terbuang

Biar peluru menembus kulitku
Aku tetap meradang menerjang

Luka dan bisa kubawa berlari
Berlari
Hingga hilang pedih peri

Dan aku akan lebih tidak peduli
Aku mau hidup seribu tahun lagi.

"Seribu Harapan"

Demi cahaya memancar dari segi harapan
membawa hati berani rasa akan menyiapkan
segala cita sekarang nanti mengukir menang
bergerak satu barisan gagah di mana penuh
sokongan

Ah, besar membawa nama, dada rela melapang
menunggu setiap yang mahu lalu, yang mahu
menerjang
akan ombak tenaga dari seluruh persatuan
yang sejak mula bergerak penuh seribu harapan.

Siapa rela, siapa nanti pergi mara berbakti;
sedang kawah panas dengan air membuas ganas
siapa berani, siapa nanti sanggup bermain api
yang menyambar, membakar, menjilat apa yang
melintas,
lihat semua sikap tidak gentar dibuai godaan
dengan membawa obor seribu sinar harapan.

Tiga buah sajak masyhur di atas ditulis antara tahun-tahun 1941 hingga 1951. Dekad ini adalah dekad kemuncak gelombang nasionalisme di Asia Tenggara. Perjuangan rakyat yang gagah untuk kemerdekaan bangsa merupakan satu ciri sosial yang penting dalam zaman itu. Sajak Masuri "Seribu Harapan" melafazkan semangat gagah ini. Tamadun Eropah yang datang dengan kolonialisme juga membawa ciri kebebasan individu dari ikatan tradisi dan masyarakat lama. Ini satu lagi ciri zaman itu dan ini dinyatakan di dalam sajak masyhur Chairil Anwar, "Aku". Dalam pada itu, bukan semua dalam tradisi dan masyarakat lama itu buruk, dan tidak perlu dibuang semuanya, seperti yang dianjurkan oleh Chairil di dalam sajak "Aku". Sajak Amir Hamzah, "Berdiri Aku", yang tertulis paling awal di antara sajak-sajak itu, melahirkan perasaan tenang dan harmonis, melambangkan dunia lama dan juga perasaan rindu kepada ketenangan dan harmoni yang bakal hilang. Latar belakang sosial ini perlu disedari untuk memahami sajak-sajak tersebut.

Ketiga-tiga sajak ini adalah sajak-sajak Melayu bebas yang tidak lagi tertakluk kepada bentuk-bentuk puisi Melayu lama, pantun dan syair. Ini adalah kerana mereka penyair-penyair Melayu moden yang hidup di dalam masyarakat moden yang sudah memisahkan dirinya dari tradisi-tradisi masyarakat lama. Namun demikian, pengaruh bentuk-bentuk puisi Melayu lama, pantun dan syair, masih tidak dapat dilenyapkan sama sekali dan masih kelihatan di dalam sajak-sajak ini. Pengaruh bentuk pantun nampak jelas dalam tatasajak *abad* pada sajak Amir Hamzah. Di dalam sajak Masuri kedua-dua pengaruh tatasajak syair (aaaa) dan pantun dapat dilihat. Sebaliknya, sajak Chairil tidak memperlihatkan pengaruh bentuk-bentuk tradisional ini lagi. Boleh dikatakan di antara tiga penyair ini, Chairillah yang paling radikal berpecah dengan konvensi sastera Melayu lama. Namun demikian, konvensi sastera hanya satu kaedah bagi penyair untuk menyatakan perasaan dan fikirannya. Kaedah yang paling berkesan, yang tidak semestinya baru sama sekali, itulah kaedah yang paling baik.

Ketiga-tiga sajak ini memperlihatkan kepadatan bahasa – satu tanda, syarat dan ciri bagi sebuah sajak yang baik. Tidak ada perkataan yang tidak perlu; tidak ada yang tidak sesuai; tidak ada yang boleh ditukar tempatnya; semuanya bertenaga dan memberi tenaga; dan semuanya berfungsi di dalam struktur sajak. Lihat sahaja kesannya bila baris "/Berdiri aku di senja senyap/" diganti dengan "/Aku berdiri di senja senyap/" atau "/Saya berdiri di senja senyap/". Begitu juga jika baris "/Kalau sampai waktuku/" diganti dengan "/Kalau sampai masaku/" atau "/Bila sampai masaku/". Perhatikan pula kesannya jika baris "/Demi cahaya memancar dari segi harapan/" diganti dengan "/Demi sinar memancar dari segi harapan/". Mengapakah pertukaran satu perkataan boleh membawa kesan yang besar kepada sebuah sajak yang baik? Jawabnya kerana tiap-tiap perkataan mempunyai fungsi strukturnya di dalam baris dari segi bunyi, suku kata, rentak, irama, lagu, sajak dan juga makna. Satu perkataan lain boleh mempunyai makna yang sama, tetapi tidak mempunyai persamaan dari segi-segi lain. Seorang penyair ialah seorang yang sangat peka terhadap bahasa.

Ketiga-tiga sajak ini sangat kaya dengan aliterasi, satu alat puisi yang amat berkesan. Boleh dikatakan tiap-tiap baris mengandung aliterasi. Perhatikan huruf-huruf condong "/*Menepuk* te*luk* meng*hempas* e*mas* Bera*yun* al*un* di a*tas* al*as*/ di dalam "Berdiri Aku", /Aku ini bina*tang* ja*lang*/ /*hi*ngga *hi*lang *pe*dih *pe*ri/ di dalam "Aku" dan/*Siapa* rela, *siapa* nan*ti* per*gi* mara berbak*ti*/Sedang kawah pa*nas* dengan air membu*as* ga*nas*/ di dalam "Seribu Harapan".

Gambaran keindahan petang menjelang senja di tepi laut dengan burung-burung camar berterbangan mencecah permukaan laut, dengan angin memukul-mukul lembut, ditambah pula dengan kekayaan dan keindahan warna-warna pelangi – sukarlah hendak dicari satu gambaran keindahan, ketenangan dan harmoni, seperti yang dilukiskan oleh Amir Hamzah. Demikian juga imej 'binatang jalang', 'dari kumpulannya terbuang' yang diberi oleh Chairil di dalam sajaknya untuk melambangkan semangat individualisme dan pemberontakan terhadap tradisi-tradisi lama yang lapuk dan mengongkong. Imej ini sangat kuat dan berkesan. Di dalam sajak Masuri, beliau menggunakan imej-imej cahaya, ombak dan api untuk menggambarkan aspek-aspek perjuangan besar bangsa untuk mencapai kemerdekaan – aspek harapan bagi rakyat untuk menentukan nasibnya sendiri, aspek kekuatan dari gabungan tenaga kolektif bangsa

untuk melawan penjajah dan aspek bahaya yang dihadapi oleh pejuang-pejuang kemerdekaan. Dengan demikian, kita dapat melihat ketiga-tiga penyair ini telah menggunakan imej-imej yang terang, kuat dan berkesan untuk memberi rupa kepada idea-idea dan perasaan-perasaan mereka.

Boleh dikatakan kita baru berbincang sajak-sajak ini dari segi bentuk – tatasajaknya, bahasanya dan imej-imejnya. Tetapi, sebenarnya, kita pun sudah memperkatakan isinya. Inilah satu bukti bahawa kita tidak dapat memisahkan antara bentuk dan isi di dalam sebuah karya yang baik. Di dalam sebuah karya demikian persenyawaan sudah berlaku di antara bentuk dan isi. Namun demikian, idea-idea keinginan kepada kesentosaan ("Berdiri Aku"), pembebasan individu dari tradisi-tradisi kolot ("Aku") dan kemerdekaan dari penjajahan ("Seribu Harapan") adalah idea-idea kemanusiaan yang besar. Idea-idea ini sama sekali tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran atau akidah Islam. Dengan demikian, sajak-sajak ini adalah bermutu dari segi kritikan Islam dan mereka menjawab lima soalan ukuran yang saya kemukakan di atas secara positif. Sebenarnya, ketiga-tiga buah sajak ini termasuk ke dalam golongan sajak-sajak moden Melayu-Indonesia yang paling baik.

Sebagai kesimpulan, kritikan Islam berdasarkan ukuran-ukuran moral dan spiritual yang merangkumi ukuran-ukuran estetik. Di dalam pandangan hidup tauhid Islam, tidak wujud pertentangan di antara seni, moral dan agama. Ketiga-tiga ini merupakan tiga bidang aktiviti manusia berlainan tetapi baik buruk sebuah karya, tidak kira karya itu ditulis oleh siapa. Di dalam membuat penilaian, akidah seseorang penulis tidak boleh diperhitungkan, kecuali apa yang terpancar di dalam karya itu.

(*Dewan Sastera,* Januari 1984)

BIODATA PENULIS

KASSIM AHMAD, merupakan sarjana dan penulis terkenal tanahair. Beliau menerima ijazah Sarjana Muda Sastera tahun 1959 dan ijazah Sarjana Sastera tahun 1961 dari Universiti Malaya. Pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pegawai Penyelidik dan kemudian bertugas sebagai pensyarah di School of Oriental and African Studies, London. Sebagai mengenang jasanya dalam sastera Melayu, beliau telah dianugerahkan ijazah Kehormat Doktor Sastera oleh Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 1985. Di samping menulis esei dan kritikan, beliau juga turut menulis puisi dan cerpen. Antara bukunya yang telah diterbitkan ialah *Perwatakan Dalam Hikayat Hang Tuah, Dialog Dengan Sasterawan, Masalah Teori Sosial Moden Islam* dan *Risalah Seni Karang-Mengarang*. Kebelakangan ini nama beliau begitu menonjol bila beliau berpolemik dengan Shahnon Ahmad mengenai sastera Islam.

SHAHNON AHMAD, DATO' PROF., sarjana dan salah seorang sasterawan Malaysia yang terkenal. Novel dan cerpennya yang berlatarbelakangkan masyarakat petani di daerah kelahirannya telah luas mendapat perhatian di dalam dan di luar negeri. Di samping itu beliau juga telah membuktikan dirinya sebagai seorang sarjana yang dihormati melalui tulisan-tulisannya mengenai idea dan kritikan kesusasteraan. Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia. Lahir di Kampung Banggul Derdap, Sik, Kedah pada 13 Januari 1933 dan terdidik di Universiti Kebangsaan Australia dan Universiti Sains Malaysia di peringkat sarjana sastera. Sebagai mengenang jasanya dalam sastera Melayu, beliau telah dianugerahkan sebagai Penerima Anugerah Sastera Negara tahun 1982. Karya-karyanya meliputi cerpen, novel dan esei/kritikan serta pernah mencuba menulis drama. Novel-novelnya ialah *Rentong, Terdedah, Ranjau Sepanjang Jalan, Protes, Menteri, Perdana, Srengenge, Sampah, Kemelut, Seluang Menodak Baung* dan *Al-Shiqaq I*. Kumpulan cerpennya ialah *Anjing-Anjing, Debu Merah* dan *Selesai Sudah. Kesusasteraan dan Etika Islam* merupakan buku beliau berbentuk kajian yang membicarakan sastera Islam.

Buku ini memuatkan sembilan buah esei karya dua penulis terkenal, Dato' Prof. Hj. Shahnon Ahmad dan Sdr. Kassim Ahmad yang telah disiarkan secara bersiri dalam majalah *Dewan Sastera*. Gambaran yang jelas dari buku ini ialah kesungguhan kedua-dua penulisnya untuk memberikan pendapat dan penjelasan mengikut pengertian masing-masing bagi mencipta satu definisi dan penilaian tentang kesusasteraan Islam. Polemik ini juga telah mencetuskan berbagai-bagai reaksi pro dan kontra terhadap sastera dan hubungannya dengan Islam. Buku ini berfaedah untuk para pelajar, penulis, pengkaji dan pengkritik terutamanya untuk melihat perkembangan sastera Islam tanahair.